



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 19)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014	(Halaman 20)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 19)
Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2013	(Halaman 24)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO  
*[memangku]*
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
16. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
17. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] – UMNO

18. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRS
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] - PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] – UPKO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO
6. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB

9. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
17. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
18. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
20. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
22. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
24. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

#### AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB

9. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] – UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
21. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
23. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] - UMNO
24. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
25. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
26. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
27. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.S.A.P., D.I.M.P., S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P. [Rompin] - UMNO
29. “ Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] - UPKO
39. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
40. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
41. “ Puan Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B. [Masjid Tanah] - UMNO
42. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
43. “ Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO

44. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
45. “ Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
46. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
47. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
48. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
49. “ Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
50. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
51. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
52. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
53. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
54. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
55. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
56. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
57. “ Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
58. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
59. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
60. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
61. “ Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
62. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
63. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
64. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
65. “ Dato’ Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
66. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
67. “ Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
68. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
69. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
70. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
71. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
72. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
73. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
74. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
75. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA

76. “ Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
77. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
78. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
79. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
80. “ Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
3. “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]
4. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
5. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
6. “ Dato' Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
7. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
8. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
9. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
10. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
11. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
12. “ Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
13. “ Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
14. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
15. “ Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
16. “ Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
17. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
18. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
19. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
20. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
21. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
22. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
23. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
24. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
25. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
26. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
27. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
28. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
29. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
30. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]



**AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]
9. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
10. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
11. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
12. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
13. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
14. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
15. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
16. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
17. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
18. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
20. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
21. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
22. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
23. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
24. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
25. “ Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]
26. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
27. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
28. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
29. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
30. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
31. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
32. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
33. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
34. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
35. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
36. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
37. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
38. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

**AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. " Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. " Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. " Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. " Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. " Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. " Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. " Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. " Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. " Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. " Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. " Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. " Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. " Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
15. " Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. " Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
17. " Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. " Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
19. " Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. " Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. " Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Dato' Lamien bin Sawiyo

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS**  
**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir  
Noraidah binti Manaf  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Siti Norlina binti Ahmad  
Hazwani Zarifah binti Anas  
Siti Aishah binti Md. Nasir  
Ismalinda binti Ismail



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

Isnin, 31 Mac 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee)*  
*mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Perdana Menteri Malaysia menyatakan:

- (a) apakah kerajaan mempunyai rancangan untuk melakukan persempadanan semula kawasan pilihan raya; dan
- (b) apakah ada rancangan meminda peraturan supaya melarang pengosongan kerusi pilihan raya dilakukan atas alasan peribadi atau tidak munasabah.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:**

*Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri yang berakhir bagi negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah ialah pada 21 Mac 2003. Kita kena ingat tarikh itu, 21 Mac 2003. Sehubungan dengannya, tempoh lat lapan tahun seperti yang ditetapkan di bawah Perkara 113(2), Perenggan 2, Perlembagaan Persekutuan sepatutnya berakhir pada 21 Mac 2011 dan tarikh bermulanya kajian semula itu akan dikira daripada tarikh tersiarnya notis yang akan diwartakan menurut seksyen 4, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Namun pada pertengahan tahun 2011, Suruhanjaya Pilihan Raya telah membuat keputusan berdasarkan Perkara 113(2), Perenggan (i), Perlembagaan Persekutuan untuk melaksanakan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan juga negeri bagi negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah dimulakan secara rasmi selepas Pilihan Raya Umum Ketiga Belas. Ini mengambil kira tempoh kajian semula persempadanan perlu diselesaikan dalam tempoh dua tahun. Sekiranya ia dilaksanakan pada tahun 2011, dikhuatiri kajian akan mengganggu sekiranya pilihan raya umum berlaku dalam tempoh tersebut. Ia akan melangkaui tempoh dua tahun yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Bagi Negeri Sarawak, kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya yang terakhir ialah pada 10 Jun 2005. Berdasarkan peruntukan Perkara 113(2)(i), Perlembagaan Persekutuan, urusan kajian semula persempadanan bagi bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri bagi negeri Sarawak hanya boleh dilaksanakan pada 10 Jun 2013 iaitu selepas cukup tempoh lat lapan tahun, selepas siapnya urusan kajian semula persempadanan sebelum ini. Dalam melaksanakan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri pada kali ini, SPR telah membuat keputusan untuk menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya secara serentak bagi semua negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat agar kerajaan mengambil tindakan untuk melarang pengosongan kerusi pilihan raya dilakukan atas alasan peribadi atau tidak munasabah, Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal 6, Perkara 48 telah menyatakan bahawa seseorang yang meletak jawatan akan hilang kelayakan untuk bertanding selama lima tahun bermula dari tarikh pelepasan jawatannya berkuat kuasa. Perletakan jawatan

yang dimaksudkan adalah peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negeri yang berdasarkan kepada peruntukan Perkara 51, Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri-negeri. Oleh itu, Akta Pilihan raya 1958 tidak boleh melarang seseorang yang ingin meletak jawatan atas kemahuannya kerana ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri.

Oleh yang demikian, kerajaan merasakan undang-undang yang sedia ada masih sesuai untuk diteruskan untuk menghalang Ahli Parlimen serta Ahli Dewan Undangan Negeri daripada meletak jawatan dengan alasan peribadi atau tidak munasabah kerana ia boleh menyebabkan kos yang tinggi kepada kerajaan. Kos yang tinggi boleh digunakan untuk tujuan lain yang lebih bermanfaat kepada rakyat tetapi kini terpaksa dibelanjakan untuk tujuan pilihan raya yang berkenaan. Namun begitu, semua pandangan oleh pelbagai pihak berhubung dengan peletakan jawatan secara sengaja atau dengan niat tertentu akan dikaji oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Apa pun dengan adanya SPR, sistem demokrasi negara kita berjalan dengan baik. Akan tetapi jangan ikut PKR, suami isteri pun bertanding, tidak elok sangat.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, apakah faktor yang diambil oleh kerajaan untuk melakukan persempadanan semula ini. Kemudian, hari ini kita dengar pelbagai persepsi buruk dibuat oleh pihak tertentu terutamanya oleh rakan-rakan di sebelah sana melabelkan sistem pilihan raya SPR kita tidak baguslah, 40,000 orang pengundi Bangla, macam-macam.

#### ■1010

Apa tindakan kerajaan dalam mengenai isu ini? Kemudian, untuk memperlihatkan kredibiliti persempadanan semula yang hendak kita lakukan ini, apakah ada cadangan daripada kerajaan untuk mengambil pemerhati antarabangsa dalam perkara ini? Itu soalan saya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali berkenaan pemerhati antarabangsa. Kita tidak ambil tetapi mereka boleh membuat permohonan untuk hadir semasa proses itu berjalan. Ini boleh dipertimbangkan tapi saya ingat tidak ada keperluan sebab kebiasaannya pemerhati antarabangsa ini mereka hanya hadir masa pengundian. Kita belum pernah dengar lagi pemerhati antarabangsa hadir ketika persempadanan kerana persempadanan mengambil masa dua tahun. Pemerhati antarabangsa bukan ada kerja tetap. Mereka datang sebagai sukarelawan ataupun wakil kepada parti ataupun NGO. Mereka boleh datang pada hari pilihan raya.

Untuk proses persempadanan, kita belum lagi bercadang untuk menjemput mereka sebab kita tidak tahu di mana keperluan kehadiran mereka juga sebahagian daripada apa yang dibincangkan itu adalah termasuk dalam Akta Rahsia Rasmi yang kalau kita langgar Akta Rahsia Rasmi, maka merupakan kesalahan. Urusan persempadanan semula ini adalah seperti yang telah saya sebutkan ketika penggulungan tetapi telah mendapat gangguan yang luar biasa daripada kawan-kawan sebelah sana untuk menghalang saya daripada berucap.

Pertama sekali, persiapan awal di peringkat SPR adalah dengan melantik dua orang daripada pegawai Jabatan Perangkaan dan juga pegawai ukur. Selepas itu siap, kita akan menghadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga YDP Speaker Dewan Rakyat dan masa itulah kita maklumkan bahawa persempadanan semula akan dibuat. Selepas kita akan warta, kita pameran dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar, maka bermula persempadanan selama dua tahun.

Selepas dipamerkan selama sebulan, maka bantahan boleh dibuat oleh pihak kerajaan negeri, kerajaan tempatan ataupun 100 orang pengundi berdaftar di kawasan tersebut yang tandatangan untuk membuat bantahan. Bila tempoh sebulan itu tamat, kita akan membuat kajian. Kajian itu dijangka di antara empat bulan lebih ataupun mungkin empat bulan kurang, terpulang kepada bantahan. Setelah siap kajian, maka kita bentang sekali lagi, dipamerkan selama sebulan.

Semua bantahan ini diproses sekali lagi selama empat bulan, lima bulan ataupun lebih sehingga selesai. Apabila selesai, laporan ini akan dihantar terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan membentangkan di Parlimen iaitu bagi mendapat sokongan setengah atau tidak kurang daripada separuh Ahli Parlimen. Sekiranya separuh

dari Ahli Parlimen menyokong maka persempadanan tersebut adalah diluluskan (Laporan syor kajian semula persempadanan yang dibawa oleh SPR diluluskan).

Kita akan tunggu dua tahun, lepas itu kalau sekiranya kita merasakan bahawa kita akan pergi pilihan raya dengan kawasan Parlimen yang baru, maka Ahli Dewan yang mulia ini hendaklah bersatu padu bangun menyokong dua pertiga supaya bilangan kerusi Parlimen dapat ditambah. Akan tetapi kalau Yang Berhormat tak mahu menyokong, maka duduklah melekat di situ sampai bila-bila dalam angka 222. Akan tetapi kalau kita memikirkan bahawa kita bukan sahaja hero negara ini, banyak lagi rakyat yang perlu jadi hero, bagilah ruang kepada orang lain untuk jadi wakil rakyat dan hadir di Dewan Rakyat.

Itu lebih baik kerana setengah daripada Yang Berhormat kadang-kadangnya pemikiran-pemikiran mungkin sudah lama sikit ataupun dah garang sikit ataupun, dah *arrogant* sikit. Jadi, kita seharusnya bagi peluang kepada anak-anak muda supaya dapat hadir di Dewan ini untuk bersama-sama, terutamanya sebuah parti yang paling banyak berjasa, Barisan Nasional.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, pada 3 April 2012, Dewan yang mulia ini telah meluluskan satu Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya di mana saya dan Yang Berhormat Kuala Krai merupakan ahli. Syor yang ke-20 berkenaan dengan persempadanan bahagian pilihan raya yang seimbang 20.2, syornya berbunyi, "*Jawatankuasa mengesyorkan SPR menyemak semula Jadual Ke-13, Perlembagaan Persekutuan, bertujuan memberi makna sepenuhnya kepada prinsip 1 orang 1 undi dan mengembalikan wajaran kawasan luar bandar ataupun rural weightage*".

Syor 20.3 pula berbunyi, "*Jawatankuasa mengesyorkan SPR menentukan satu formula yang adil dan saksama berdasarkan satu prinsip yang tetap dalam menentukan jumlah pengundi di sesuatu bahagian pilihan raya dalam satu negeri tidak berbeza dengan ketara*". Saya nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah SPR dan kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah untuk memasukkan prinsip-prinsip ini dalam proses persempadanan yang akan datang. Bilakah janji ini akan ditepati? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya sudah terangkan beberapa kali tapi walaupun diterangkan tetap tidak habis, kalau kita bincang 10 tahun pun tak habis. Jadi, sudah pasti oleh kerana ketidakhabisannya, maka kita akan terus berbincang. Okey, yang pertama prinsip 'satu rakyat satu undi'.

Yang Berhormat, ini contoh ya. Kalau contoh ini salah, tak perlu diketawakan ataupun dihingar-bingarkan. Contoh, macam satu Loke satu undi dan satu Mahfuz satu undi bagi saya nilainya berlainan tetapi satu Mahfuz dengan satu Shahidan nilainya adalah sama kerana kami dari kawasan luar bandar.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tak boleh sebut nama.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tapi satu Loke mungkin sama dengan satu Kuching. Satu Loke dengan satu Lim Goh Tong dan lain.

**Seorang Ahli:** Bukhari.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Merapulah itu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini bukan merapu, dengar betul-betul. Itu saya kata. Belum habis cakap dah mula merapu pasal tak mahu dengar betul-betul. Satu insan itu kita hendak satu undi, ya tapi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang orang tua yang dimaksudkan itu YB Arau sendiri *kot*?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dua-dualah, dua-dua. Saya kalau nak kira muka, muka Shah Alam lagi tua, muka saya muda. Dia lebih tua daripada Yang Berhormat Johor Bharu ya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Jawab soalanlah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya macam satu Arau satu Pokok Sena, okey. Satu Subang pun okey, *no problem*.

**Tuan R.Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, tak boleh macam ini Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *No, no.* Saya bagi contoh. Satu undi, dia mesti didasarkan kepada latar belakang. Latar belakang ekonomi, penempatan, keluarga, hubungan. Syarat-syarat untuk kita nak tubuh sesuatu kawasan persempadanan itu dia mesti ada syarat-syaratnya iaitu pengangkutan, kepadatan penduduk sebagaimana yang telah kita senaraikan kepada Yang Berhormat tempoh hari. Ada cadangan undi ikutkan kaum. Orang-orang Cina ada 23%, mengundi sama orang Cina 23%. Orang-orang bumiputera ada 67%, India, 7% tetapi Malaysia akan tetap laksanakan sistem majoriti mudah atau *first past the post*.

■1020

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat Menteri, faham atau tidak soalan itu? Nilai satu rakyat satu undi. Kawasan-kawasan Parlimen itu lebih kurang sama pengundi dia. Bukannya Cina atau Melayu, satu undi satu orang. Itu tidak faham. Saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak faham prinsip satu rakyat satu undi itu. Cuba fahamkan konsep itu dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Seremban, duduk Yang Berhormat Seremban.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya hendak maklum dengan izin, *if you want to follow Singapore model, Singapore model* satu undi satu *vote* tetapi dia berdasarkan kaum untuk membolehkan orang-orang Melayu ada wakil. Kalau tidak, orang Melayu tidak ada wakil di *Singapore*. Contohnya ada cadangan di Malaysia, kita ada 67% bumiputera, 23% Cina, 8% India ataupun 7%. Ini cadangan tetapi Kerajaan Malaysia tetap berpegang kepada "majoriti mudah".

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tidak faham. Ini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Malaysia tetap pegang kepada majoriti mudah atau dengan izin, *first past the post*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mana ada sistem demokrasi berdasarkan kaum?

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri, jawab soalan...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Keluar soalan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Janganlah pergi menyimpang...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Betul.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Tentang soal kaum pula. Ia tidak ada kena mengena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam *you are...*

[Dewan riuh]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini prinsip satu undi, satu rakyat satu undi tidak ada kena mengena soal kaum.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, ikut peraturan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya ini sebenarnya saya pun boleh jadi *bulldozer* macam Yang Berhormat juga tetapi diumur begini saya tertib sedikit. Akan tetapi Yang Berhormat tidak tahu berubah langsung. Yang Berhormat bangkit, Yang Berhormat jerit. Saya tahu ini sifat *bulldozer* yang bangkit dan hentam sahaja. Walaupun tidak beri peluang pun. Yang Berhormat Pandan, bagi saya bagus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dia *steady* sahaja.



**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tidak boleh sebut namalah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Seremban pun mampu menjadi baik tetapi kalau buat perangai sebegini tidak bagus, ya. Okey, saya hanya mengambil contoh ambil model *Singapore*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua kena beri panduan kepada Menteri yang tidak tahu peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat sudah sebut nama Ahli Yang Berhormat beberapa kali. Silalah beri panduan sedikit.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, okey, okey.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Beri nasihat sedikit. Tuan Yang di-Pertua saya minta.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey. Yang Berhormat Subang...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya cakap pada Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cakap pada Yang Berhormat Menteri. Saya minta Tuan Yang di-Pertua beri panduan dan nasihat kepada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Subang, tadi saya cakap pasal Yang Berhormat Pandan, okey. Saya kata Yang Berhormat Pandan itu bagus, cerdas, mempunyai strategi, , pengakhir sekali dia yang jadi ketua, orang lain jadi pengikut. Itu pandai itu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita boleh cakap macam itu di kedai kopi. Kita boleh cakap macam itu di *cafe* kita di Parlimen. So, saya minta Tuan Yang di-Pertua beri panduan kepada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kalau tidak, tempat ini jadi gurauan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar ya. Yang Berhormat...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kalau tidak, ya. Kita minta itu sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, sekarang saya menjawab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri sebentar.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *I appreciate*, saya hargai teguran itu Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat sepatutnya bangun juga ketika Yang Berhormat Shah Alam bangun tadi. Itu pun melanggar peraturan. [*Dewan riuh*] Ya teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini orangnya lemah lembut. Bangun elok-elok, saya beri laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh beri. Masa ini tidak boleh beri Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Oh! Tidak boleh berilah, tidak boleh. [*Ketawa*] Jadi akhirnya, kepada Ahli Yang Berhormat, kita ada beberapa model untuk membolehkan kita ikut peraturan jawatankuasa pilihan raya itu. Kita ada beberapa model. *You want to follow Singapore model* atau pun hendak ikut *British model, American model, African model, Algeria model, Timbuktu model, China model, India model* dan sekarang ini model Malaysia yang mana orang-orang yang minoriti mampu mempunyai kerusi yang banyak. Contohnya

orang Cina. Orang Cina sedikit tetapi dapat kerusi yang banyak. Malaysia tetap mengamalkan majoriti mudah.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh, tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Sebab tersebut Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh mencelah, tidak boleh, tidak boleh. Duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, ya. Yang Berhormat kata apa?

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua tidak beri laluan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua tidak benarkan. Jadi, persempadanan semula akan diletakkan di atas asas keadilan di mana saya akan pastikan supaya mereka dapat akses kepada laporan pameran yang dibuat. Mana-mana wakil rakyat yang tidak dapat akses kepada pameran beritahu, kita akan pastikan mereka mendapat akses kepada pameran.

Daripada pameran itu, bantahan boleh dibuat. Kalau sekiranya Yang Berhormat-Yang Berhormat hendak bantah, bantah sebanyak-banyak Yang Berhormat puas hati. Selepas itu kita akan buat kajian semula dan kajian semula akan berterusan. Selepas dua tahun, maka tamatlah kajian kita untuk kali ini. Sebentar tadi saya sudah huraikan dengan terperinci proses persempadanan ini dan saya tidak mempunyai niat untuk ulang lagi disini.

**Seorang Ahli:** Tidak faham.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak faham? Tidak faham...

**Beberapa Ahli:** Tidak payahlah. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak faham, ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada, tidak ada.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Menteri tidak faham soalan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seremban, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Apa soalan dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada. Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Satu soalan satu undi. Konsep itu memberi makna sepenuhnya kepada prinsip satu orang satu undi. *Rural weightage*, itu tidak faham. Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan langsung.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini ...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Jangan pergi merayau-merayau dekat China,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seremban

...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** ...Dengan model UK, model apa, Singapura. Itu semua merayau-merayau. Jawab soalan. Ini Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seremban pada peringkat ini tidak ada penjelasan Yang Berhormat. Tidak ada peluang untuk minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak apa. Saya akan jawab. Yang Berhormat memperkenalkan *model one man, one vote and one value*. Akan tetapi untuk melaksanakan sistem itu saya hendak rujuk model-model yang diterima pakai sehingga kini. Itu sahaja. Malaysia tetap dengan sistem majoriti mudah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya bantu. [*Dewan riuh*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya pun rasa hendak bantulah Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hendak kena bantulah Yang Berhormat Menteri ini, kasihan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Mungkin bahasa Yang Berhormat Seremban ini terlalu susah, teknikal. Apa yang boleh saya bantu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, yang itu melanggar *point of order* Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Mungkin bahasa Yang Berhormat Seremban ini susah di faham. Boleh saya bantu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Subang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sudah habis Yang Berhormat Menteri?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Perenggan 20.2...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya lebih faham daripada maksud Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat kena faham maksud saya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Iaitu cara pelaksanaannya, biarlah cara yang dipersetujui oleh kerajaan. Itu dia cadangan kerajaan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat suruh Yang Berhormat Menteri duduklah. Kalau tidak, lagi banyak dia bercakap lagi jadi serabut sebab waktu Parlimen meluluskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat Pokok Sena, tidak salah peraturan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Jawatankuasa Pilihan Khas ini, beliau tidak ada dalam Parlimen. Jadi, sebab itu beliau tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, sudah habis Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Tidak payah jawablah. Sudah.

**Dr. Mohd. Hatta bn Md. Ramli [Kuala Krai]:** Soalan tambahan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Soalan tambahan.

**Dr. Mohd. Hatta bn Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup. Ya, sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Patut benarkan satu lagi soalan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup. Yang Berhormat Telok Intan tidak berada di Dewan pada ketika ini Yang Berhormat untuk soalan nombor dua. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Dato' Hasbullah bin Osman.

**[Soalan No. 2 – Yang Berhormat Tuan Seah Leong Peng (Telok Intan) tidak hadir]**

3. **Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai Akta Pencegahan Jenayah (POCA):

- (a) bagaimana akta tersebut mengurangkan pelbagai kadar jenayah dalam negara; dan
- (b) apakah statistik kadar jumlah jenayah selepas pelaksanaan POCA.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**

Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada pantun walaupun dua rangkalah Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan ini Yang Berhormat, ada sedikit pertanyaan yang saya tanya sendiri sama ada hendak menjawab berlandaskan undang-undang POCA sebelum dipinda atau pun undang-undang POCA yang telah dipinda?

■1030

Ini kerana undang-undang POCA ini walaupun telah melalui laluan Parlimen ataupun *the passage of Parliament* iaitu Dewan Rakyat, Dewan Negara dan ditandatangani oleh Tuan Yang di-Pertua Agong, undang-undang sendiri ini juga menyebut dalam undang-undang itu sendiri mengatakan akan dilaksanakan selepas undang-undang ini digazetkan.

Jadi maknanya undang-undang ini belum digazet, dengan sendirinya undang-undang ini belum di laksana walaupun telah diluluskan oleh Parlimen. Dengan sendirinya undang-undang yang masih wujud sekarang pada hari ini dan jam ini adalah Undang-undang Pencegah Jenayah yang lama. Jadi saya cukup yakin, bukan hendak meneka, Yang Berhormat bertanya soalan undang-undang yang baru. Jadi dalam undang-undang yang baru kalau dilihat Peraturan Mesyuarat 23(h) mengatakan saya tidak boleh menjawab soalan-soalan hipotetikal yang memisal-misalkan, kata peraturan.

Jadi maknanya saya tidak boleh jawab Yang Berhormat. Akan tetapi walau bagaimanapun, untuk menghormati Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), kerajaan memandang serius dan sentiasa komited dalam usaha untuk membanteras sebarang aktiviti jenayah dalam negara khususnya kes-kes yang melibatkan jenayah berat dan jenayah terancang.

Berdasarkan pindaan-pindaan yang telah pun dibuat terhadap Akta Pencegah Jenayah 59, terdapat beberapa peruntukan yang membolehkan pihak polis mengambil tindakan secara lebih efektif kepada penjenayah-penjenayah khususnya untuk jenayah berat dan jenayah terancang. Bagi contoh pindaan POCA 2013, ini telah memperkenalkan perintah tahanan dan penggunaan *electronic monitoring device* (EMD). Terdapat individu yang dikenakan perintah pengawasan polis. Walau bagaimanapun, elemen-elemen hak asasi manusia tetap diambil kira dalam pindaan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap Akta Pencegah Jenayah ini diperkenalkan bukanlah secara mutlak mempunyai elemen tahanan tanpa bicara kerana wujudnya unsur-unsur *check and balance*. Ini kerana tidak lagi kuasa eksekutif Menteri untuk mengeluarkan perintah pengawasan ataupun perintah tahanan. Kuasa tersebut telah pun dipindah kepada sebuah badan bebas iaitu Lembaga Pencegah Jenayah yang mana ahlinya dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Bagi menjawab soalan (b), ingin saya menyatakan di Dewan yang mulia ini, bahawa Akta Pencegah Jenayah bukanlah merupakan sebuah undang-undang yang baru. POCA telah digubal pada tahun 1959 dan masih terpakai hingga hari ini dan jam ini sebagaimana yang saya sebut tadi. Walau bagaimanapun, POCA yang asal telah dipinda pada tahun 2013 dan akan diwartakan selepas ini nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita mengetahui dengan pelaksanaan POCA dan saya punya maksud pun selepas pindaan, kuasa eksekutif Menteri telah dimansuhkan. Dengan kata lain, pelaksanaan POCA ini, campur tangan daripada Yang Berhormat Menteri sudah tidak boleh.

Soalan saya untuk bertanya, sejauh manakah kerajaan telah melaksanakan untuk melantik ahli-ahli Lembaga? Sehingga hari ini kita tidak nampak pengumuman daripada kerajaan untuk melantik ahli-ahli Lembaga bagi menggantikan kuasa Menteri serta bolehkah kerajaan memberitahu sejauh mana tindakan daripada Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak kepimpinan di peringkat polis untuk memberi kefahaman yang menyeluruh kepada anggota polis di peringkat bawah kerana kita melihat hari ini, kadang-kadang undang-undang ini terlaksana sebenarnya bukan berdasarkan kepada peraturan

tetapi berdasarkan kepada kefahaman pegawai pada masa tersebut. Oleh sebab itu, saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan kedudukan tersebut. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama soalan Yang Berhormat bertanya, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk melantik Lembaga Pencegahan Jenayah dan susulan berikutan daripadanya, apakah penjelasan ataupun taklimat maklumat ataupun latihan yang bakal diberi kepada pihak polis?

Jadi, kalau itulah pengertian soalan tadi bahawa Yang Berhormat, pertama, proses pelantikan Lembaga ini memakan masa yang sedikit Yang Berhormat oleh sebab ia melibatkan ramai *stakeholders*. *Stakeholders* dalam erti katanya ialah pihak Kementerian Dalam Negeri, pihak Pejabat Perdana Menteri dan Istana. Sebabnya – semua orang ini dan juga saranan-saranan daripada Yang Berhormat sendiri.

Kita masih ingat apabila undang-undang ini diperkenalkan mula-mula dia dibawa ke sini, hanya tiga ahli Lembaga yang diperkenalkan. Akan tetapi selepas itu atas saranan Yang Berhormat dan Parlimen ini, kita buat keputusan. Ditambah lagi dan ada lagi selepas itu kita mengadakan sesi dialog. Saya sendiri mengadakan sesi dialog dengan pihak *the Bar Council*. Kita juga mendapat maklum balas daripada mereka mengatakan sekurang-kurangnya ada orang bebas, memang bebas daripada pihak kerajaan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ke dalam ini. Inilah maknanya ada kita sedikit itu, jadi Kementerian Dalam Negeri dan pihak polis memang tidak ada terlibat secara langsung atas pelantikan ahli Lembaga dan pihaknya sebagaimana yang ditetapkan di bawah undang-undang.

Jadi walau bagaimanapun, apabila masa pendaftaran atau penggazetan undang-undang ini dilaksanakan nanti iaitu pada 1 hari bulan April ini, dua atau tiga hari lagi Yang Berhormat akan terlaksanalah undang-undang ini pada 2 April. Pada ketika itu memberi signal yang jelas bahawa ahli Lembaga telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Saya dimaklumkan termasuklah seorang peguam yang bebas daripada luar, bukan pilihan pihak KDN, bukan pilihan polis dan bukan pilihan tetapi atas saranan Yang Berhormat dahulu. Itu yang pertama.

Kedua, latihan kepada polis. Saya telah berbincang dengan pihak polis. Beritahu dengan pihak polis, undang-undang Pencegah Jenayah *is the last result*. Undang-undang yang wujud iaitu *criminal procedure, a Penal Code* dan undang-undang lain akan kita tekankan penggunaannya hinggalah undang-undang ini berhadapan dengan satu masalah yang tidak boleh diatasi secara prosedur undang-undang biasa. Barulah undang-undang pencegahan jenayah ini dilaksanakan dan *insya-Allah* kita akan susu lagi soalan latihan kepada pihak penyelidik polis ataupun *investigating officers* dalam PDRM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Subang tetapi Yang Berhormat Subang ada soalan nombor lapan Yang Berhormat. [*Dewan riuh*] Tidak apa, Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang itu. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan dan daripada jawapan itu kita dapat gambaran yang jelas, secara ringkas selepas pindaan yang kita buat pada Akta Pencegahan Jenayah belum dilaksanakanlah, skema yang dimasukkan selepas pindaan.

Soalan saya ialah berkenaan dengan langkah-langkah untuk kurangkan kadar jenayah dan dalam perbincangan masa pindaan itu dilulus di Dewan yang mulia ini walaupun dibangkang oleh pihak pembangkang dan Pakatan Rakyat, adalah jelas pada masa itu apa yang perlu dibuat oleh pihak kementerian termasuk PDRM dan semua agensi lain adalah dengan izin, "*redeployment anggota polis kepada satu nisbah yang lebih munasabah*".

#### ■1040

Kita masih dapati di merata tempat di mana kadar jenayah ialah tinggi khususnya di kawasan bandar, Lembah Klang dan beberapa tempat lain. Nisbah anggota polis kepada penduduk ialah masih sangat tinggi. Contoh daripada kawasan saya sendiri di Kota Damansara sebagai contoh nisbah sampai sekarang adalah di dalam lingkungan 2000 sampai 3000 penduduk kepada 1 anggota polis, satu nisbah yang memang tidak munasabah untuk mereka buat kerja. Nisbah yang disyorkan adalah lebih kurang 250 penduduk kepada seorang anggota polis.

Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah spesifik yang telah dibuat oleh pihak kementerian dan juga pihak PDRM untuk pastikan nisbah penduduk kepada polis di tempat-tempat di mana ada kadar jenayah tinggi telah ditangani dan apakah rancangan untuk jangka masa pendek ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]=:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mendengar daripada Yang Berhormat Bintulu *press conference* Yang Berhormat berhubung dengan jenayah ini. Jadi saya jawab termasuk dengan Yang Berhormat Subang. Yang Berhormat Subang bertanya soalan fakta jenayah, yang kedua soalan nisbah anggota polis.

Sebenarnya kerajaan mempunyai rangka peraturan untuk mengkaji soalan nisbah polis ini. Ia tidak tertakluk kepada satu fakta yang apa dikatakan Interpol punya fakta iaitu 250:1 anggota polis. Fakta ini bahkan Interpol sendiri tidak berani hendak mengesahkan secara rasmi apabila ditanya berkali-kali bahawa inilah nisbah yang sesuai. Mungkin sesuai daripada satu sudut *highly urbanized community* tetapi mungkin tidak sesuai dalam situasi negara-negara yang masih membangun.

Saya menjawab juga memandangkan dan melihat saranan daripada Jawatankuasa Suruhanjaya Diraja 2004 dan 2005 yang menyarankan kita mengambil anggota polis 4000 dalam setiap tahun. Ini kita laksanakan dan juga dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua kita ada 1500 anggaran polis yang *retire* ataupun bersara tiap-tiap tahun. Baru-baru ini Perdana Menteri telah mengarahkan supaya mengambil kira mereka yang bersara, mereka yang kena buang kerja, mereka yang berhenti kerja diambil kira untuk memenuhi kehendak yang disebut oleh dalam suruhanjaya ini. *Insya-Allah* ini sudah kita lihat dan kita dapat arahan JPA dan pihak kewangan akan memberi sumber kewangan kepada kita, kita akan boleh berupaya melatih polis sebanyak itu tiap-tiap tahun untuk memenuhi apa Yang Berhormat kata, masih ada nampaknya kekurangan anggota-anggota di satu-satu tempat yang tertentu.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita melaksanakan apa yang dikatakan *blue ocean strategy* supaya kita bekerjasama dengan tentera, dengan RELA, dengan JPAM, dan juga pihak-pihak anggota Majlis Bandaran untuk menjalankan kerja pencegahan jenayah dengan polis tambahan di seluruh negara. Jadi perkara ini masih diambil tindakan Yang Berhormat, berilah kita peluang sedikit lagi selepas arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita mengambil kira semua *turn over* yang lain itu keluar itu yang pencen, bersara, berhenti dan dibuang kerja. Ini kita ambil kira dan *insya-Allah* kita akan dapat mencapai matlamat yang dikehendaki oleh suruhanjaya itu. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab ini POCA tidak boleh lagi dirasionalkan fasal belum lagi digazet, jadi ini POCA ini memang akta ini yang mustahak. Rakyat tunggu-menunggu, polis pun tunggu-menunggu. Jadi saya punya soalan tambahan ini bilakah ini POCA boleh dapat dilaksanakan.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kata sudah nampak saya punya tadi di *press* itu rakyat sudah tanya, media pun sudah tanya. Saya haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri faham masalah di kawasan saya. Bilakah, ini saya mahu tanya bilakah ini POCA boleh dilaksanakan, macam mana kita boleh dapat mempercepatkan pelaksanaan ini POCA di negara kita. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kita melaksanakan undang-undang POCA ini Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah memberi taklimat dan memberi panduan kepada pihak penjara supaya mereka yang ditahan di dalam POCA ini nanti akan diberi latihan, diberi kaunseling dan berbagai-bagai lagi dan dalam masa yang sama juga kita memberi latihan kepada pihak polis bagaimana yang dikehendaki oleh, itulah masa itu banyak sebab-sebab yang mengapa perkara ini menjadi terlambat sedikit.

Akan tetapi *Insya-Allah* Yang Berhormat, dengan jelas saya sebut di sini pada 1 April POCA akan digazet dan akan *take effect*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua pada 2 April undang-undang ini akan dilaksanakan, April ini 2014, 2 April 2014 undang-undang ini - untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bersama dengan undang-undang *secondhand good* yang di panjang Sarawak pada beberapa tahun lepas akan juga digazet pada hari yang sama 1 April, yang mana pihak-pihak yang hendak membeli *secondhand* untuk menangani masalah kehilangan pencurian wayar, besi, *manhole* punya *cover* dan

sebagainya itu akan digazet di Sarawak dan juga di Sabah. Ini undang-undang juga tidak kurang pentingnya dengan POCA, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan usaha kementerian dalam merangka rancangan jangka panjang untuk menarik minat lebih ramai belia berkecimpung di dalam industri maritim.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini industri maritim memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi sesebuah negara. Industri maritim negara menjadi titik perhubungan bagi aktiviti perdagangan di antara rangkaian pengangkutan laut dan darat dan merupakan platform penting dalam rangkaian logistik.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah dengan memperkasakan kerjaya sektor maritim dan secara tidak langsung dapat menarik minat belia-belia untuk menceburi industri maritim khususnya bidang perkapalan. Antara langkah-langkah yang diambil Jabatan Laut Malaysia telah mengiktiraf kursus *Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers* dengan izin, STCW di 34 buah Institut Latihan Maritim di seluruh Malaysia.

Institut latihan ini antara lain menawarkan kursus latihan untuk pelaut di peringkat pelaut am sehingga ke peringkat pegawai. Jabatan Laut Malaysia giat melaksanakan program kesedaran mengenai kerjaya pelaut kepada masyarakat umum melalui media sosial, kempen kesedaran dan taklimat kerjaya. Dalam hubungan ini taklimat kerjaya giat dijalankan di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia sejak tahun 2010 untuk mendedahkan kepada generasi baru untuk menceburi industri maritim.

Untuk makluman, pada tahun 2013 sahaja, ianya melibatkan 17 buah sekolah menengah dengan kehadiran 2,171 pelajar. Jabatan Laut Malaysia juga menyediakan platform perantaraan di antara pelaut dan syarikat perkapalan melalui modul *job seeker*. Kemudahan ini diberikan secara percuma dan hanya kepada pelaut-pelaut tempatan. Di samping itu, dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai pelaut tempatan di peringkat pegawai pula Jabatan Laut Malaysia telah memberi tawaran biasiswa kepada pelaut-pelaut Malaysia yang sedang berkhidmat untuk meningkatkan taraf kompetensi mereka di peringkat pegawai.

#### ■1050

Bermula dari tahun 2010 sehingga tahun 2014, seramai 53 orang pelaut telah memperoleh biasiswa ini. Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mendengar jawapan tadi dengan khusyuk dan tawaduk dapat saya runtkaikan. *[Disampuk]* Yang Berhormat Pendang hendak kena dengar ini, masih lagi kepadatan 43,000 orang pelaut asing yang didaftarkan di bawah Jabatan Laut yang perlu diisi oleh pelaut tempatan yang pada ketika ini pelaut tempatan hanya berkisarkan dalam sekitar 49,000 orang.

Seperti mana yang dilaporkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Laut, Dato' Kapten Haji Ahmad bin Othman mengatakan dengan jelas bahawa pengisian ini amat terdesak tatkala 90% pengangkutan keperluan digunakan di dalam seluruh dunia, pelaut hanya berjumlah 1.5 juta, peranan kementerian amat penting untuk mewujudkan, untuk menarik minat anak muda untuk menyertai maritim ini. Maka yang demikian walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dengan jelas hanya 17 buah sekolah sahaja yang sekarang ini diberikan taklimat kerjaya. Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tadi sebanyak 17 untuk melengkapkan 43,000 itu dikira tidak munasabah. Jadi saya menganggap bahawa sesuatu perlu dilakukan.

Dengan ini, ini soalan saya. Adakah kementerian bersedia untuk mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran menjadikan subjek Pendidikan Maritim di peringkat sekolah menengah sebagai subjek tambahan dalam perkara pengetahuan asas untuk menarik minat anak muda ke lapangan ini dan mengurangkan kepadatan untuk bergantung kepada pengambilan pekerja asing. Mohon jawapan yang bernas. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Mengenai sekolah yang saya sebutkan tadi, itu hanya pada tahun 2013. Pada tahun 2010,

10 buah sekolah menengah telah diberi pendedahan, tahun 2011 sebanyak 9 buah sekolah, pada tahun 2012 sebanyak 14 buah sekolah dan pada tahun ini sebanyak dua buah sekolah.

Kerajaan ada peruntukan lebih kurang RM400,000 setiap tahun untuk pembangunan modal insan pelaut termasuk dalam kempen pendedahan ini. Dalam konteks hari ini, Jabatan Laut belum mempunyai satu program di peringkat sekolah menengah tetapi setakat memberi pendedahan taklimat. Walau bagaimanapun, kita di peringkat kerajaan kita ada lebih kurang 11 buah institusi kerajaan yang melibatkan Politeknik Ungku Omar, Universiti Malaysia Terengganu, Sarawak Maritime Academy, Pusat Latihan Gerakan Polis, Akademi Kastam, Institut Perikanan, Institut Latihan Pentadbiran dan Pengurusan Pengangkutan Laut di Pelabuhan Klang, Pusat Gerakan Latihan Polis Marin, Kapal Diraja Pelanduk, Kapal Diraja Sultan Idris dan juga Pusat Pendidikan dan Latihan Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah oleh APMM. Ini merupakan agensi-agensi institut kerajaan yang terlibat dalam membangunkan pelaut-pelaut di negara kita.

Untuk makluman, dalam negara kita mempunyai lebih kurang 45,443 pelaut tempatan yang berdaftar, ianya melibatkan yang bekerja kapal Malaysia dan juga di kapal-kapal antarabangsa. Jadi dengan pendekatan ini memang kita tiap-tiap tahun hampir lebih kurang 10,000 orang pelajar-pelajar yang kita hasilkan daripada 34 institusi yang saya sebutkan keseluruhan tadi. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat sedar bahawa industri maritim memang ini mempunyai pasaran yang terbuka. Ini bermakna perlu ada cadangan yang lebih konkrit ke arah bagaimana untuk kita melahirkan modal insan maritim pada masa depan. Akan tetapi dengan peruntukan RM400,000 saya rasa kementerian ini tidak mempunyai komitmen yang tinggi untuk melahirkan pelaut-pelaut kita. Ini kerana dahulu kalau kita sejarah tetapi sejarah ini tidak akan membentuk masa depan sebuah negara rupanya. Ramai rakyat Malaysia ini yang gemar ke laut. Mereka mahu menjadi pelaut yang terhebat, tersohor di seantero Asia Tenggara ini tetapi kita punya nakhoda kapal menerokai ikan laut dalam pun mungkin dari Thailand dan Vietnam.

Justeru itu, peluang yang seharusnya diangkat oleh anak Malaysia ini telah dirampas oleh orang lain disebabkan tidak ada komitmen ke arah mempertingkatkan bagaimana penguasaan industri maritim ini boleh dipasarkan kepada pasaran antarabangsa.

Soalan saya, apakah kementerian ini benar-benar komited dan menambah peruntukan untuk melahirkan beribu-ribu pelajar kita untuk bergiat dalam industri maritim ini pada masa yang akan datang. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengenai belia-belia Malaysia seperti yang saya sebutkan tadi, setiap tahun kita melatih di lebih kurang 34 buah institusi. Walau bagaimanapun, memang kerjaya pelaut ini walaupun mempunyai potensi pendapatan yang tinggi, kita dapati bahawa belia-belia di negara kita kurang berminat untuk menjadi pelaut. Ini kerana kerjaya pelaut ini merupakan satu kerjaya yang mereka terpaksa meninggalkan kampung halaman begitu lama, berbulan-bulan. Kadang-kadang melebihi tiga atau empat bulan. Jadi oleh kerana nampak gaya sekarang belia-belia kita ini kurang berminat untuk berjauhan dengan keluarga dan ramai juga di kalangan ibu bapa tidak menggalakkan anak-anak untuk berjauhan daripada keluarga mereka. Ini merupakan satu halangan untuk kita meningkatkan bilangan pelaut-pelaut di negara kita.

Walaupun bagaimanapun mengenai peruntukan tadi pihak kerajaan sentiasa membuat kajian semula sekiranya mendapat minat yang ramai daripada kalangan belia-belia kita sebagai bukti memang hari ini terdapat banyak institusi maritim ini mengalami kekurangan pelajar kerana untuk mendapat tarikan daripada belia-belia ini mereka agak sukar. Jadi ini merupakan satu *hurdle* atau halangan yang dihadapi oleh institusi-institusi maritim di negara kita.

**5. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan tahap kebolehpasaran pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan sejauh manakah peruntukan RM200 juta yang diperuntukkan untuk IKBN dalam Bajet 2014 dapat memperkasakan institusi ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan nombor lima, izinkan saya



mengalu-alukan Presiden Majlis Belia Malaysia dan rombongannya ke Dewan yang mulia ini. [Tepuk]

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian kebolehpasaran graduan IKBN yang telah dijalankan pada tahun 2013 ke atas 1,489 orang graduan lepasan IKBN dan pada tahun 2012 mendapati bahawa seramai 975 orang atau 63% telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam hingga 12 bulan.

Lepasan yang menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi berjumlah 306 orang atau 20% dan peratusan lepasan yang sedang mencari pekerjaan bagi tempoh tersebut adalah sebanyak 17% bersamaan dengan 248 orang.

#### ■1100

Nilai kebolehpasaran bagi graduan IKBN bagi diukur berdasarkan bilangan graduan yang bekerja serta sedang menyambung pengajian. Hasil kajian kebolehpasaran ini membuktikan bahawa graduan lepasan IKBN memiliki kemahiran yang bertepatan dengan kehendak industri dan pasaran kerja semasa. Pada masa hadapan kajian kebolehpasaran juga akan menjalankan kajian secara kualitatif untuk mengukur kebolehpasaran graduan IKBN selaras dengan Pelan Pembangunan IKBN yang sedang dijalankan pada waktu ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan memperkasakan institusi IKBN melalui peruntukan yang diterima dalam Bajet 2014, Kementerian telah merancang pelaksanaan *dual shift* ataupun *double shift*, dengan izin dalam pelbagai bidang latihan di IKBN sebagai usaha untuk memberi lebih banyak peluang latihan kemahiran kepada belia di samping dapat mengoptimumkan kapasiti IKBN sedia ada. Pelaksanaan ini akan bermula secara berperingkat mulai tahun 2014 di mana penambahan *enrolment* pelajar daripada 10,000 masa ini, meningkat kepada 15,000 orang dengan pertambahan seramai 5,000 orang pelajar menjelang 2016. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun dalam jawapan yang dinyatakan ada peningkatan untuk pengambilan tetapi saya dapati bahawa setiap kali permohonan sesi pengambilan pelajar begitu banyak sekali yang gagal untuk dapat kemasukan dalam IKBN kerana mungkin penempatannya terhad. Jadi saya ingin tahu adakah KBS mempunyai perancangan tambahan atau program-program tambahan untuk mereka atau pelajar yang berminat mengikut kursus latihan kemahiran selain daripada di IKBN.

Selain daripada itu, saya juga ingin tahu adakah, apakah kriteria yang ditentukan atau sistem pemantauan yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa kursus yang ditawarkan oleh IKBN adalah berkualiti.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana saya sebut dalam Dewan yang mulia ini, dengan adanya tambahan bajet RM200 juta melalui Bajet 2014, kita dalam usaha menambahkan pelajar daripada 10,000 ke 15,000. Saya setuju dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat, kita tidak boleh menerima semua memandangkan sambutan yang begitu baik khususnya daripada kalangan belia. Walau bagaimanapun, kerajaan telah membuat usaha-usaha untuk meningkatkan pengambilan daripada 10,000 ke 15,000 dengan bajet yang sedia ada.

Yang kedua mengenai program-program yang dijalankan oleh IKBN. Hampir semua program adalah diiktirafkan oleh beberapa agensi di peringkat negara dan antarabangsa seperti UTM, SKM dan juga pensijilan antarabangsa City & Guilds, pensijilan antarabangsa American Welding Society (AWS) dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Apakah dasar yang sebenarnya mengenai kemahiran belia dari segi jumlah pekerja di Malaysia dan juga apakah bilangan yang diharapkan daripada institusi-institusi awam dan juga institusi swasta.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang cukup luas tetapi kita melihat kedudukan sebenar. Perkara ini harus ditangani dengan baik dan segera di mana hampir sebahagian besar adalah terdiri daripada golongan belia di negara ini. Hampir separuh adalah golongan belia di negara ini dan kita lihat satu suasana golongan belia akan menentukan masa depan negara dalam masa 10 hingga 15 tahun yang akan datang dan hari ini kita lihat masalah yang besar di mana negara akan menjadi negara berpendapatan tinggi dalam masa 6 tahun yang akan datang, di mana sekiranya mengikut

dengan pemberian BR1M, sekiranya mereka yang menerima pendapatan kurang daripada RM3,000 mungkin negara ini tidak akan menjadi relevan dari segi kedudukan.

Maka satu rancangan khas harus diambil. Kita lihat dari segi suasana di mana hampir 3 juta pekerja asing. Mereka telah mengambil alih peluang-peluang pekerjaan di peringkat bawah yang sebelum ini dimiliki oleh mereka yang kurang berpendidikan atau *drop-out* dengan izin. Maka sekiranya kita gagal mengambil satu rancangan khas untuk menambah baik ataupun menambahkan gaya hidup, cara hidup golongan belia ini, mungkin kita akan mengambil kira perkembangan ataupun pembangunan negara ASEAN, mungkin beratus-ratus ribu akan berhijrah ke negara lain, golongan belia.

Maka IKBN memainkan peranan yang cukup penting untuk melatih belia-belia ini supaya mereka memiliki peluang-peluang pekerjaan sedia ada dengan pakatan sepadu ataupun *integrated approach* melalui institusi-institusi sedia ada. Sekian, terima kasih.

**6. Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan status terkini pembinaan Hospital Shah Alam dan kos keseluruhan pelaksanaan projek hospital.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam di atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini iaitu 31 Mac 2014, projek membina Hospital Shah Alam, Selangor telah mencatatkan kemajuan siap 100% untuk skop struktur fizikal bangunan dan 86% untuk skop komponen peralatan iaitu melibatkan pembelian, pemasangan dan pengujian peralatan hospital. Berdasarkan tempoh kontrak semasa, projek membina Hospital Shah Alam dijangka akan siap sepenuhnya pada 24 September 2014.

Jumlah keseluruhan kos projek yang terlibat setakat ini ialah sebanyak RM550.8 juta di mana daripada jumlah tersebut sebanyak RM410.8 juta ialah untuk kos kontrak semasa dan RM140 juta lagi melibatkan bayaran kos kontrak terdahulu yang telah ditamatkan pada bulan September 2010. Sekian, terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa semua wakil rakyat dalam Parlimen ini pun naik letih dengar soalan tentang Hospital Shah Alam. Sejak 2008 sampai sekarang, soalan saya hampir tiap-tiap tahun saya timbulkan dan amat malang masih lagi belum siap walaupun dijangka akan siap pada 24 September 2014. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri tapi malangnya Yang Berhormat Menteri tidak hadir. Dia janji hendak bawa saya lawatan tapak tapi akhirnya dia tidak bawa saya, dia bawa Yang Berhormat Tanjong Karang, sedangkan hospital itu di Shah Alam. Saya hendak tanya kenapa saya tidak dibawa untuk melawat tapak. Saya Ahli Parlimen Shah Alam, hospitalnya di Shah Alam.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang ini bincang dekat luar sajalah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Dan saya hendak tanya juga, adakah ini satu perkara yang biasa bagi Kementerian Kerja Raya? Projek yang dua tahun akhirnya makan masa 6 tahun? Yang sepatutnya RM480 juta menjadi RM550 juta. Apa puncanya? Siapa perlu dipertanggungjawabkan? RM70 juta duit rakyat telah dibazirkan dan bagaimana pihak kementerian hendak tentukan peristiwa yang seperti ini tidak akan berulang walaupun ianya merupakan satu kebiasaan di bawah pentadbiran Barisan Nasional. Banyak soalan itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Tetapi hanya satu. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Izinkan saya untuk menjawab Yang Berhormat ya.

■1110

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa Yang Berhormat mengikut rekod saya, sudah bertanya soalan ini lapan kali. Saya melihat ini sebagai keprihatinan Yang Berhormat, keprihatinan secara ikhlas untuk melihat pembinaan Hospital Shah Alam dapat dilaksanakan, *Alhamdulillah*. Untuk menjawab kepada soalan Yang Berhormat mengenai

lawatan tersebut, memang benar kita terpaksa menanggungkan sebanyak dua kali lawatan tersebut di atas sebab yang tidak dapat dielakkan Yang Berhormat.

Akan tetapi saya mendapat komitmen Yang Berhormat Menteri, sekiranya selepas ini Yang Berhormat ingin melawat Hospital Shah Alam, kita akan aturkan. Sekiranya Yang Berhormat Menteri ada komitmen, saya sendiri boleh bersama-sama dengan Yang Berhormat untuk membuat lawatan. Kita tidak ada menyembunyikan apa-apa Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** *This is my floor* Yang Berhormat. Izinkan saya untuk menjawab. Soalan Yang Berhormat banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Dia tidak ada soalan tambahan.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Jadi saya kena beritahu rakyat. Saya tak nak rakyat terpesong dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat, untuk menjawab kepada beberapa persoalan biarlah saya menjawabnya secara ringkas. Yang Berhormat, kos yang terlibat pada awalnya pembinaan hospital ini adalah sebanyak RM482,600,000 Yang Berhormat.

Akan tetapi seperti Yang Berhormat ketahui disebabkan oleh kegagalan pihak kontraktor pertama, ianya terpaksa dimuktamadkan kerana atas sebab-sebab tidak ada *progress* kerja dilaksanakan. Pada 10 Oktober, cadangan pelantikan kontraktor baru telah dilaksanakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kos yang berlaku iaitu RM550 juta itu disebabkan oleh penamatan kontrak dan hanya RM140 juta telah diberikan ataupun diaward kepada kontraktor pertama berdasarkan *progress* kerja iaitu 27%. Baki kontrak yang belum dilaksanakan adalah sebanyak RM352 juta Yang Berhormat.

Jadi perbezaan kos kontrak asal dan kos tender semula hanya RM58 juta Yang Berhormat, bukan RM70 juta seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak kementerian telah mengambil tindakan dan izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menyatakan di sini bahawa pihak Cawangan Kontrak Ukur Bahan telah menyediakan *final account statement*, dengan izin untuk jumlah yang akan dituntut semula oleh kerajaan ke atas kontraktor yang pertama tadi Yang Berhormat.

Pada masa yang sama seperti juga Yang Berhormat ketahui, pihak kontraktor asal juga telah mengambil tindakan undang terhadap kerajaan dan perkara ini sedang disemak oleh Jabatan Peguam Negara. Jangan katakan tidak ada tindakan Yang Berhormat. Ada tindakan. Kita akan pastikan kita mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut dasar perundangan yang sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah. Giliran Yang Berhormat Titiwangsa Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Titiwangsa.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** RM550 ditolak RM482, saya cadangkan Timbalan Menteri bawa kalkulator. RM550 ditolak RM482... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudahlah itu, tak apalah.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, saya hendak tahu dalam proses kita membina hospital ini lazimnya berapakah jangka masa yang diperlukan untuk membina sesebuah hospital contohnya saiz Hospital Shah Alam ini? Ini adalah kerana ini bukan merupakan salah satu hospital yang pertama. Kita telah bina hospital ini hampir seluruh negara. Akan tetapi kita sentiasa berdepan dengan masalah kelewatan ini. Kontrak yang bermula daripada RM482 juta akhirnya selepas lapan tahun jadi RM550 juta.

Jadi saya hendak tahu adakah kelewatan kerajaan membayar kontraktor-kontraktor ini merupakan salah satu sebab kenapa banyak kontraktor tidak boleh menyiapkan projek-projek mereka dengan masa yang telah ditetapkan? Atau kerana JKR salah buat *estimate* terhadap kos apabila membuat tender kepada kontraktor-kontraktor tersebut. Sekian.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Titiwangsa. Izinkan saya juga menerangkan di sini sekali gus untuk menjawab persoalan yang telah dibangkitkan semula oleh Yang Berhormat Shah Alam.

Yang Berhormat, selalunya jangka masa yang diperlukan untuk pembinaan hospital yang mempunyai jumlah katil iaitu 300 hingga 500 adalah selama tiga tahun. Ini adalah tempoh yang selalunya diberikan. Namun jika berlaku kelewatan, pihak kementerian akan memberikan tempoh lanjutan.

Akan tetapi sekiranya dalam tempoh lanjutan juga pihak kontraktor tidak dapat melaksanakan dan menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit, kita selalunya akan mengambil tindakan untuk memuktamadkan satu-satu kontrak dan menjurus kepada permasalahan yang berlaku di Hospital Shah Alam. Beberapa surat amaran telah diberikan dan walaupun dengan pelbagai nasihat dan amaran telah diberikan kepada pihak kontraktor, kita melihat tidak ada kesungguhan yang ditunjukkan oleh pihak kontraktor untuk meneruskan projek tersebut.

Oleh kerana itulah pada 10 Oktober 2011 kontrak untuk ditender semula, pelantikan kontraktor penyiap telah dilakukan oleh pihak JKR. Jumlah asal kontrak adalah sebanyak RM410 juta, mengambil kira beberapa perkara termasuklah beberapa spesifikasi yang perlu ditambah disebabkan oleh faktor-faktor seperti kos baru yang diperlukan termasuklah untuk pembayaran *performance bon, insurance, design* dan *documentation* dengan izin, *rectification works* dengan izin, mengambil kira juga isu kenaikan harga *medical* dan *non-medical equipment* yang berlaku dan tambahan skop baru yang diberikan oleh pihak PKKM Yang Berhormat.

Jadi oleh kerana itulah terdapat peningkatan. Sekiranya kita melihat kepada projek yang ditender semula RM410 juta ditambah dengan RM140 juta yang telah dibayar kepada kontraktor asal, itulah jumlahnya menjadikan jumlah secara total RM550 juta untuk kos ini. Untuk kontrak yang kedua saya ingin menekankan sekali lagi bukannya RM550 juta tetapi RM410 juta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** RM410 juta campur RM140 jadi RM550. Akhirnya RM70 juta Kerajaan Barisan Nasional membazir. Janganlah panjang cerita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**7. Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) sejauh mana kebenaran berlakunya begitu banyak aktiviti mencuri talian WiFi milik domestik / persendirian pada masa kini; dan
- (b) apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini kerana ianya mengakibatkan kerugian kepada para pengguna.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Sepanggar yang menanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk pertanyaan ini dijawab bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Tenom pada 8 April 2014 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu isu-isu berkaitan aktiviti mencuri talian WiFi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mencuri talian WiFi dan menghasilkan, memasang, mengguna, mengimport, menjual, membekal, memberi sewa, mempunyai kawalan atau memiliki mana-mana kelengkapan peranti atau radas yang berfungsi mencuri talian WiFi seperti WiFi *booster* atau WiFi *cracker* adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, WiFi *booster* ataupun WiFi *cracker* adalah merupakan satu *gadget* untuk menguatkan PC ataupun laptop bagi menarik signal WiFi sehingga satu hingga tiga kilometer untuk kawasan yang terbuka. Bagi tahun 2012 dan tahun 2013 sahaja, pihak kementerian melalui SKMM iaitu agensi di bawahnya telah

menerima dan menyiasat sebanyak enam aduan mengenai pembekalan atau penjualan kelengkapan peranti atau radas yang berfungsi mencuri talian WiFi.

■1120

Daripada jumlah aduan tersebut sebanyak tiga kes telah pun didakwa dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah kerana didapati bersalah kerana membekal atau menjual kelengkapan peranti atau radas yang berfungsi mencuri talian WiFi. Bagi menangani isu kecurian talian WiFi ini pihak SKMM bekerjasama dengan badan pemerakuan iaitu SIRIM QAS International Sdn. Bhd. iaitu sebuah agensi di bawah MOSTI yang telah dilantik oleh pihak SKMM dalam menjalankan aktiviti pemantauan pemasaran ataupun *market surveillance* dengan izin, secara berkala di seluruh negara bagi mengesan kewujudan kelengkapan peranti atau radas yang berfungsi mencuri talian WiFi ini.

Selain menjalankan aktiviti pemantauan pemasaran pihak SKMM bersama-sama SIRIM turut menganjurkan taklimat kesedaran mengenai kelengkapan ataupun peranti komunikasi kepada pihak awam, para pemegang lesen dan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang yang lain. Dalam masa yang sama para pengguna juga telah dinasihatkan untuk memastikan kata laluan atau *password* dengan izin, yang digunakan adalah benar-benar kukuh yang sukar untuk diceroboh dan disimpan dengan selamat. Terima kasih.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya begitu hairan apabila di kawasan Sepanggar yanguduknya dalam Bandaraya Kota Kinabalu capaian masih begitu rendah, lemah khususnya di kawasan sekitar 1Sulaman. Apakah kementerian tidak menyiasat kemungkinan di kawasan ini banyak berlaku kes-kes kecurian WiFi memandangkan kawasan masyarakat bandar ini yang akses kepada berbagai-bagai *device* yang dijual secara *rampant* di pasaran.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pihak kementerian melalui SKMM, seperti yang saya maklumkan tadi. Kita telah mengambil tindakan yang berdasarkan kepada aduan yang telah diberi kepada pihak SKMM beberapa tindakan telah pun dikenakan. Sebenarnya dari segi isu masalah internet ini bukan sahaja dari segi isu WiFi *booster* ataupun WiFi *cracker*. Sedangkan kerana kadangkala ianya timbul apabila terlampau banyak orang menggunakan pada sesuatu masa yang sama. Ini kerana di pihak SKMM sebenarnya kita telah menjalankan pelbagai aktiviti bukan sahaja sebagai *free WiFi* tetapi pelbagai pusat internet juga telah kita sediakan. Di situ ada juga yang telah disalahgunakan dan kita telah mengambil tindakan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkait dengan isu curi talian WiFi domestik ataupun persendirian. Mutakhir ini mula menjadi satu isu yang telah diperkatakan oleh pengguna-pengguna WiFi. Ini kerana di sana ada alat ataupun *gadget* yang bukan sekadar untuk mengesan signal semata-mata. Akan tetapi saya lihat dia boleh sampai ke peringkat untuk melakukan *decryption password* itu sendiri. Jadi pemerhatian yang dibuatnya kalau dalam *online forum* di laman-laman tertentu mereka secara terbuka untuk buat tawar menawar dalam membeli *gadget* ini. Antaranya *USB WiFi Adapters* yang telah dibeli ataupun diorder daripada China.

Jadi persoalan saya adakah dalam hal ini kementerian mempunyai satu spesifik pelan tindakan untuk mengetatkan protokol keselamatan pengguna dalam penggunaan WiFi ini? Setakat ini sejauh manakah kementerian telah berjaya mengesan wujudnya sindiket-sindiket yang tertentu yang menjual *gadget* ini di pasaran gelap? Kalau boleh namakan sindiket itu untuk menjadikan rakyat ataupun pengguna lebih berhati-hati. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Temerloh sebenarnya pihak kementerian melalui SKMM kita telah mengeluarkan satu nota nasihat. Di mana kita telah menjelaskan bahawa di bawah seksyen 239 Akta, sesiapa yang menggunakan peranti yang bukan standard akan dikenakan penalti tidak melebihi RM100,000 dan juga di bawah seksyen 232 Akta Komunikasi yang sama. Jadi seperti yang saya telah maklumkan pada awalnya pihak kementerian melalui aktiviti pemantauan pasaran, *market surveillance*, kita biasanya bergerak bersama-sama dengan pihak SIRIM dan pada masa yang sama kita sering mengadakan satu taklimat.

Jadi sekiranya masih terdapat mana-mana pihak yang masih menjual kita nasihatkan mereka juga boleh berhubung dengan pihak kementerian melalui *consumer forum*. Ini kerana kita difahamkan juga harga yang dijual di pasaran adalah sekitar RM260.

Seperti yang saya maklumkan setiap *devices* yang dijual tanpa cap SIRIM itu adalah tidak dibenarkan. Terima kasih.

**8. Tuan R. Sivarasa [Subang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah kementerian bersetuju membuat pindaan kepada Akta Perhubungan Perindustrian 1967 supaya kes-kes penamatan/pembuangan kerja boleh dibawa terus kepada Mahkamah Perusahaan dan bukan melalui rujukan daripada Menteri.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Subang. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini Akta Perhubungan Perusahaan 1967 merupakan satu akta yang bermatlamat untuk mewujudkan dan mengekalkan suasana perhubungan perusahaan yang harmoni di antara pihak pekerja, majikan dan Kesatuan Sekerja. Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam akta ini tertumpu kepada proses penyelesaian pertikaian melalui perundingan terus antara pihak majikan, Kesatuan Sekerja, majikan dengan pekerja dan Kesatuan Sekerja, pekerja atau melalui proses runding damai oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan.

Akta ini menetapkan bahawa proses penyelesaian pertikaian melalui kaedah arbitrase oleh Mahkamah Perusahaan hanya merupakan jalan terakhir. Harapan kementerian kita Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pertikaian berkenaan masih menemui jalan buntu. Untuk makluman Yang Berhormat Subang, Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses akhir untuk menyemak cadangan menunda Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta 177. Pindaan ini adalah berdasarkan input yang diperoleh melalui 26 pertemuan di peringkat akar umbi melalui *road show* yang telah dijalankan di seluruh negara pada tahun 2012. Berdasarkan input-input yang telah diperoleh pada 8 November 2012 dan 11 Disember 2012, jabatan telah mengadakan perbincangan lanjut dengan *stakeholder* yang terdiri daripada wakil-wakil kesatuan sekerja, persatuan-persatuan majikan dan pekerja termasuk MEF dan MTUC. Berdasarkan perbincangan tersebut majoriti telah bersetuju untuk mengekalkan peruntukan sedia ada di bawah seksyen 20.

Dengan mencadangkan untuk melakukan beberapa penambahbaikan. Oleh itu melalui pindaan akta ini pandangan semua pihak akan digabungkan untuk menghasilkan peruntukan yang terbaik bagi mengehendaki majoriti *stakeholders* dan kepentingan majikan dan juga pekerja. Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan itu. Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini saya rasa kita perlu bezakan kes-kes pertikaian di antara kesatuan sekerja dan majikan dan juga pekerja individu yang dibuang atau ditamatkan pekerjaan mereka. Soalan saya ialah tumpukan pada itu kategori yang kedua.

Dalam kes-kes pertikaian di antara kesatuan sekerja dan majikan mungkin ada alasan kita rujuk kepada perundingan atau satu proses pendamaian. Lepas itu kalau tidak selesai kita rujuk ke mahkamah. Kategori itu saya rasa beberapa negara lain pun ada amalan yang sama. Akan tetapi pada kes-kes di mana pekerja dibuang kerja ditamatkan kerja, bagi sayalah dan ini pendirian MTUC beberapa tahun yang telah mendesak pindaan kepada undang-undang. Tidak ada alasan kenapa kes-kes itu tidak boleh dibawa terus ke mahkamah. Saya beri contoh kereta saya dilanggar di jalan raya, saya boleh bawa kes ke mahkamah terus. Suami hendak ceraikan isteri tidak perlu minta kebenaran daripada mana-mana pihak pergi terus ke mahkamah.

#### ■1130

Semua kes dalam kategori lain kita ada hak pergi terus ke mahkamah. Kenapa dalam kes di mana seorang pekerja di berhentikan, ditamatkan pekerjaannya, kenapa dalam kes kategori itu kita masih lagi memaksa pekerja itu pergi ke kementerian, minta kelulusan *like a beggar*, dengan izin. Dia minta kelulusan untuk pergi ke mahkamah. So, itu yang tidak masuk akal dan proses itu Tuan Yang di-Pertua, telah mengakibatkan banyak kelambatan dalam kes-kes. Kita ada peraturan baru di mana kita hadkan pampasan mereka kepada 24 bulan. Pada masa yang sama kita lambatkan proses itu.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, isu ini sangat penting kepada pekerja-pekerja. Ribuan dibuang kerja tapi kita mesti bagi peluang kepada mereka, bagi hak kepada mereka pergi terus ke Mahkamah Perindustrian, bawa aduan di sana dan

dibicarakan di sana tanpa dilengahkan lagi. So, saya minta ini ditimbang semula dan pandangan MTUC, kita ada Timbalan Presiden MTUC di sini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sudah panjang Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Minta itu dipertimbangkan. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Subang di atas keprihatinan kes di Mahkamah Perusahaan tentang pekerja-pekerja, khususnya yang dibuang kerja. Sebenarnya, saya ada maklumat Tuan Yang di-Pertua tapi kerana masa tidak mengizinkan. Cuma saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini. Kita hendak ambil kes dalam masa 2013 yang dikendalikan oleh Kementerian. Semua kes 2013 ialah 5,493 kes. Kes yang selesai secara perundingan damai.

Bagi kita Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kalau boleh pekerja dengan majikan ini dia cukup harmoni. Sebab ini peranan kita, peranan pemimpin, peranan Ahli Parlimen termasuk pembangkang, kalau boleh jangan main isu pekerja. Ini kita *spin* isu supaya timbul masalah kepada Kementerian dan sebagainya. Kita galakkan ataupun kita bimbing pekerja ini supaya mereka mencari jalan yang terbaik perhubungan dengan majikan.

2,478 kes diselesaikan secara runding damai. Ini cukup baik Tuan Yang di-Pertua. 45% kes rujuk mahkamah 2,478. Kes dirujuk kepada Menteri pun ada. Maksud dengan Yang Berhormat Subang mungkin bawa ke Kementerian, dirujuk kepada Menteri. Kes yang dirujuk kepada mahkamah 1,562, 64 kes kita bawa. Yang dirujuk Menteri 866 sahaja, yang merujuk kepada Kementerian. Maknanya, sebahagian besar kita rujuk kepada mahkamah. Kita lebih berminat Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kes-kes yang agak kecil ini dapat diselesaikan bersama runding damai antara pekerja dan majikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Setakat itulah pertanyaan-pertanyaan jawab lisan untuk pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **USUL**

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.33 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbincangan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 1 April 2014”.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Peraturan mana Yang Berhormat?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Peraturan Mesyuarat 36(12) iaitu mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia belum *punch card*, belum *punch card*. Tidak datang lagi.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Untuk Dewan ini, Ahli Yang Berhormat Kudat Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, minggu lalu dia telah mengatakan tiada tindakan diambil oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) apabila pesawat MH370 patah balik daripada menuju ke Beijing, dia patah balik merentas Peninsular Malaysia ke Straits Melaka. Dia kata TUDM tidak ambil tindakan oleh sebab TUDM menyangka pesawat itu patah balik adalah diarah oleh *flight control tower*. Pada 26 Mac, Yang Berhormat Kudat berkata begitu tapi *the next day* di luar Dewan ini dia *issue* satu *press statement* dia sendiri yang putar balik. Dia *make U-turn*, dia kata ini bukan sangkaan daripada TUDM tapi ini adalah andaian dia sendiri. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa Yang Berhormat Kudat berkata begitu saya ada di Dewan. Saya nampak barisan pegawai kanan di belakang dia berpeluh-peluh, bagi dia slip kertas, bagi tahu dia bagaimana menjawab.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya ada di sini. Jadi, saya hendak tahu yang mana betul, sama ada Yang Berhormat Kudat betul, di belakang dia pegawai kanan daripada TUDM yang betul atau *press statement* yang dia *issue* di luar Dewan yang betul. Ini memang mengelirukan. Ia amat serius. Jadi, saya hendak Dewan ini merujuk Yang Berhormat Kudat kepada *Select Committee* untuk buat satu keputusan. Oleh sebab kita tidak mahu ada Menteri, ada Timbalan Menteri pada masa akan datang di Dewan cakap begitu, cakap warna hitam, di luar Dewan dia cakap warna putih. Mana yang betul? Jadi, saya hendak peringatkan apa Yang Berhormat Kudat kata pesawat buat *U-turn* sebab arahan daripada *flight tower* masih ada direkod di *Hansard* sampai hari ini. Masih ada di *Hansard*. Jadi, mana yang betul? *Hansard* yang betul atau *press statement* yang betul? Saya hendak...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** ...Yang Berhormat Kudat ini mesti diambil serius, merujuk dia kepada *Select Committee*...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan, bukan. Jawatankuasa Keistimewaan. Saya sebenarnya hendak bawa isu yang sama...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kalau isu sama dia sudah bangkit Yang Berhormat. Tidak perlu sokongan dan...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya belum habis. Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis. Saya ada lima minit lagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya dalam peraturan mesyuarat yang sama.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Seoranglah, seoranglah.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Saya *address his first*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Okay, you can answer first.*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Batu silakan, Yang Berhormat Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebenarnya saya sendiri pun membaca ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pembetulan yang dibuat dan dalam *statement* itu ada dikatakan bahawa andaian itu salah. Dia mengaku sendiri bahawa andaian yang dibuat dalam Dewan itu salah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Jadi, macam mana *Hansard*? *Hansard* boleh tukar di luar Dewan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya tidak habis lagi.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Kalau begitu nanti saya keluar saya cakap yang lain, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Saya tidak habis lagi. Saya sendiri tidak membaca *Hansard* yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, seperti lazimnya kita akan kaji *Hansard* dan kita akan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Boleh bagi satu *deadline* kah? Hari inikah, besok, kah? Ini penting. Ini Dewan Rakyat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Saya sudah buat keputusan. Kita akan minta, kita akan kaji *Hansard* seperti yang berlaku sebelum ini, *statement* nanti dan kita akan buat keputusan dengan meminta agar Yang Berhormat Kudat untuk buat penjelasan dalam Dewan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mendapat penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *you're on what?*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *On the same standing order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sudah. Sudah buat keputusan, apa lagi? Sudah, cukuplah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan, bukan. Saya hendak dapat penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Ruling* sudah buat, apa lagi Yang Berhormat Batu!

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebab *statement* dia dikeluarkan di Dewan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Aduh, tidak faham-faham juga.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Mengaku bahawa dia sendiri mengaku bahawa...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak beritahu dia.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Dia telah memberi satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah jelas tadi Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Kenyataan yang tidak benar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Saya ada minta nanti. Sudah buat keputusan pun. Tidak perlu buang masa, tidak perlu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebelum kita baca *Hansard*, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengaku dia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Saya minta dia buat penjelasan dalam Dewan. *That's all*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, itu yang saya hendak dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah cakap tadi Yang Berhormat tidak dengar.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tadi tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1140

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) 2014

##### Bacaan Kali Yang Kedua

11.40 pg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, "bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang".

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan Perbelanjaan Mengurus Kedua Tahun 2013 ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperolehi kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2013 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2013 yang dibentangkan adalah berjumlah RM2,703.6 juta iaitu sebanyak RM311.5 juta adalah tambahan perbelanjaan tanggungan dan sebanyak RM2,392.1 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan. Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM2,392.1 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut.

Sebanyak RM299.9 juta adalah untuk pindahan lebih daripada akaun hasil disatukan 2013 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindahan ini *discharge* sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 dan bukan satu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2013 yang berjumlah RM42,209.8 juta.

Bakinya adalah dibiayai melalui pinjaman dan sebanyak RM292.2 juta adalah bagi merekod semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2013 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat di dalam anggaran Perbelanjaan Tambahan ini adalah seperti berikut:

<b>Kementerian</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>
Jabatan Perkhidmatan Awam	55.6 juta
Jabatan Perdana Menteri	53.4 juta
Kementerian Kerja Raya	50 juta
Kementerian Komunikasi dan Multimedia	46.9 juta
Kementerian Luar Negeri	28.1 juta
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	20 juta
Kementerian Dalam Negeri	16 juta
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	13.8 juta
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	8.4 juta
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	20.00
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	10.00

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2013 adalah seperti dalam *Penyata Anggaran Tambahan* yang dibentangkan sebagai *Kertas Perintah 1 Tahun 2014* dan *Memorandum Perbendaharaan* yang dibentangkan sebagai *Kertas Perintah 1A Tahun 2014*.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2013. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2013 yang dipohon adalah merupakan pendahuluan yang telah dikeluarkan daripada simpanan luar jangka iaitu sebanyak RM649.4 juta. Anggaran tambahan diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan bagi maksud-maksud berikut:

<b>Anggaran Tambahan (RM juta)</b>	<b>Maksud</b>	<b>Kementerian</b>
476.6	P.27	Kementerian Kerja Raya
72.7	P.22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
60.8	P.10	Perbendaharaan
22	P.23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
12	P.43	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
5.3	P.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Selain daripada itu, anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan peruntukan tanda iaitu token iaitu sebanyak RM390 bagi 12 buah kementerian. Peruntukan tanda atau token ini adalah bagi mewujudkan butiran baru untuk membolehkan pindah peruntukan dilakukan antara butiran.

Penerangan dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama (2013) adalah seperti yang dinyatakan dalam *Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama* yang dibentangkan sebagai *Kertas*

*Perintah 2 Tahun 2014 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 2014.*

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya maklumkan di sini bahawa Anggaran Perbelanjaan Tambahan yang dipohon ini yang berjumlah RM2,392.1 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM649.4 juta untuk perbelanjaan pembangunan adalah sebahagian daripada jumlah perbelanjaan sebenar untuk tahun 2013 dan ianya tidak menjejaskan deposit fiskal yang telah ditetapkan pada paras 4.0%.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama (2013) selepas ucapan ini. Saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

### USUL

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN PERTAMA 2013**

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak enam ratus empat puluh sembilan juta tiga ratus tujuh puluh lima ribu lapan ratus lima puluh ringgit (RM649,375,850) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2013 bagi maksud dan butiran projek seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2013 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2014 dan yang disenaraikan di sebelah maksud dan butiran projek dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut”.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa mahu menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013, dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ini sebagai peringatan. Untuk memberi ruang kepada ramai wakil rakyat supaya dapat turut berbahas, kita hadkan masa kepada 15 minit, kalau boleh. Sila, Yang Berhormat Bagan.

**11.49 pg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan yang telah dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk Akta Perbekalan Tambahan.

## ■1150

Sungguhpun banyak bahagian telah disebutkan, saya rasa isu utama yang dibincangkan bukan sahaja oleh orang tempatan tetapi di peringkat antarabangsa iaitu berkaitan dengan MH370, saya tidak ingin menyentuhnya. Cuma hendak berdoa bahawa kita boleh dapat satu penyelesaian dan penutup yang seelok-eloknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan perhatian kepada masalah sebahagian besar rakyat Malaysia khususnya dalam perkara ekonomi di mana tadi kita pun telah menyaksikan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan membentangkan Rang Undang-undang GST. Ini akan hanya menambahkan beban ke atas golongan yang tidak berada.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya harap bahawa pihak kementerian melihat ancaman ekonomi. Salah satunya adalah datang daripada peningkatan hutang isi rumah yang mampu merosakkan Wawasan 2020 untuk mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Tentu ada pihak tertentu yang rasa bahawa hutang peribadi isi rumah yang meningkat ini bukanlah satu ancaman yang begitu besar kalau dibandingkan dengan kualiti sistem pendidikan Malaysia yang kian merosot. Saya rasa kedua-dua ini merupakan ancaman yang sama-sama besar. Malah, seorang pakar ekonomi Bank Dunia, Dr. Frederico Gil Sander telah pun menyatakan bahawa kualiti sistem pendidikan Malaysia yang merosot ini adalah lebih membimbangkan berbanding dengan tahap hutang isi rumah yang meningkat.

Saya rasa di sini, kami daripada Pakatan Rakyat kurang bersetuju kerana kalau kita lihat masalah hutang isi rumah telah meningkat daripada 81.8% KDNK pada tahun 2012 kepada 86.8% KDNK pada tahun lepas iaitu yang kedua tinggi di Benua Asia. Saya rasa ini adalah sesuatu yang amat membimbangkan. Kami percaya bahawa ini harus diberikan perhatian oleh pihak kementerian dengan dasar-dasar yang konkrit bukan hanya dengan GST yang kami rasa hanya menambahkan beban ke atas golongan tidak berada.

Hutang isi rumah yang tinggi jelas akan menurunkan kualiti kehidupan dan rekod sosial telah membuktikan bahawa kesannya, khususnya kepada pendidikan anak-anak yang akan menjadi mangsa pertama apabila kesempitan ekonomi melanda. Tambahan pula, pendapatan kita tidak meningkat dengan secukupnya untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan rakyat kita tidak mempunyai pekerjaan yang mempunyai pendapatan yang makin menaik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat untuk dekad terakhir ini, kesatuan-kesatuan buruh mendakwaungguhpun produktiviti meningkat sebanyak 6.7% setiap tahun, upah nyata atau *real wages* hanya naik 2.6% setiap tahun. Keadaan dalam industri pembuatan adalah lebih mencemaskan apabila upah sebenar dalam industri berorientasikan eksport hanya meningkat 1.99%. Sementara industri berorientasikan tempatan meningkat 1.4% selepas 1997 dari ekstrak upah ataupun gaji sebenar. Peningkatan harga barangan seperti gula, petrol, tarif elektrik dan premium insurans motor oleh Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional tahun lepas lagi membebankan atau menekankan hakikat bahawa gaji sebenar tidak dapat mengatasi kenaikan inflasi.

Dalam aspek ini, kami mencadangkan bahawa gaji minimum dinaikkan kepada RM1,100 sebulan bersekali dengan tempoh tangguhan selama lima tahun untuk IKS ataupun SME yang dapat meningkatkan pendapatan rakyat Malaysia dan pada masa yang sama membantu pertubuhan ekonomi dengan melindungi IKS ataupun SME ini. Dasar gaji minimum sebanyak RM1,100 sebulan boleh diterima asalkan IKS tidak merangkumi pekerja-pekerja asing. Saya rasa kalau kita boleh berikan tempoh peralihan selama lima tahun, IKS mampu membayar gaji minimum tersebut kepada pekerja-pekerja tempatan.

Tambahan pula, kita mendapat atau mengalami kerugian yang maha besar apabila pekerja asing menghantar kebanyakan gaji mereka balik ke negara asal mereka. Malah Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri pun maklum bahawa kita rugi kira-kira RM20 bilion dari segi tukaran wang asing yang telah dihantar balik ke negara asal oleh pekerja-pekerja asing. Oleh itu, majikan dan pekerja Malaysia harus dijaga dengan memastikan pekerja menikmati gaji minimum yang lebih tinggi iaitu RM1,100 dengan tempoh peralihan lima tahun untuk IKS dan ini membolehkan kita menjaga pekerja tempatan. Pada masa yang sama juga IKS-IKS tempatan. Saya rasa kita harus menjaga kepentingan rakyat Malaysia dan juga peniaga-peniaga kecil Malaysia.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam aspek peningkatan hutang peribadi isi rumah. Ini saya rasa sesuatu bom jangka masa, *time bomb* kerana kalau ia meningkat sampai 100% KDNK, saya rasa ini menunjukkan bahawa kita telah menjadi

sebuah negara hutang sekeliling pinggang. Saya rasa itu bukanlah satu petanda yang baik kerana apa-apa kemajuan yang dicapai oleh negara tidak dapat disalurkan atau dinikmati oleh rakyat Malaysia biasa. Kalau dasar kerajaan hanya sekadar menaikkan harga barangan, tidak kira gula, petrol, tarif elektrik ataupun premium insurans motor, saya rasa itu bukanlah dasar yang boleh membantu sesama rakyat. Salah satu aspek yang penting ialah kemampuan untuk membeli rumah ataupun pendemokrasian perumahan.

Laporan Tahunan Bank Negara pada tahun lepas mendedahkan bahawa Bank Negara tidak berwawasan ataupun berpandangan jauh kerana tidak ambil berat tentang masalah hutang isi rumah yang tinggi ini. Kita boleh lihat sikap sedemikian apabila kalau kita lihat daripada hutang untuk pihak golongan tidak berada. Hutang yang meningkat ini akan menyusahkan mereka untuk membeli rumah kerana kami telah mendapat banyak aduan, bank-bank swasta kini enggan meminjamkan wang kepada mereka yang bergolongan miskin baik untuk membeli rumah kos rendah ataupun kos sederhana rendah. Ini adalah kerana kalau kita lihat dalam aspek kemampuan untuk mereka membuat bayaran dengan pemberhentian skim *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) dan juga memendekkan tempoh bayaran pinjaman daripada 45 tahun kepada 35 tahun telah mengurangkan keupayaan peminjam-peminjam untuk membuat bayaran ataupun ansuran hutang. Oleh itu, mereka tidak dapat kelulusan untuk meminjam daripada bank untuk membeli rumah mereka.

#### ■1200

Sungguhpun pihak kerajaan ataupun kementerian telah menjalankan Skim Jaminan Kredit Pinjaman (SJKP) ini saya rasa sungguh amat sungguh tidak memadai. Sehingga sekarang hanya RM187 juta telah dipinjamkan untuk menjamin pinjaman-pinjaman oleh bank untuk golongan tidak berada membeli rumah kos rendah ataupun rumah kos sederhana rendah.

Saya rasa ini jauh ataupun sangat berkurangan. Selagi ia tidak ditambahkan, jumlah ini tidak ditambah ataupun diperluaskan sebagai salah satu contoh kalau kita lihat di Pulau Pinang tidak banyak yang dapat menikmati jaminan daripada SJKP ini. Kita harap perkara ini dapat diperbetulkan. Kalau boleh saya ingin meminta untuk membantu mereka yang berpendapatan rendah, baik untuk membeli rumah kos rendah ataupun rumah kos sederhana rendah dan juga untuk pembeli pertama yang membeli rumah mampu milik sampai ke tahap rumah yang berharga RM400,000.

Kita harap agar pihak kementerian boleh mengarahkan Bank Negara untuk memulihkan Skim DIBS supaya memudahkan mereka mendapat pinjaman bank. Maklumat yang kita peroleh daripada REHDA menunjukkan bahawa kebanyakan pemohon-pemohon tidak dapat membeli rumah bukan kerana mereka tidak mahu membeli rumah tetapi kerana tidak dapat pinjaman daripada bank.

Oleh itu kita harap bahawa pihak kementerian boleh mengambil perhatian dan membuat perubahan dasar sedemikian. Kita kena ambil maklum bahawa jumlah besar hutang isi rumah yang kini mencecah RM854.3 bilion pada tahun lepas di mana peratusan isi rumah berhutang berpendapatan sehingga RM3,000 sebulan menyumbang kepada 27% jumlah pinjaman isi rumah iaitu sebanyak RM230 bilion. Bank Negara pun tahu pinjaman agregat bagi isi rumah berpendapatan sehingga RM3,000 sebulan adalah tujuh kali iaitu diukur sebagai nisbah pinjaman sebelum melangsaikan hutang mereka berbanding dengan pendapatan tahunan. Ini adalah dikira tinggi dan wajar dikurangkan.

Akan tetapi macam mana boleh dikurangkan kalau gaji mereka tidak dinaikkan? Ini hanya membuktikan bahawa bagi golongan berpendapatan rendah mereka terjerat dalam putaran atau *vicious cycle* ini kerana tidak dapat pinjam wang, perbelanjaan tidak cukup, bank tidak mahu beri pinjam, akhirnya terpaksa pinjam daripada *along*. Saya rasa itu satu masalah yang mungkin tidak diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Akan tetapi telah menyusahkan banyak keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini kita harap bahawa pihak kementerian juga boleh mengarahkan bank negara untuk menetapkan kadar faedah yang dikenakan ke atas pembeli pertama, perumahan mampu milik ataupun rumah kos sederhana rendah. Oleh kerana biasanya untuk pembeli pertama, saya rasa dari segi kemampuan mereka adalah amat berkurangan.

Kadar yang dikenakan oleh bank untuk rumah mampu milik adalah jauh lebih tinggi kalau dibandingkan dengan rumah-rumah mewah. Masa sudah sampai untuk kitawajibkan pinjaman-pinjaman bank kepada peminjam untuk rumah mampu milik ditetapkan

pada kadar *Based Lending Rate* dan tidak boleh lebih tinggi daripada *Based Lending Rate*. Ini bukan macam pinjaman untuk rumah mewah. Kadang-kadang kita difahamkan pinjaman untuk rumah mewah kerana keupayaan atau kemampuan peminjam untuk membuat pembayaran balik. Mereka boleh dapat kadar yang lebih rendah daripada *Based Lending Rate*. Saya rasa kita tidak capai sasaran untuk membantu golongan pembeli pertama ataupun golongan yang berpendapatan rendah.

Di sini saya ingin mencadangkan bahawa pihak kementerian boleh menerima sistem yang dipakai di Pulau Pinang iaitu Skim Milikan Bersama ataupun *Shared Ownership Scheme*. Di mana kerajaan negeri membayar 30% daripada kos pembelian rumah kos rendah. Baki 70% pinjam daripada bank. Dengan skim sedemikian kerana mereka hanya perlu meminjam 70%. Peluang mereka untuk mendapatkan kelulusan adalah lebih tinggi kalau dibanding dengan skim lama iaitu meminjam kesemuanya sebanyak 100%.

A *selected* pendidikan, saya rasa ia juga sesuatu perkara yang amat penting. Kita amat bimbang bahawa mutu pendidikan atau kualiti pendidikan di Malaysia kian menurun sampai kalau kita lihat Program Penilaian Pelajaran Antarabangsa atau *Program for International Student Assessment* (PISA) pada tahun 2012 telah meletakkan tahap murid Malaysia pada kedudukan 52 daripada 65 buah negara, lebih rendah daripada negara-negara mundur atau lebih mundur daripada negara kita seperti Vietnam dan Thailand. Saya rasa itu adalah satu pencapaian yang bukan sahaja kurang memuaskan tetapi boleh dikira memalukan.

Di sini apakah cadangan untuk menghadapi masalah ini oleh pihak Kementerian Pendidikan? Sungguhpun ada *blueprint* seperti mana yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan tetapi saya rasa ia kurang memadai kalau kita memberikan tumpuan kepada punca utama kemerosotan standard dan kualiti pendidikan sekolah ataupun pelajaran di Malaysia.

Mengikut satu laporan *The Edge*, satu kajian yang dibuat oleh pihak perunding pengurusan antarabangsa McKenzie telah mengenal pasti puncanya sebagai sesuatu yang kita semua tahu iaitu kualiti guru ataupun kualiti pengajaran. Daripada kajian 25 sistem persekolahan dunia, termasuk yang menunjukkan prestasi terbaik dalam carta PISA, sekolah perlu melakukan tiga perkara iaitu:

- (i) dapatkan guru terbaik;
- (ii) pastikan guru memberikan potensi terbaik; dan
- (iii) segera membantu apabila ada murid yang mula ketinggalan dari segi pembelajarannya.

Di sini saya rasa ada banyak ruang untuk Malaysia menambahbaikkan dalam aspek ini. Kalau kita lihat beberapa rajah yang di...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya akan gulung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sila.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau kita lihat dari rajah yang ditunjukkan dalam aspek ini perbelanjaan oleh pihak kerajaan dalam pendidikan, pelajar-pelajar di antara umur enam tahun hingga 15 tahun adalah amat rendah sekali kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Dalam aspek 10 tahun ini kita lihat Malaysia hanya sekadar 12% berbanding dengan negara Thailand sebanyak 43%...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya rasa itu adalah suatu angka yang amat kecil. Saya harap perbelanjaan mesti ditingkatkan untuk golongan di antara pelajar umur enam tahun hingga 15 tahun. Soalannya ialah sama ada...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Peraturan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Saya akan gulung. Soalannya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jasin mohon mencelah. Sila, sila.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita sedang

membincangkan tentang anggaran perbelanjaan tambahan, tentang butiran-butiran tiap-tiap kementerian. Dalam butiran ini Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Pelajaran tidak ada termasuk pun.

■1210

Macam mana pendapat Tuan Yang di-Pertua sama ada perkara ini boleh dibahaskan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Yang Berhormat. Kalau saya memikirkan bahawa ada hujah yang melanggar peraturan mesyuarat. Biar saya tegur. Tidak apa ini peringkat dasar Yang Berhormat. Pokoknya sekarang ini jangan panjang lebar sahaja kerana yang lain tidak ada peluang untuk berhujah pula. Sila, sila.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ini adalah – itu ayat terakhir. Soalan ini ialah sama ada Kerajaan Persekutuan cukup berani untuk melaksanakan perubahan-perubahan yang dicadangkan oleh Bank Dunia? Di mana ada berapa aspek macam mana kita boleh meningkatkan mutu pendidikan? Atau adakah ego dan kebanggaan palsu mereka yang terlibat dalam mentadbirkan sistem pendidikan kita akan terus mengongkang Malaysia di tahap suku terendah di dunia daripada segi kualiti sistem pendidikan dan akhirnya bukan sahaja kalah kepada Thailand dan Vietnam, tetapi mungkin kalah kepada Indonesia.

So, sebagai rumusan kita harap ancaman ke atas usaha Malaysia menjadi sebuah negara maju, kita kena lihat ancaman kembar ini. Satu ialah peningkatan hutang isi rumah di mana melibatkan orang-orang biasa, keluarga biasa. Satu lagi ialah kualiti sistem pendidikan yang kian menurun. Kita harap berikanlah perhatian, berikanlah perbelanjaan yang sewajarnya ke atas kedua-dua masalah utama ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

12.11 tgh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu saya berharap kerajaan dapat mengenal pasti di mana kecenderungan media-media antarabangsa, media-media asing bermula daripada *Fox News*, kemudian *CNN* yang telah melontarkan pelbagai tuduhan dan tohmahan kepada Kerajaan Malaysia, kepada pimpinan negara ini juga dilibatkan nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang kononnya negara kita ini mengeksploitasi ataupun menjadi tonggak memproses pengganas Islam.

Pada saya, perkara ini perkara yang terlalu berat yang dilontarkan oleh media antarabangsa. Ini mungkin ekoran daripada kejadian kehilangannya MH370. Sejauh mana pula kebenaran tuduhan-tuduhan seumpama ini dapat diatasi oleh kerajaan kita? Oleh pihak media kita? Oleh pihak SKMM contohnya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan. Sedikit sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Baru mukadimah ini Yang Berhormat Lenggong. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan, saya tertarik apabila Yang Berhormat Kinabatangan sebut bagaimana media Barat memainkan isu kononnya negara kita ialah pusat untuk melatih *terrorist* ini. Saya cukup bimbang isu ini. Kalau kita lihat kepada sejarah, kita lihat kepada bagaimana kuasa-kuasa besar masuk dengan campur tangan kepada negara-negara tertentu, alasan yang diberikan pada peringkat awal untuk campur tangan ialah soal *terrorist* ini.

Kita tengok banyak negara, kuasa-kuasa besar menggunakan alasan ini. Dia tuduh negara berkenaan ada *terrorist* akhirnya dia menggunakan satu perkara untuk masuk. Apakah ini juga merupakan satu agenda negara luar untuk meletakkan Malaysia menjadi sasaran baru kepada mereka? Memandang Malaysia merupakan negara berpotensi dalam segala bidang. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kinabatangan.



**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Sebetulnya saya akan sampai ke situ sebab saya pun hairan mutakhir ini kenapa negara-negara, media negara Barat cenderung ke arah Malaysia? Apa yang ada di negara kita ini? Negara kecil, rakyatnya harmoni walaupun kita partisan parti yang terlalu nampak ketara, tetapi kita masih boleh hidup dalam aman dan damai.

Tiba-tiba ekoran peristiwa MH370 ini, maka kita telah dilabel oleh media antarabangsa sebagai sebuah negara yang mendalangi pengganas. Sedangkan kita ini anti kepada keganasan. Kita tidak mahu sebarang keganasan, kita tidak mahu ada demonstrasi jalanan. Kita tidak mahu dengan pelbagai perkara yang tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat. Justeru itu, satu tindakan harus diambil oleh kerajaan dengan begitu tegas untuk menyatakan pendirian kita, untuk menyatakan bahawa mereka tidak harus campur tangan dalam urusan kita mengendalikan negara kita.

Saya meminta kerajaan pada hari ini menghalau mana-mana media antarabangsa yang telah menceroboh keistimewaan kita. Hal ini kerana pada saya harus diberi pengajaran. Kalau tidak diberi pengajaran mereka mungkin akan melakukan sesuatu yang lebih dahsyat untuk menghuru-harakan negara kita ini pada masa-masa akan datang. Kita harus sedar mungkin ada permainan di sebalik segala permainan ini. Ini tidak boleh kita, kerajaan tidak boleh pandang ringan perkara-perkara yang sebegini sebab boleh nanti api ini Tuan Yang di-Pertua, kecil-kecil boleh jadi kawan, kalau sudah besar, dia membakar dan akan menjadi lawan. Justeru itu, jangan biarkan api ini membiak.

Dalam masa yang sama, saya juga mempersoalkan SKMM. Saya tidaklah menuduh mana-mana pihak tetapi satu portal *Red Bean Army* ini begitu kebal. Tidak ada... Tengok, saya sebut *Red Bean Army*, dia pula, di sana pula yang macam tersinggung. Saya tidak sebut pun mana-mana. Mungkin, tidak tahulah apa jadi.

Saya meminta kerajaan ambil siasatan terperinci dan dakwa *Red Bean Army* ini. Bukan susah sangat. Setiap portal itu ada identiti mana-mana satu individu. Tidak boleh dikesan, kah? Apa yang kita takut dengan *Red Bean Army* ini? Mereka suka buat fitnah. Tengok. Ini mungkin anggota *Red Bean Army* mungkin. Saya tidak menuduh, tetapi mungkin. Sebab saya cakap, dia pula tersinggung. Macam siapa makan lada, dia rasa pedas mungkin. Ha, sudah *mari*. Jadi, minta SKMM siasat perkara ini. Jangan sampai disebabkan portal yang sebegini menghuru-harakan, memfitnah pemimpin, memfitnah isu-isu dan sebagainya. Mungkin inilah tali barut yang digunakan oleh media asing ini untuk menambah, mengeruhkan lagi keadaan dalam negara kita.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, berminat tajuk ini. Celah sedikit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan, saya fikir mungkin kerajaan terikat dengan Akta Komunikasi Multimedia serta rang jaminan MSC waktu kita rangka penubuhan MSC. Apakah rang undang-undang ini penting atau negara yang penting?

Kalau negara penting, perlu tidak kita kaji rang undang-undang ini? Kalau tanya Lenggong, Yang Berhormat Kinabatangan, kaji. Yang penting ialah negara, yang penting ialah rakyat, yang penting adalah keselamatan negara. Oleh sebab itu, setujukah kalau kita minta dalam Dewan yang mulia ini, kaji semula ini supaya jangan kita beri kebebasan yang melampau kepada sesetengah rakyat dalam negara ini yang memutarbelitkan. Ini kerana walaupun media antarabangsa memutarbelitkan isu MH370 ini sebenarnya sebahagian besar disumbangkan oleh rakyat yang tidak bertanggungjawab dalam negara ini, yang memberi maklumat, info yang tidak betul kepada masyarakat antarabangsa. Saya hendak tanya pandangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya setuju Yang Berhormat Lenggong. Kebebasan yang bagaimana? Bentuk bagaimana kita hendak hidangan dengan pengguna-pengguna internet kita? Kita tengok negara jiran kita, Singapura. Ia kawal selia pengguna-pengguna internet. Di Amerika, bukan sahaja ia kawal, ia boleh dengar orang punya *conversation* dalam telefon. Ia boleh nodai apa juga komunikasi yang kita ada. Di Amerika, negara yang mendakwa kebebasan menyeluruh. Akan tetapi, di negara kita, kita tidak melihat bahawa kepentingan negara itu lebih penting dari segala-galanya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini *Red Bean Army*, kah ini?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Baju pun macam *Red Bean*. Sila, sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan, sebenarnya kita telah pun diberi kuasa kepada SKMM untuk mengambil tindakan sekiranya ada *blogger*, ada *social media player* yang melampau. Masalah sekarang ialah bila pihak sini buat aduan, mereka tidak ambil tindakan.

■1220

Akan tetapi kalau Yang Berhormat Menteri, kalau pihak sebelah sana buat aduan macam makan *bak kut teh* letak gambar itu semasa bulan puasa. Ini ambil tindakan serius, masuk penjara, dakwa mereka ke mahkamah. Apabila sebelah saya, saya sudah buat dua kali aduan kepada SKMM di mana nama saya difitnah, gambar saya dengan kenyataan yang langsung saya tidak pernah buat dikeluarkan, tidak ada tindakan. Adakah ini menunjukkan yang masalah sekarang kita ialah SKMM *double standard*? Hanya berpihak kepada parti Yang Berhormat sahaja?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Seputeh, bajunya pun macam warna reben. [Ketawa] Sedarkah Yang Berhormat, kalau perkara ini betul, dakwa Yang Berhormat ini betul SKMM memihak kepada pihak kerajaan, saya tidak berdiri berhujah di sini menyatakan kepada SKMM pasal *Red Bean Army*. Oleh sebab *Red Bean Army* banyak memfitnah termasuk saya, dia fitnah macam-macam. Akan tetapi tidak ada tindakan. Ini yang saya persoalkan apa kerja SKMM ini? [Disampuk]

Ini mungkin ada *Red Bean Army* punya ini. Saya sentuh sahaja, dia macam terasa betul. Ini masalah. Jadi kalau orang-orang yang seumpama ini, harus disiasat. Kalau betul dia terlibat dalam soal-soal memporak-perandakan negara ini, tangkap dia. Jangan bagi dia peluang. Sumbat dia dalam penjara, ini manusia sebegini tidak boleh kita biarkan hidup dalam masyarakat kita sebab boleh menghancurkan negara kita.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi maksud Yang Berhormat ialah aduan saya perlu disiasat, diambil serius, diambil tindakan oleh SKMM betul?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Memang kalau ada betul, perlu mesti siasat. Mesti. Tauke video pun kalau ada perlu siasat, kita siasat Tuan Yang di-Pertua. Jangan mengedar video dalam negara kita tiada berlesen. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah ya? Saya minta SKMM supaya serius menangani isu ini, sebab kita bimbang ekor daripada keterlaluannya media-media antarabangsa melakukan kekangan-kekangan, tuduhan-tuduhan yang menyeluruh ini, rasa saya bukan satu permainan lagi. Akan mungkin ada satu agenda yang tidak kita ketahui. Jadi SKMM harus melihat bahawa perkara ini mungkin kecil, tetapi kalau dibiarkan boleh membakar keharmonian negara kita. Isu seterusnya...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, ya. Sila. Ini...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat Kinabatangan ingin mencadangkan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduk dulu sekejap. Ini kerana beri hormat sikit sebab dia calon memang menang punya saya nampak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak berani lawan presiden.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apakah Yang Berhormat Kinabatangan mencadangkan supaya SKMM menjalankan satu tindakan atau pun dasar baru untuk menapis internet dalam negara kita?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Untuk kebaikan negara Yang Berhormat, walaupun kita mungkin terpaksa *sacrifice* sedikit, perlu. Oleh sebab untuk keamanan negara. Kita harus ada *priority*. Negarakah, rakyatkah atas bukan kebebasan semata-mata sebab di *Singapore* pun ia negara kecil tetapi ia kawal sedikit. Di Amerika, ia bukan lagi sedikit, ia kawal keseluruhannya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju supaya ada saringan atau pun tapisan dalam teknologi *Internet* ini? Kalau itu yang dipersetujui Yang Berhormat, saya kira sudah ada penyelesaiannya. Baru-baru ini, Tun Dr.

Mahathir ada sebut, beri peluang beliau menjadi Perdana Menteri sekali lagi, dan dia boleh tutup semua teknologi internet ini. Jadi, apakah Yang Berhormat Kinabatangan setuju supaya Tun Dr. Mahathir dilantik semula menjadi Perdana Menteri untuk mencapai hasrat Yang Berhormat Kinabatangan tadi?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya rasa soalan Yang Berhormat Gombak ini soalan tidak relevan sudah. Dia sudah— soalan yang sudah ketinggalan zaman. Jadi, saya tidak layan soalan yang tidak relevan Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Soal-soal lain boleh saya layan Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Cakap Tun Dr. Mahathir tidak relevan ya? Cakap Tun Dr. Mahathir tidak relevan. Jahat Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sekarang ini...

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Pelantikan Menteri Besar Selangor.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sudah lain. Jadi apa hendak cakap? Kita Barisan Nasional— UMNO *is* abang daripada Yang Berhormat fikirkan. Yang Berhormat ke belakang. Kita abang, sebab itu kita akan terus diterima oleh rakyat. Oleh sebab itu cubaan pembangkang berkali-kali pun tidak tercapai, sebab kita berani untuk berubah. Itu dia UMNO dan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya setuju supaya GST ini diteruskan. Oleh sebab pada saya, GST ini merupakan satu pelan induk untuk mengekalkan pendapatan ekonomi negara supaya mengembang dari semasa ke semasa. Saya telah merujuk berbagai-bagai artikel, melihat negara-negara yang mengamalkan GST ini, tidak ada satu negara pun dalam dunia ini Tuan Yang di-Pertua yang mengamalkan sistem GST ini mereka *reverse* atau pun berundur daripada amalan itu. Bahkan mereka akan pertingkatkan bagaimana untuk melengkapkan sistem percukaian dan juga cukai-cukai barang dan perkhidmatan ini kepada negara mereka. Dalam masa yang sama, saya juga setuju...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Sedarkah Tuan Yang di-Pertua. Sedarkah Yang Berhormat Kinabatangan bahawa Hong Kong apabila mula-mula memperkenalkan GST terdapat bantahan amat hebat. Akhirnya Hong Kong membuat keputusan untuk membatalkan dahulu dan mengkaji balik kemudian barulah dikemukakan semula setelah mendengar pandangan-pandangan daripada rakyat. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita kaji balik kedudukan mungkin jumlah yang terlalu tinggi untuk dikenakan kepada rakyat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya melihat bahawa cadangan GST ini bukan baru. Kita kerajaan telah ketengahkan lima, tujuh tahun yang lalu. Dan barulah akan dilaksanakan tahun 2015. Ini kita lihat bahawa GST ini memang perlu untuk kita laksanakan sebab ini untuk memberi jaminan kepada masa depan negara kita, kepada anak bangsa kita, modal insan kita. Bukan untuk kita yang ada pada hari ini. Kita harus sediakan ruang lingkup yang baik kepada generasi masa depan negara kita. Kalau kerajaan hari ini tidak susun, apa yang perlu untuk sepuluh tahun, 20 tahun, 50 tahun akan datang bermakna kerajaan ini tidak bertanggungjawab sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memikirkan.

Oleh sebab itu saya katakan bahawa UMNO ini memang satu parti yang luar biasa. Kita berani berubah. Merubah sesuatu yang masyarakat fikir tidak baik tetapi akhirnya akan diterima oleh rakyat sebab perubahan itu perubahan untuk semua dan untuk memastikan bahawa negara sentiasa terjamin akan masa depannya.

Dalam masa yang sama, saya meminta kerajaan juga melihat bahawa beban hidup rakyat harus juga kita lihat sebagai satu perkara penting, sebab kita mahu negara maju rakyat juga tidak teraniaya. Rakyat juga senantiasa boleh meneruskan kehidupan mereka dan dalam masa yang sama, kena ada kerjasama di kalangan semua agensi kerajaan. Beban hidup rakyat tadi berbagai-bagai Tuan Yang di-Pertua. Beban hidup untuk memiliki rumah, beban hidup untuk memiliki dan sebagainya.

Kalau rumah mungkin, Kerajaan Persekutuan harus melihat di semua negeri, berapa negeri yang telah menyediakan rumah mampu milik? Termasuk di Pulau Pinang, sebab saya dengar Pulau Pinang begitu giat mendirikan rumah yang eksklusif, yang harga

berjuta-juta dan tidak berapa memikirkan soal masalah rakyat. Jadi setiap negeri berapa ribu rumah yang mereka sediakan untuk rumah mampu milik ini? Mungkin di situ kerajaan boleh menyimpan kewangan untuk...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Boleh?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sekejap. Terputus kita punya pula...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sekejap boleh? Hendak bagi penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kerajaan mungkin boleh menyimpan kewangan kepada bank-bank supaya memudahkan pemohon-pemohon memiliki rumah ini melalui pinjaman mudah daripada kerajaan. Kalau tidak, Bank Negara pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, terlalu sukar untuk mana-mana rakyat. Biasa yang memohon pinjaman, saya pun tidak tahu kenapa Bank Negara ini makin hari makin tidak senonoh pemikirannya. Saya tidak tahu bagaimana Bank Negara ini diurus oleh seorang Gabenor yang saya rasa banyak menyusahkan kerajaan dan rakyat. Jadi, saya tidak ada masa sudah. Tuan Yang di-Pertua balik-balik tengok saya. Jadi tidak bagus kalau saya makan hak orang lain. Saya akan berhenti kalau saya...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bagus. Sekejap sahaja. Mungkin Yang Berhormat Kinabatangan tidak tahu, selalu baca *blog* yang salah. *Blog Red Bean Army*, mungkin tidak pernah baca media betul. Pulau Pinang kata tidak bina rumah kos rendah tetapi sebenarnya kita sudah luluskan 17,000 buah rumah kos rendah dan juga rancangan untuk bina 20,000 buah rumah kos rendah lagi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Baru lulus, tidak buat lagi.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jadi saya harap jangan luangkan masa baca blog-blog yang tidak senonoh.

■1230

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini apa ini?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jangan selalu baca blog bukan-bukan. Bacalah media yang betul-betul.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini masalah. Yang Berhormat baru seumpama ini, dia tidak dengar apa hujah saya tadi. Saya kata tengok kerajaan negeri-negeri, mungkin. Bukan saya tuduh. Jadi mungkin telinga Yang Berhormat banyak tersumbat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tadi saya bagi penjelasan. Mungkin Yang Berhormat tidak faham, jadi saya bagi penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pergi jumpa doktor telinga, Yang Berhormat Kepong.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya bagi penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak bagi Yang Berhormat laluan pun. Ini melanggar peraturan. Hendak ikut Shah Alam langgar-langgar saja. Batu yang kuat pun dia langgar saja. Ini masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila gulung. Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya gulung Tuan Yang di-Pertua. Saya...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Mencilah Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Soal...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bagilah.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Mengenai polisi Bank Negara.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tadi Tuan Yang di-Pertua suruh saya gulung. Mahu cakap soal lain. Saya mahu cakap soal pertanian pula Tuan Yang di-Pertua. Penghabisan. Iaitu saya amat menyokong sekiranya kerajaan mewujudkan LPN

kembali semula, Lembaga Padi dan Beras Negara. Ini kerana kita hari ini melihat bagaimana BERNAS telah tidak lagi relevan untuk mengawal *stockpile* beras. Kalau saya tidak sila Tuan Yang di-Pertua, perwujudan BERNAS ini satu ketika dulu iaitu untuk membantu petani-petani dan juga pengusaha-pengusaha bumiputera dan pengilang bumiputera.

Akan tetapi dalam masa yang sama apabila BERNAS diberi kuasa yang banyak gulung tikar iaitu kilang-kilang Melayu bumiputera. Empat buah kilang Melayu bumiputera gulung tikar sedangkan mereka ini harus dibela. Upah-upah untuk mengisar padi, mengering dan sebagainya seharusnya diberi kepada petani-petani ini. Akan tetapi diangkat satu kali *package* oleh BERNAS. Jadi ini perkara pada saya, *stockpile* ini bermakna sekuriti negara. Betulkah ada *stockpile* di BERNAS? Berapa banyak kapasiti *stockpile* yang ada, beras yang ada pada kita sekiranya berlaku satu darurat, *emergency*, apakah benar *stockpile* ini wujud ataupun tidak?

Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya LPN iaitu Lembaga Padi dan Beras Negara, diwujudkan semula dan diberi kuasa untuk menjaga *stockpile* dan diberi kuasa untuk melihat kepentingan-kepentingan pengusaha dan petani di seluruh negara untuk memastikan bahawa mereka juga terbela, tidak ditindas oleh mana-mana pihak termasuk BERNAS pada masa-masa yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak.

### 12.33 tgh.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil peluang untuk membahaskan satu akta yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan 2013 yang telah pun dibacakan buat kali yang kedua sebentar tadi. Kalau kita meneliti belanjawan asal yang telah dibentangkan untuk tahun 2013 berjumlah RM200...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Gombak, boleh saya keluar?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya. Eloklah, kalau duduk pun dia kurang faham.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dia tidak faham.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Belanjawan asal yang telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat ini berjumlah RM251 bilion. Kemudian di Dewan yang sama, satu peruntukan tambahan telah diminta dengan jumlah RM15 bilion. Hari ini sekali lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tampil dalam Dewan ini untuk memohon perbekalan tambahan berjumlah RM3 bilion. Ini menjadikan jumlah belanjawan bagi tahun 2013 melonjak kepada RM270 bilion iaitu lebih RM10 bilion daripada Belanjawan 2012.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan ini bercanggah dengan pendirian yang telah diambil oleh Perdana Menteri untuk mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan defisit fiskal. Saya ingin mengulangi gesaan saya sebelum ini supaya trend seperti ini dihentikan. Kita melihat trend pengurusan kewangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Pekan tidak menonjolkan satu pengurusan yang berhemah dan bertanggungjawab. Kalau kita melihat rekod semenjak beliau mengambil alih sebagai Menteri Kewangan dari tahun 2009, ada dua belanjawan tambahan yang dikemukakan di Dewan ini pada setiap tahun.

Pertama pada tahun 2009 berjumlah RM10 bilion dan yang kedua berjumlah RM11.3 bilion. Pada tahun berikutnya pada tahun 2010, belanjawan asal yang diluluskan di Dewan berjumlah RM191 bilion. Menteri Kewangan telah tampil memohon belanjawan tambahan bernilai RM12 bilion untuk kali pertama dan kemudian pada tahun yang sama mengemukakan belanjawan tambahan bernilai RM15 bilion.

Pada tahun 2011, belanjawan asal bernilai RM213 bilion. Menteri Kewangan tampil dalam Dewan Rakyat memohon tambahan berjumlah RM13 bilion untuk kali pertama dan kali kedua bernilai RM10 bilion. Trend yang sama berlaku pada tahun 2012 di mana belanjawan asal yang telah dibentangkan berjumlah RM232 bilion. Kemudian satu peruntukan tambahan telah diminta dengan jumlah RM15 bilion dan ia menyusul dengan perbekalan tambahan berjumlah RM12 bilion lagi.

Saya telah menegaskan bahawa belanjawan tambahan mesti terikat dengan beberapa prinsip asas dan tidak dijadikan amalan yang berterusan. Saya juga telah menyatakan ketika membahaskan Akta Perbekalan Tambahan 2012 pada 15 Julai 2013, saya telah menjangkakan bahawa trend yang sama akan digunakan pada tahun 2013 dan hari ini terbukti apa yang saya andaikan itu benar-benar berlaku di bawah pentadbiran Menteri Kewangan hari ini. Maknanya kalau inilah amalan yang diteruskan, ianya menunjukkan pengurusan yang tidak cekap, unjuran yang tidak tepat dan akhirnya akan membebankan rakyat keseluruhannya.

Dalam membentangkan belanjawan sama ada belanjawan asal mahupun belanjawan tambahan, prinsip yang harus dipegang ialah tatakelola ataupun *governance*, yang baik supaya sejumlah peruntukan tambahan yang dipohon dalam Dewan ini benar-benar mempamerkan komitmen kerajaan untuk berbelanja secara berhemah tertakluk kepada butiran dan perincian yang kita bentangkan. Maka sewajarnya dalam mencapai matlamat tatakelola yang baik ini...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Gombak. Lenggong.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya dengar teliti apa Yang Berhormat Gombak sebut tadi yang mendakwa kononnya kerajaan tidak cekap dalam pengurusan kewangan. Kalau kita lihat negeri Selangor, belanjawan tambahan juga dibentangkan oleh kerajaan negeri berkali-kali termasuklah waktu Yang Berhormat menjadi EXCO Kerajaan Negeri Selangor dulu. Apakah ini juga bermaksud Yang Berhormat juga kata bahawa Kerajaan Negeri Selangor juga tidak cekap dalam pengurusan kewangan?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nampak sangat fakta dan maklumatnya tidak pernah betul. Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah menduduki EXCO Kerajaan Negeri Selangor.

Kedua, Yang Berhormat Lenggong tidak boleh bezakan Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Pusat kerana prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat jauh lebih baik daripada Kerajaan Pusat. Rizab kita sekarang sudah melebihi RM3 bilion. Hutang Kerajaan Pusat sudah mencecah setengah trilion ringgit. Jadi tidak mungkin Yang Berhormat Lenggong boleh membezakan Kerajaan Negeri Selangor yang dipimpin oleh kerajaan Pakatan Rakyat dengan Kerajaan Pusat yang dipimpin oleh UMNO yang bobrok, yang tidak boleh mengurus kewangannya dengan baik...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Maknanya Menteri Besar Selangor lebih baik daripada Yang Berhormat Gombaklah?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi saya sudah jawab.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jadi tidak payah lawanlah. Maknanya Menteri Besar Selangor lebih baik daripada Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebab itu saya tekankan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua... Duduk dulu. Saya sudah beri ruang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Maknanya Menteri Besar Selangor lebih baik daripada Yang Berhormat Gombak.

■1240

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Komitmen yang kita berikan dalam Dewan ini mestilah menunjukkan kesungguhan kita untuk belanja secara berhemah tertakluk kepada satu mekanisme yang cukup jelas. Sekiranya berlaku satu perbelanjaan luar jangkaan, maka kerajaan harus kembali semula dalam Dewan ini untuk memohon kelulusan. Akan tetapi apa yang kita saksikan amalan Yang Berhormat Menteri Kewangan hari ini, termasuk pada pagi ini ialah dia sudah berbelanja dahulu baru datang hendak minta kelulusan. Ini satu amalan yang tidak bertanggungjawab, tidak berhemah, pengurusan yang tidak cekap, tersasar daripada unjuran asal dan saya minta perkara ini dihentikan. Maka saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya dibentuk satu jawatankuasa khas peringkat Parlimen untuk memantau bagaimana perbelanjaan ini dilakukan dalam setiap perbelanjaan kerajaan yang dibentangkan di dalam Dewan Rakyat ini.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, walaupun perbelanjaan tambahan kali ini agak kecil jika dibandingkan Perbekalan Tambahan sebelum ini iaitu berjumlah RM3 bilion, jika

dibandingkan dengan Perbekalan Tambahan kali kedua tahun 2012 yang berjumlah RM12 bilion. Namun, Dewan ini juga bertanggungjawab untuk *scrutinize* tentang perbelanjaan dan penyaluran peruntukan supaya mematuhi garis panduan kewangan.

Daripada perbelanjaan tambahan berjumlah RM3 bilion, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menggariskan pagi ini bahawa Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2013, mencatatkan RM2.4 bilion. Manakala selebihnya, RM650 juta untuk Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2013. Antara perkara yang agak ketara dalam rang undang-undang ini ialah pelanggaran prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam perbelanjaan. Sebagai contoh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Jasin bangun.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Gombak. Saya hanya hendak berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat Gombaklah. Apabila Yang Berhormat Gombak mendakwa bahawa tidak ada ketelusan tentang cara pengurusan kewangan kerajaan kita pada ketika ini. Bahkan sebenarnya peruntukan tambahan telah dibuat pada tiap-tiap tahun, sehinggakan semasa Yang Berhormat Ketua Pembangkang menjadi Menteri Kewangan pun dibuat setahun tiga kali pun ada. Saya hendak maklumkan di sini bahawa sebenarnya peruntukan tambahan yang kita buat ini adalah, mana-mana peruntukan yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya, maka perbekalan itu dibuat. Perbekalan sebenarnya Yang Berhormat, perbekalan ini apa juga belanjawan yang dibuat jangan melebihi daripada *revenue* kita.

Maknanya, sampai sekarang kita masih ada lagi *balance of payment* lagi. Walaupun kita telah buat mengurus pertama, kita buat RM15 bilion, mengurus kedua RM2.7 bilion. Akan tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, yang baru kita mohon ini terlalu sedikit sahaja, hanya lebih kurang tidak sampai RM300 juta sahaja. Kerana apa Yang Berhormat, saya hendak sebut di sini, angka sebanyak RM2.09 bilion itu adalah sebenarnya bukan satu bentuk perbelanjaan yang baru. Ia sebenarnya adalah untuk memindahkan baki kutipan hasil yang tidak dibelanjakan oleh Persekutuan ke kumpulan pembangunan. Itu tidak ada kena mengena. Jadi perbelanjaan kita untuk mengurus kali ini hanya lebih kurang RM300 juta sahaja, yang lain itu RM649 juta adalah untuk pembangunan.

Jadi, janganlah kehendak kita menuduh kerajaan bahawa tidak efisien dalam menguruskan perbelanjaan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya hendak respons dua perkara. Pertama tentang Yang Berhormat Jasin mendakwa bahawa ketika Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan, amalan sama diguna pakai. Ini tidak benar. Apa yang berlaku pada ketika itu adalah *stimulus packages*. Ketika kegawatan ekonomi. Pakej stimulus ini ialah untuk merancang dan menjana pertumbuhan ekonomi... [Dewan riuh]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ha, itu kelentonglah, kelentong.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Dalam keadaan kegawatan. Akan tetapi apa yang kita saksikan hari ini ialah peruntukan tambahan atas perbelanjaan yang telah dibuat pada tahun yang lalu. Ini dua perkara yang berbeza. Saya percaya Yang Berhormat Jasin sedia maklum apa beza *stimulus packages* ketika kegawatan dengan Perbekalan Tambahan atas perbelanjaan yang telah dibuat sebelum ini. Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat nanti, nanti, nanti. Yang Berhormat Jasin nanti, nanti. Yang Berhormat Jasin saya kena beri peluang...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kenalah tunjuk bukti Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat cakap kehebatan negeri Selangor. Kehebatan negeri Selangor. Saya belum lagi hendak buka kehebatan Negeri Selangor.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Beri peluang...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sebenarnya kehebatan negeri Selangor peruntukan tambahannya ialah lagi teruk. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua saya sedang respons. Kedua Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin mengaku bahawa berlaku unjuran yang tidak tepat. Ini saya telah sebut dalam mukadimah saya tadi bahawa kalau yang diunjurkan itu RM12 bilion, maka kita kena menepati sasaran tersebut. Ini bermakna

pengurusan kewangan di bawah Menteri Kewangan sekarang ini tidak cekap dan tidak dapat memberikan unjuran yang bertepatan. Saya hendak beri satu contoh Yang Berhormat Jasin, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2013 berjumlah RM2.4 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM2.1 bilion yang disentuh oleh Yang Berhormat Jasin tadi telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan sebagai keperluan kewangan untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2013.

Ini adalah penjelasan yang telah terkandung dalam memorandum Perbendaharaan di muka surat enam. Namun, persoalan pokok yang perlu dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, sekiranya RM2.1 bilion ini untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2013, seperti yang telah diterangkan dalam memorandum Perbendaharaan. Persoalannya ialah mengapa peruntukan ini tidak diletakkan di bawah kementerian-kementerian yang memerlukan peruntukan bagi tujuan pembangunan dalam negara kita. Akan tetapi apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah menyalurkan sejumlah RM2.1 bilion ini melalui Kumpulan Wang Terkanun yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

Jadi saya ingin saya juga mengesan bahawa dengan pertambahan RM2.1 bilion ini peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun bagi tahun 2013 telah melonjak kepada RM5 bilion. Maka yang kita tuntut dalam perbahasan di Dewan ini ialah *full disclosure* bagaimana RM2.1 bilion ini yang diletakkan di bawah Kumpulan Wang Terkanun dibelanjakan? Apakah bentuk perbelanjaan? Apakah proses yang diguna pakai oleh kementerian bagi memastikan setiap sen daripada RM2.1 bilion itu benar-benar sampai ke sasarannya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disentuh oleh banyak pihak ialah tentang kegagalan kerajaan untuk memberi tumpuan serta komitmen yang jelas untuk memulihkan kejayaan ekonomi negara kita. Ini termasuklah isu yang mendesak iaitu berhubung hutang isi rumah. Berdasarkan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri pada 26 Mac 2014 yang lalu, jumlah hutang isi rumah atau hutang keluarga bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM854.3 bilion. Nisbah hutang isi rumah ini berbanding dengan KDNK adalah sebanyak 86.8%.

Antara komponen yang menyumbang kepada pertumbuhan hutang isi rumah ini adalah pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan dan yang menduduki tangga ketiga ialah pinjaman peribadi berjumlah 16.6% atau RM141.5 bilion. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini baru-baru ini bahawa persoalan pinjaman peribadi ini adalah terkawal memandangkan *nonperforming loan* ini pada kadar 1.3%. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya memberikan satu jawapan yang lebih tepat dan bertanggungjawab kerana pinjaman peribadi yang dikeluarkan oleh institusi pinjaman bukan bank seperti MBSB, memang benar NPLnya terlalu rendah memandangkan pemotongan pinjaman tersebut dibuat melalui Angkasa. Maknanya, sebelum anggota perkhidmatan awam itu mendapat gaji bulanannya, pinjamannya telah pun dipotong oleh Angkasa dan MBSB mendapat balik pinjaman tersebut melalui pemotongan yang dibuat oleh Angkasa, sudah tentulah *non-performing loan* itu pada kadar 1.3%.

#### ■1250

Akan tetapi ini tidak bermakna hutang isi rumah dalam negara kita ini, khususnya dalam pinjaman peribadi itu terkawal kerana kalau kita lihat pertumbuhannya semakin hari semakin tinggi. Saya ingin menegur sedikit tentang langkah yang diambil oleh Bank Negara baru-baru ini. Walaupun saya menyambut baik langkah Bank Negara Malaysia untuk memperkenalkan garis panduan yang baru pada akhir tahun 2013 termasuk mengkaji semula *debt service ratio* atau pun (DSR) yang bertujuan untuk mengawal pengembangan kredit yang berhemah, perbelanjaan yang bijak serta menanam sikap kebertanggungjawaban. Akan tetapi Bank Negara juga perlu meneliti impak sosial ke atas rakyat, khususnya anggota perkhidmatan awam iaitu pegawai-pegawai kerajaan.

Apakah benar kadar pertumbuhan jumlah hutang isi rumah telah menurun pada kadar yang sederhana atau pun munasabah, atau pun jumlah hutang isi rumah hari ini lebih tinggi daripada statistik yang dikeluarkan oleh kerajaan. Memandangkan anggota perkhidmatan awam terpaksa beralih daripada institusi perbankan kepada pihak yang memberikan pinjaman tanpa lesen seperti *ah long* untuk mendapatkan pinjaman peribadi.

Saya ingin memberikan contoh Tuan Yang di-Pertua, institusi kewangan seperti Bank Rakyat dan institusi kewangan bukan bank seperti Malaysia Building Society Bhd. (MBSB) yang memberi pinjaman peribadi kepada anggota perkhidmatan awam, pegawai-pegawai kerajaan, berjumlah di antara RM700 juta sebulan sehingga RM900 juta sebulan



sehingga suku tahun ketiga 2013. Namun hari ini, kedua-dua institusi ini mengalami kemerosotan yang mendadak sebanyak 90% akibat garis panduan baru yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia termasuk mengurangkan tempoh pinjaman peribadi daripada 25 tahun kepada 10 tahun.

Saya difahamkan Bank Rakyat dan MBSB pada hari ini mampu meluluskan pinjaman peribadi kepada anggota perkhidmatan awam dalam lingkungan RM100 juta sahaja sebulan akibat garis panduan yang diperkenalkan. Alasan bahawa garis panduan ini perlu diperkenalkan oleh Bank Negara untuk mengekang pinjaman peribadi ekoran pinjaman yang diberikan oleh MBSB dan juga Bank Rakyat ini telah dibelanjakan secara tidak berhemah termasuk membeli perabot dan kelengkapan rumah yang mewah bagi saya adalah tidak berasas. Jika benar, Bank Negara perlu menghasilkan kajian secara menyeluruh untuk melihat jumlah serta angka perbelanjaan yang dibelanjakan oleh kumpulan kakitangan awam yang saya nyatakan tadi.

Persoalannya ialah anggota perkhidmatan awam dan pegawai-pegawai kerajaan perlu terus mendapatkan pinjaman peribadi. Memandangkan persoalan asas yang harus diteliti oleh Bank Negara ialah gaji pokok pegawai kerajaan masih di tahap rendah. Tidak mungkin mereka dapat menampung kos sara hidup yang begitu tinggi pada hari ini termasuk pinjaman peribadi untuk pendidikan anak-anak dan menyara kos sara hidup. Maka, sekiranya garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara ini walaupun mempunyai matlamat yang murni tetapi kalau tidak meneliti impak sosial ke atas rakyat dan anggota perkhidmatan awam, saya bimbang anggota perkhidmatan awam akan beralih daripada Bank Rakyat dan MBSB kepada agensi dan kumpulan yang tidak berlesen seperti *ah long*.

Maka, persoalan yang saya hendak tegaskan di sini ialah jumlah hutang isi rumah yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, saya pasti ianya jauh lebih rendah daripada angka sebenarnya. Ini kerana kerajaan sehingga hari ini gagal untuk mengemukakan satu statistik. Berapakah jumlah yang telah dipinjamkan oleh *ah long* dan pihak-pihak yang tidak berlesen ini kepada anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat yang memerlukan pinjaman tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak, masa Yang Berhormat, masa.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Satu minit Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung. Jadi, persoalan yang saya hendak tegaskan di sini ialah apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengawal selia aktiviti pemberian pinjaman wang oleh pihak yang tidak berlesen termasuk *ah long*. Apakah saiz pinjaman yang telah dibuat oleh pihak yang tidak berlesen ini? Bagi saya kerajaan sewajarnya mempunyai data dan statistik ini bagi mengekang aktiviti haram yang boleh menimbulkan masalah sosial di kalangan golongan yang berpendapatan rendah dan juga yang mengambil pinjaman.

Saya percaya dan yakin data dan statistik ini juga penting untuk membantu kerajaan bagi menggubal dasar, mengawal pertumbuhan hutang isi rumah tanpa memberi impak sosial kepada rakyat termasuk anggota perkhidmatan awam. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dapat memberi perhatian khusus kepada perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya berharap ada langkah-langkah yang progresif bagi menangani masalah yang ditanggung oleh rakyat pada hari ini. Apatah lagi dalam beberapa hari yang akan datang Yang Berhormat Timbalan Menteri akan membentangkan satu lagi rang undang-undang GST yang pastinya akan membebankan rakyat keseluruhannya yang terus meningkatkan kos sara hidup. Saya berharap Kementerian Kewangan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan harus mengambil tanggungjawab ini demi rakyat Malaysia keseluruhannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, duduk dulu Ahli Yang Berhormat. Saya ingin ingatkan kembali, tidak elok kalau saya menegur setiap kali Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhujah. Kadang-kadang ucapan itu baik, apabila saya ganggu tidak elok. Jadi, ambil perhatian kepada sesiapa nanti yang akan mengambil bahagian dalam berbahas, tolong ingat bahawa ramai lagi kawan-kawan yang hendak juga berbahas. Jadi, janganlah bersifat bahawa kita saja hendak cakap.

Satu, kalau hujah itu agak kalau diganggu, terlencong daripada idea *original*, jangan bagi laluan. Tidak semestinya jika tidak beri laluan bahawa Yang Berhormat takut,

gerun dan sedemikiannya, tidak itu. Ini kerana hujah akan pincang kalau tidak ada kesinambungan yang *smooth*. Saya nampak tadi Yang Berhormat Jasin. Saya bagi sama Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin! Dalam senarai Yang Berhormat, jadi ada tiga minit, kalau boleh habiskan tiga minit. Selepas itu kita berhenti untuk makan tengah hari dan sambung sebelah tengah hari. Selepas itu usul sebelah tengah hari.

**12.57 tgh.**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri saya peluang mengambil bahagian dalam bajet tambahan ini. Pada kali ini kita membentangkan bajet tambahan sebanyak RM2.392 bilion untuk maksud, mana-mana peruntukan yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan Tahun 2013.

Jadi, sebenarnya bajet tambahan pada kali ini adalah satu bajet tambahan yang paling kecil. Kalau dulu kita minta yang pertama sekali RM15 bilion. Akan tetapi kali ini kita minta hanya RM3 bilion sahaja. Akan tetapi jumlah tersebut seperti yang disebut oleh sahabat saya daripada Gombak tadi, saya hendak perbetulkan bahawa ada peruntukan sebanyak RM2.099 bilion itu adalah sebenarnya hasil daripada kumpulan wang pembangunan. Sebenarnya bukan satu bentuk perbelanjaan yang baru. Akan tetapi adalah wang itu dipindahkan sebagai prosedur, daripada baki kutipan kita yang tidak dibelanjakan. Perkara ini sebenarnya ada diperuntukkan dalam perlembagaan supaya kita dapat luluskan dalam mesyuarat ini. Itu kita kena faham. Bukan duit itu dibelanjakan, duit itu tidak dibelanjakan, hanya dipindahkan untuk hasil kepada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan-tujuan pembangunan yang lain.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya ada masa dua minit. boleh, boleh.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih. Cuma saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Jasin. Memorandum Perbendaharaan yang dikeluarkan ini menyatakan memorandum Perbendaharaan mengenai anggaran perbelanjaan mengurus. Akan tetapi apabila diterangkan pada muka surat enam, ianya dipindahkan bagi keperluan kewangan untuk perbelanjaan pembangunan. Jadi, ini juga ada *contradiction* yang harus diperjelaskan. Oleh sebab itu keterangan saya tadi ialah tidak ada ketelusan dan keterbukaan. Memorandum tajuknya 'perbelanjaan mengurus' tetapi bila diterangkan ianya untuk perbelanjaan pembangunan. Maka, hujah saya kalau tujuan pembangunan, mengapa tidak diletakkan di bawah kementerian-kementerian yang memerlukan satu peruntukan bagi tujuan pembangunan.

Akan tetapi apa yang diletakkan di sini ialah kepada kumpulan wang terkanun yang dikuasai sepenuhnya oleh seorang pemimpin yang bernama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini soal integriti, ketelusan dan keterbukaan.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat, banyak sangat. Ini sebenarnya adalah satu prosedur memindahkan baki kutipan hasil yang tidak dibelanjakan oleh Persekutuan kepada kumpulan wang pembangunan untuk membiayai. Itu sebab kita kena faham. Ini selaras dengan peruntukan perlembagaan, Perkara 100. Jadi, kita jangan soalkan tentang RM2.099 bilion ini adalah tidak dibelanjakan tetapi adalah pemindahan sebahagian wang. Nanti Yang Berhormat Menteri jawablah, saya tidak hendak jawab benda ini. Saya bukan Menteri. Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jasin, boleh sambung selepas ini.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mepengerusikan mesyuarat]**

**2.32 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, dan salam sejahtera. Saya jemput Yang Berhormat Jasin untuk menyambung perbincangan. Sila.

**2.33 ptg.**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri saya peluang untuk sambung.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Bajet tambahan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada meneliti peraturan mesyuarat yang tidak terdapat satu peraturan yang tepat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan mesyuarat berapa?

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Akan tetapi barangkali- Peraturan Mesyuarat 93(2), terpakai. Ini adalah bagi orang-orang luar yang hadir dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ini sahaja yang saya ada dapat. Akan tetapi apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai Perkara 53, Perlembagaan Persekutuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ia berbunyi seperti ini, "*Decisions as to disqualification*", dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** "*(1)-If any question arises whether a Member of a House of Parliament has become disqualified for membership, the decision of that House shall be taken and shall be final: Provided that this Article shall not be taken to prevent the practice of the House postponing a decision in order to allow for the taking or determination of any proceedings that may affect the decision (including proceedings for the removal of the disqualification)*".

Tuan Yang di-Pertua, pada 11 Mac, saya ada disabit dan dihukum untuk membayar denda sebanyak RM4,000 di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan. Itu bermakna Tuan Yang di-Pertua, kedudukan saya dalam Dewan ini kerana denda itu adalah lebih daripada RM2,000.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** So, ada keraguan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Keraguan bahawa saya adalah masih Ahli Dewan Rakyat. Apa yang menjadi peruntukan Artikel 53 adalah satu yang jika ada keraguan bahawa seorang Ahli Dewan Rakyat ada *disqualified*, satu keputusan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya ingin kepastian. Yang Berhormat Bukit Gelugor sedang membuat rayuan?

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya sudah buat rayuan seperti mana Tuan Yang di-Pertua dan bagi Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh. Ada dua orang Ahli Parlimen dalam Dewan yang ada tempoh lama yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** So oleh itu, adakah Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat akan memberi keputusan di bawah peruntukan 53? Jika tidak kerana keputusan itu bermakna boleh jadi saya tidak layak untuk duduk dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Eloklah perkara ini oleh kerana kedua-dua Yang Berhormat yang terlibat iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga Yang Berhormat Bukit Gelugor sudah pun membuat rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi, eloklah kita menunggu keputusan mahkamah dan dalam masa yang sama, saya akan merujuk perkara ini kepada Tan Sri Speaker untuk membuat *ruling* kerana tiada arahan kepada saya setakat ini.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** So itu bermakna saya boleh duduk dalam Dewan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh. Sila.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung perbahasan saya tentang bajet tambahan. Pertama untuk mengurus keseluruhan bajet untuk tahun 2013 adalah sebanyak RM201.9 bilion iaitu lebih kurang 80.2% yang meliputi tanggungan sebanyak RM39.4 bilion, bekalan sebanyak RM162.5 bilion. Sementara untuk pembangunan, RM49.8 bilion merupakan 19.8% dan juga anggaran defisit kita sebanyak 4% daripada GDP. Tambahan pertama untuk mengurus telah pun kita luluskan sebanyak RM15.01 bilion. Maknanya tambahan sebanyak 74% yang meliputi tanggungan RM0.89 bilion...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** [Bangun]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Dan juga bekalan sebanyak RM14.1 bilion.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sahabat belakang bangun iaitu Yang Berhormat Gerik.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Jasin, apa sebenarnya makna bajet? Kedua, apa maknanya belanja mengurus belanja pembangunan? Ketiga, apakah peraturan-peraturan mengenai kedua-dua bajet tersebut? Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya fikir biar Menteri jawab. Walau bagaimanapun, bajet ini sebenarnya adalah syor daripada kerajaan kepada Parlimen untuk mendapatkan kelulusan kepada apa juga jumlah wang untuk kita belanjakan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi kewangan berikut. Itu garis panduannya.

Keduanya apabila Yang Berhormat Gerik sebut tadi tentang mengurus. Mengurus adalah jumlah perbelanjaan yang tidak boleh melampaui angka pendapatan kita dan juga pembangunan adalah satu jumlah wang yang dibelanjakan untuk tujuan supaya kita dapat menjana pendapatan. Ini kita boleh berhutang, bukan pada pengurus. Jadi seharusnya apa yang dibuat oleh kerajaan adalah satu pengurusan kewangan yang cukup *prudent* sekali. Seharusnya kita berikan kepujian dan janganlah hendaknya mana-mana pihak yang selalu menyalahkan kerajaan, membuat tuduhan, membuat fitnah yang bukan-bukan seolah-olah pengurusan kewangan kita berada pada tahap yang tidak meyakinkan. Bahkan untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, sehinggakan pihak-pihak luar, *World Bank* (IMF) dan *rating agencies* mengakui bahawa pengurusan kewangan kerajaan Malaysia pada ketika ini berada pada tahap yang cukup meyakinkan sekali. [Tepuk]

Tambahan kedua untuk peruntukan mengurus adalah sebanyak RM2.7 bilion yang merupakan 1.3% yang mana tanggungan RM0.31 bilion dan bekalan sebanyak RM2.39 bilion. Sementara tambahan pertama untuk belanja pembangunan sebanyak RM649 juta. Ini lebih kurang 8% pertambahan daripada bajet asal kita.

Seterusnya, bagus kita sebutkan perkara ini supaya semua pihak dapat faham. Kalau tidak kita menyampaikan macam-macam tuduhan dan saya berharap kepada pihak kerajaan supaya apa juga tuduhan yang dibuat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan mesti dijawab segera. Kalau ada dia keluar dalam *Facebook* dan dalam *Twitter* dijawab segera kerana kita mestilah bersikap proaktif supaya kita dapat menyangkal apa juga tuduhan ini. Janganlah hendaknya pihak-pihak ataupun orang ramai percaya dengan pembbohongan yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab terutamanya parti-parti pembangkang untuk memanipulasi perkara sebenarnya.

■1440

Seterusnya, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini iaitu tentang impak ke atas defisit fiskal kita ekoran daripada peruntukan tambahan yang dipohon dan juga yang bakal diluluskan ini. Ini kerana bajet asal tahun 2013 adalah sebanyak RM251.7 bilion. Peruntukan tambahan pertama dan juga kedua sebanyak RM3.3 bilion. Jadi semasa kita membentangkan bajet tahun 2014, saya hendak tanya apakah anggaran hasil kerajaan tahun 2013 yang disemak semula ini, yang kita anggarkan sebanyak RM220.4 bilion- ini anggaran hasil.

Jadi kalau anggaran hasil sebanyak RM220.4 bilion ini adalah mencukupi untuk menampung apa juga perbelanjaan-perbelanjaan mengurus, itu sebab saya menyebut tadi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah dua perbelanjaan yang berbeza. Ya, Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak bercakap. Bukan hendak cakap tapi sudah disuruh, saya bercakap juga. Saya bersetuju tadi. Cuma, saya hendak ulang sedikit mengenai pelbagai pihak memanipulasikan bajet seperti mana tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak, kononnya kerajaan sentiasa melakukan bajet tambahan kerana tidak berlaku- dan menunjukkan bahawa kononnya tidak berlaku kecekapan di situ.

Akan tetapi hakikatnya kalau kita lihat, sebenarnya bajet tambahan yang diminta ini atas alasan-alasan yang munasabah, malah ia dilihat sebagai perkara biasa. Tadi saya merujuk di Selangor misalnya. Di Selangor acap kali, malah bajet tambahan diminta itu kepada perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak betul, misalnya untuk membayar 20% wang, air percuma dan sebagainya, bayar hutang di PKNP dan sebagainya.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Sebab itu saya sebutkan tadi, janganlah hendaknya kita senang-senang menuduh perkara yang bukan-bukan. Bahkan realitinya Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu kelaziman. Seinggakan kita sebut tadi, semasa Ketua Pembangkang menjadi Menteri Kewangan pun, satu tahun sampai tiga kali dia buat bajet tambahan, tidak ada masalah. Bahkan negeri Selangor seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lenggong tadi, kalau saya baca pun akan berasa malulah. Jangan disebut. Dia kata konon bajet berimbang sejak tahun 2009 sehingga 2013 dan kononnya ada perancangan dan pengurusan yang cekap, profesional dan telus.

Sebenarnya apa yang terjadi, tahun 2009 dia minta bajet tambahan daripada peruntukan asal RM1.4 bilion, dia minta tambahan sebanyak RM120 juta. Tahun 2010, RM194 juta. Tahun 2011, RM200 juta. Tahun 2012, RM167 juta. Tahun 2013 sebanyak RM761 juta yang merupakan sebanyak 46.7%. Kita hanya minta dan minta diluluskan sebanyak lebih kurang lapan peratus sahaja. Jadi kita berharap kalau boleh perkara ini dapat kita fikirkan bersama dan seharusnya Kerajaan Barisan Nasional diberikan satu pujian bahawa berjaya menguruskan kewangan dengan begitu baik sekali. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada dua minit lagi.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi bermula dua minit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tiga minit dalam rekod. Sila, sila.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Saya teruskan. Ada satu peruntukan sebanyak RM20 juta kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini untuk membiayai insentif hasil tangkapan nelayan. Para nelayan juga diberikan subsidi diesel. Di sini saya ingin membuat beberapa persoalan.

Pertama, berapakah jumlah nilai IHTN ini dan subsidi diesel yang telah dibayar kepada golongan nelayan ini bagi tempoh 2011 sehingga sekarang? Kedua, berapakah nilai jumlah berkenaan mengikut nelayan persisiran pantai dan nelayan laut dalam? Ini kerana ia penting. Kita mahu kalau boleh subsidi ini sampai kepada golongan sasaran, janganlah hendaknya subsidi diesel ini hanya dapat dinikmati oleh sebenarnya 80% daripada nelayan-nelayan orang kaya dengan bot yang besar tetapi nelayan-nelayan kecil dengan tangkapan yang sedikit hanya mendapat subsidi diesel yang cukup rendah sekali. Seharusnya subsidi diesel ini ataupun apa juga bantuan yang diberikan oleh nelayan ini sampai kepada golongan sasaran.

Kedua, peruntukan tambahan untuk pembangunan sebanyak RM50 juta kepada Jabatan Kerja Raya (JKR)...

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Jasin, pencelahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Jasin sebut nelayan ini, menjadi satu minat saya untuk membuat pertanyaan kepada Yang Berhormat Jasin berkenaan bagaimana hendak mengawal diesel ini disalurkan kepada nelayan. Saya melihat nelayan ini berkeseorangan, mereka tidak dipandu arah secara total.

Apakah Yang Berhormat Jasin bersetuju dengan pandangan saya iaitu nelayan-nelayan ini boleh digalakkan supaya mereka dapat menubuhkan koperasi-koperasi sendiri dan untuk memastikan dapat bersaing dengan syarikat-syarikat besar dan kapal-kapal besar ini, sekurang-kurangnya tidak begitu jauh jaraknya di antara nelayan kecil dengan peniaga-peniaga ikan yang besar yang mengaut untung hasil daripada diesel yang diberikan oleh kerajaan. Apakah pandangan Yang Berhormat Jasin?

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Saya cukup bersetuju sangatlah. Kalau boleh perbahasan daripada Yang Berhormat Kuala Langat dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih banyak-banyak, saya anak nelayan.

Kedua ialah peruntukan untuk Kementerian Kerja Raya sebanyak RM50 bilion. Saya hanya hendakkan kepastian daripada Kementerian Kerja Raya kerana di kawasan saya telah pun diluluskan satu peruntukan pada tahun 2010 dahulu untuk projek rangsangan untuk dibuat jalan empat lorong dari Tangkak ke Jasin dan ke Ayer Keroh. Ini untuk memastikan supaya pembangunan Bandar Jasin akan dapat diwujudkan. Akan tetapi malangnya, kita hanya berkeupayaan untuk melaksanakan sebanyak dua pakej sahaja iaitu pakej satu dan pakej empat, sementara pakej dua dan ketiga masih lagi belum dapat dilaksanakan. Jadi saya mohon kerjasama daripada Kementerian Kerja Raya untuk melaksanakan peajaran ini dengan segera.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyokong kepada asasnya peruntukan sebanyak RM3.3 bilion, adalah cukup munasabah terutamanya untuk kita membantu golongan-golongan bawahan, penduduk-penduduk luar bandar, para nelayan dan juga petani serta pesara-pesara kerajaan yang perlu mendapatkan gaji mereka.

Keduanya, tambahan ini sebenarnya tidaklah membebankan kerajaan dan kita berjaya menampungnya kerana kita mempunyai lebih semasa sebanyak RM4.2 bilion dalam bajet yang sudah kita semak semula. Maka, kerajaan tidak perlu lagi berhutang sekalipun tiada peningkatan hasil daripada agensi-agensi pelaksana terutamanya seperti LHDN, Kastam, JPJ, Imigresen dan lain-lain. Dengan demikian, berapakah sebenarnya jumlah defisit fiskal kita, sama ada ia kekal pada tahap yang kita sedia ada? Apa yang diumumkan, walaupun sasaran kita 4% tetapi kerajaan berjaya mencapai sebanyak 3.9%. Dengan tambahan apa juga perbelanjaan ini, adakah apa-apa defisit fiskal kita terjejas?

Ketiganya, seperti yang kita unjurkan, GDP 2013 adalah sebanyak 4.7%. Maka hutang negara adalah sebanyak 54.8%. Ini satu peningkatan walaupun sebenarnya siling yang kita luluskan adalah sebanyak 55% sahaja daripada peratusan GDP. Maka dengan izin, kita tidak mahu perkara ini akan terjadi lebih buruk lagi.

Seterusnya yang keempat, tahap kadar hutang yang disebutkan tadi walaupun kita kata tidak membimbangkan, kerana pertama, kita tidak pernah mengalami tahap yang lebih tinggi iaitu melebihi daripada 55% kerana walau bagaimanapun, kita pernah sampai 100% dua kali iaitu pada tahun 1986 dan pada tahun 1987. Nisbah hutang negara maju sebenarnya lebih tinggi daripada kita. Contoh, Jepun sehingga 200%, Singapura sebanyak 98% dan juga UK sebanyak 158%.

#### ■1450

Yang pentingnya adalah paras hutang yang berhemah dan mampan bagi memastikan supaya fleksibiliti fiskal dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan mampan yang saya yakin pengurusan ekonomi dan juga kewangan negara kita di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan sentiasa dapat memberikan kepuasan kepada rakyat. Terakhir sekali saya minta sekali lagi kalau boleh pihak kerajaan membuat jawapan segera tentang apa juga tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh pihak pembangkang yang telah mengelirukan rakyat. Perkara ini kalau ada keperluan untuk kita ambil tindakan, kita ambil tindakan kerana banyak keburukan telah berlaku.

Pertamanya, kita telah dituduh berhutang yang tidak berhemah. Berhutang di luar kemampuan kita. Yang keduanya, penjualan aset kerajaan yang sebenarnya telah mendapat kelulusan dan untuk kebaikan semua dan ketiganya untuk *securitization*. Perkara ini supaya dapat diberikan penerangan dan pihak jabatan-jabatan dan kementerian mestilah proaktif bagi menjawab apa juga tuduhan-tuduhan yang telah dilemparkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya jemput Yang Berhormat Pokok Sena.

#### 2.50 ptg.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi laluan kepada saya untuk turut berbahas dalam anggaran perbelanjaan tambahan pertama dan kedua ini. Saya ingin membangkitkan satu perkara di samping untuk mendapat penjelasan kerajaan iaitu terhadap kes yang membabitkan rakyat Malaysia di Sweden iaitu dua pasangan suami isteri, Azizul Raheem Awalludin iaitu pegawai di Pelancongan Malaysia di Sweden. Isteri beliau Shalwati yang merupakan seorang guru yang mengambil cuti tanpa gaji kerana mengikut suami yang telah pun dijatuhkan hukuman oleh mahkamah di Sweden dengan satu jumlah yang kita rasa sangat sedih dengan kesalahan yang mana mereka terperangkap kepada satu undang-undang yang wujud di Sweden dalam keadaan mereka menunaikan tugas dan tanggungjawab sebagai ibu dan ayah kepada anak-anak untuk mendidik dan membesarkan anak-anak.

Jadi, saya nak dapatkan penjelasan kerana daripada kenyataan yang dibuat oleh pihak keluarga kepada kedua-dua ini mengatakan kedua-dua pasangan ini tidak berhasrat untuk merayu kes ini. Saya tidak tahu apakah pihak kerajaan telah pun memberikan nasihat ataupun peguam yang mewakili mereka yang mungkin dipilih oleh kerajaan ini telah memberikan satu nasihat untuk mereka tidak merayu sebab bagi saya bahawa adalah tidak wajar untuk mereka tidak merayu. Mungkin mereka merasakan bahawa takut nanti kalau buat rayuan, hukumannya lebih berat yang terpaksa dikenakan ke atas mereka.

Akan tetapi kalau saya katakan bahawa pakar undang-undang yang ada di negara kita ini memberikan nasihat yang betul, mungkin boleh mereka membuat rayuan untuk mendapatkan ataupun membebaskan mereka ataupun mengurangkan hukuman yang dikenakan ke atas mereka. Jadi, saya nak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan.

Yang keduanya, oleh kerana kedua-dua orang ini pegawai kerajaan maka saya nak minta juga supaya hukuman yang telah pun dijatuhkan oleh mahkamah di Sweden itu tidak akan mengaitkan untuk mereka hilang perjawatan mereka sebab kalau dilihat bahawa kes itu dianggap sebagai kes jenayah. Saya tidak tahu sama ada dalam peraturan ataupun *general order* di kalangan pegawai-pegawai kerajaan ini bila kes yang berlaku di luar negara sama ada terkait ataupun tidak atas kedudukan mereka sebagai penjawat awam di dalam negara kita ini.

Akan tetapi kalau itu dikatakan bahawa terkait, saya minta satu pengecualian ke atas kedua-dua pasangan ini kerana mereka terperangkap dalam perundangan di negara luar yang mereka anggap bahawa perbuatan sedikit pengajar kepada anak-anak itu tidak menjadi satu kesalahan apatah lagi dalam perundangan keluarga Islam itu sendiri.

Jadi, saya minta supaya pihak kerajaan perlu menimbang untuk kedua-dua mereka ini tidak hilang perjawatan. Selepas mereka bebas, mereka boleh balik ke Malaysia dan mereka boleh meneruskan khidmat mereka sebagai pegawai di *Tourism Malaysia* dan juga sebagai seorang guru di bawah Kementerian Pendidikan. Jadi, ini yang saya minta.

Yang ketiganya juga ialah saya nak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan ialah apakah langkah-langkah berterusan yang perlu dilakukan sama ada daripada segi hubungan diplomatik mahupun rayuan yang saya katakan tadi yang perlu diteruskan untuk memastikan supaya pembelaan terhadap kedua-dua pasangan ini akan dapat dibuat untuk nak mengurangkan sedikit tension. Saya kira bahawa hukuman yang mereka hadapi itu, yang mereka terima itu akan memberikan sedikit tekanan kepada anak-anak mereka yang mungkin anak-anak ini akan merasakan bahawa kerana kamilah ibu bapa kami terpaksa meringkuk di dalam penjara. Jadi, saya harap bahawa harus diambil tindakan yang lebih jauh lagi untuk memastikan pembelaan kepada kedua-dua ini. Terima kasih.

Isu yang kedua yang saya nak sentuh ialah apa yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat daripada Kinabatangan yang menyentuh soal pertanian iaitu beras, padi dan sebagainya yang tadi menyebut bahawa perlu diwujudkan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) kerana beliau mengkritik BERNAS yang tidak banyak membantu petani, pengilang bumiputera dan sebagainya. Saya ucap syabas kepada Yang Berhormat Kinabatangan yang hari ini baru sedar tentang kegagalan BERNAS yang telah pun saya dan rakan-rakan sebut berkali-kali dalam Dewan ini termasuk juga berkaitan dengan isu *stockpile* yang sangat dipersoalkan sama ada wujud ataupun tidak *stockpile* tersebut.

Jadi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada rakan saya walaupun tidak menyebut menyokong apa yang telah pun kami bangkitkan selama ini tetapi itulah dia hakikat yang perlu dipertimbangkan oleh pihak kerajaan untuk memastikan supaya BERNAS ini dapat memberikan tumpuan khususnya kembali kepada perkara asas untuk membantu petani dan juga pengilang-pengilang bumiputera khususnya.

Yang kedua saya nak bangkit ialah berkaitan dengan tuan punya BERNAS iaitu Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary. Saya tidak tahu apa yang sedang berlaku setelah kerajaan memberikan segala peluang kepada Tan Sri Syed Mokhtar ini. Di dalam kawasan Parlimen Pokok Sena, Tuan Yang di-Pertua ada wujud Kompleks Albukhary. Ada masjidnya dan ada universitinya iaitu Albukhary International University, universiti yang bertaraf antarabangsa dan telah pun bermula sejak daripada 2010 kalau tak silap ingatan saya. Ini dalam kawasan Parlimen Pokok Sena, tetapi akhir-akhir ini saya lihat bahawa ada masalah.

Saya pun hairan macam mana orang yang punya ada duit banyak ini dia tak boleh nak tadbir universiti sedangkan ada pihak yang lain yang hendak minta nak buka universiti, kerajaan tak bagi sebab isu dia ialah berkaitan dengan satu pengerahan yang telah pun dibuat oleh CEO Albukhary International University, Dr. Thomas Ong, maknanya CEO universiti dia ini bukan bumiputera. Tauke dia bumiputera.

Beliau telah pun membuat satu taklimat kepada pegawai dan juga pelajar, mahasiswa di situ supaya mengarahkan mereka mengosongkan universiti tersebut bermula April esok, antara April esok hingga Jun iaitu dalam tempoh dua bulan dan mereka diberikan pilihan sama ada mereka itu nak tukar ke universiti lain, IPTA ataupun IPTS, akan diuruskan.

Akan tetapi tidak diberikan satu hitam putih secara jelas di atas kertas tetapi taklimat yang telah pun dibuat oleh CEO AIU kepada pelajar-pelajar ini. Isunya ialah Tuan Yang di-Pertua, kenapa ini harus berlaku sedangkan kerajaan telah berikan lesen, permit untuk dia mengendalikan sebuah universiti dan dia telah pun minta untuk mengendalikan sebuah universiti dalam konteks untuk membiayai pelajar-pelajar.

Kita menyambut baik untuk membiayai pelajar-pelajar sepenuhnya bagi pelajar-pelajar bumiputera dalam negara kita dan juga pelajar-pelajar dari luar negara yang datang untuk belajar di situ. Akan tetapi kenapa sampai kepada peringkat dalam keadaan dia telah diberikan peluang yang berbagai-bagai, kemudahan, projek-projek kerajaan yang dapat diperolehi oleh Syed Mokhtar atas nama syarikat dia tetapi tiba-tiba pelajar-pelajar ini akan diarahkan untuk mengosongkan universiti.

#### ■1500

Jadi saya nak dapatkan penjelasan apakah pihak kerajaan khususnya pihak Kementerian Pendidikan telah maklum akan perkara ini sebab saya hendak minta penjelasan bahawa mengikut Akta 555 iaitu institusi pengajian tinggi swasta, pihak universiti apabila dia hendak kosongkan, dia perlu memaklumkan, mengemukakan permohonan



kepada Kementerian Pelajaran bagi memaklumkan tentang penutupan universiti. Dia kena maklumkan. Jika diluluskan peruntukan tersebut, ia perlu mengambil masa setahun bukannya empat bulan yang dilakukan oleh AiU ini.

Maknanya dia sudah pun taklimat sejak sebelum ini dalam tempoh dua bulan sebelum ini. Akan tetapi apabila sampai kepada Jun, bermakna bahawa empat bulan dia punya tempoh. Sedangkan dalam akta meletakkan bahawa perlu setahun. Adakah Kementerian Pelajaran telah pun dimaklumkan oleh pihak *Albukhary International University*? Saya bercakap ini kerana kepentingan.

Dia adalah dalam kawasan saya. Saya tidak mahulah, nanti di kawasan saya universiti pun tutup. Orang kaya tidak pergi universiti janganlah tutup, orang susah kadang-kadang tidak habis sekolah Agama Rakyat pun boleh kekal, boleh melahirkan ramai cendekiawan dalam negara kita. Jadi saya hairan sebab apa kerajaan salah satu lagi penyelesaian saya hendak dapat, apakah kriteria kerajaan hendak pilih, hendak lulus, hendak beri kepada mana-mana pihak yang minta lesen untuk *operate* universiti, apa kriteria dia? Adakah kerajaan tengok dia kaya, dia ada duit, lalu kita buka sedangkan kemampuan pengurusan dan sebagainya, kita tidak lihat. Sedangkan ada pihak yang membuat permohonan.

Saya minta bahawa Kolej Islam Darul Ulum di dalam kawasan Parlimen Pokok Sena juga, polis Darul Ulum yang dahulunya Allahyarham Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak juga pernah menjadi pengerusi kepada KIDU ini. Iaitu ia satu *private* universiti dia membawa kepada pengajian-pengajian Islam. Kita ada kawasan yang luas, kita ada sekolah menengah, kita ada kolej dan sekarang dibina pusat bahasa Arab yang menelan belanja hampir RM4 juta. Pusat bahasa Arab... Akan tetapi kita mohon kepada Kementerian Pengajian Tinggi pada waktu itu, Kementerian Pengajian Tinggi tolak, tidak lulus. Sedangkan kita ada semua. Kita ada kampus kita sendiri. Tidak macam Universiti di Perlis, UniMAP, merata ceruk dia punya tempat pengajiannya rumah kedai dan sebagainya. Sebelum ini, janganlah bangkit. Sebelum ini ada rumah kedai, buat di rata ceruk la ada kampus tetapi waktu mula dahulu itu, dia buat merata.

Akan tetapi waktu kita mohon itu, kita sudah ada kampus tetapi tidak diluluskan. Sedangkan Syed Mokhtar, dia pun ada. Tiba-tiba dia hendak tutup. Dia suruh pelajar-pelajar kosongkan kampus tersebut. Jadi saya hendak dapatkan penjelasan. Sedangkan kalau mereka ini bersedia ke IPTA, bermakna bahawa mereka kena tunggu sampai bulan sembilan. Sebab *intake* untuk akan datang itu bulan sembilan. Jadi kenapa ini harus berlaku? Satu.

Keduanya, ialah mereka ditamatkan pula kalau mereka contoh, kepada pelajar antarabangsa, jika pelajar antarabangsa meninggalkan kampus dengan maksud tidak mahu menyambung pengajian, mereka akan diberi RM20,000, duit poket sebagai pampasan dan tiket penerbangan pulang ke negara Malaysia secara percuma tetapi sebaliknya bagi pelajar dalam negara di Malaysia ini ikut taklimat yang dibuat oleh Dr. Thomas Ong ini iaitu CEO kepada AiU ini, jika pelajar Malaysia hanya dijanjikan dengan tiket bas, jika mereka ini daripada Semenanjung, tiket kapal terbang kalau mereka dari Sabah atau Sarawak.

Jadi kalau tiket bas, maknanya Alor Setar-Sungai Petani, kalau pelajar itu duduk Sungai Petani, balik dia bagi RM8 sahajalah. Sedangkan pelajar luar negara dapat RM20,000 duit poket tambang percuma untuk balik ke negara asal. Jadi saya cukup agak terkejut dengan persoalan ini. Jadi saya minta penjelasan dari pihak kerajaan untuk menjelaskan perkara ini kerana tekanan kepada pelajar-pelajar. Mereka kata tidak tahu esok apa akan jadi. Apakah kalau mereka pergi mereka akan diusir ataupun mereka perlu tunggu sampai penghujung Jun yang akan mengusir mereka secara sepenuhnya. Jadi kerajaan perlu melihat perkara ini seperti apa yang telah pun saya bangkitkan tadi.

Kemudian berkaitan dengan isu peningkatan kos sara hidup rakyat yang begitu berat sekarang ini. Walaupun diberikan dengan BR1M dan sebagainya, tetapi tidak dapat menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat dan apatah lagi dengan pendapatan mereka yang tidak bertambah. Saya hendak bangkitkan bahawa apa rancangan kerajaan selain daripada pengumuman yang dibuat sebelum ini iaitu pemotongan elaun keraian 10%, kalau tidak silap saya 10% yang dipotong ke atas menteri-menteri kabinet dan juga pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Saya rasa 10% itu sedikit sangat. Dia tidak memberikan apa-apa kesan kepada seorang Menteri. Kalau 10% elaun keraian dipotong, tetapi kalau 10% harga minyak naik, beri kesan yang besar kepada petani padi di Jerlun, ataupun di Padang Besar penoreh getah di Baling ataupun di Lenggong sangat-sangat berat. Sedangkan saya hari Khamis

baru ini dapat satu jawapan apabila saya tanya berapa perbelanjaan sambutan Hari Raya Aidilfitri Perdana Menteri bersama dengan anggota Jemaah Menteri yang dibuat sejak dari tahun 2009 sampai 2013.

Tahun	Jumlah Perbelanjaan (RM/juta ribu)
2009	1,715,000
2010	2,070,000
2011	1,697,000
2012	2,832,000
2013	2,880,000

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Pokok Sena, boleh gulung.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini belanja sambutan Aidilfitri. Saya tidak nampak apakah kesan baik daripada sambutan itu dengan kita berbelanja besar dengan faedah yang akan dapat kita peroleh. Sedangkan saya katakan bahawa rakyat bukan hendak makan makanan yang sedap-sedap. Apakah cara kaedah sambutan Hari Raya itu dibuat, hendak dapatkan catering, adakah pergi ambil catering yang murah, letakkan standard harga rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti standard ini, makan. Jadi ini bagi saya satu yang sangat membazir, yang adalah tidak wajar dilakukan dan saya minta supaya pihak kerajaan harus memperjelaskan perkara ini.

Yang akhir, saya hendak gulung iaitu berkaitan dengan isu getah. Ini isu orang susah, orang miskin- RM2, 2 *kupang*, RM2, 3 *kupang* sekilo. Ini sudah hendak bentang GST pula. Saya pergi kawasan orang getah baru ini di kawasan saya pergi kawasan Baling, *depa* kata tidak bentang GST, kami sudah kena GST. Saya kata mana kena lagi? Kerajaan tidak kuat kuasa, tahun 2015 baru. Saya bertekak dengan orang kampung. Kami sudah kena GST. Bila? Bagi tahu saya fakta, saya kata, saya akan bawa, saya akan lawan. *Depa* kata GST, getah sekerap turun. [*Ketawa*]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Betul-betul. Timbalan presiden cakap macam itu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Getah sekerap turun GST, jadi *depa* sudah alami. Maknanya sebelum GST, *depa* sudah kena teruk. Maknanya getah sekerap turun pada kadar harga yang cukup menyesakkan kehidupan mereka. Jadi saya hendak minta ialah macam mana perkiraan harga penetapan harga getap dibuat? Satu, yang keduanya bagi saya ialah bahawa kenapa dalam pengiraan tersebut, duit pemprosesan ataupun wang proses itu diambil daripada pengeluar, pemprosesan kilang itu bukan ditanggung oleh kilang tetapi ditanggung oleh pengeluar.

Pengeluar ini siapa dia? Pekebun dan juga penoreh. Jadi hampir dekat 80 sen dikira oleh mereka yang agak pakar dalam ini, hampir 80 sen iaitu melebihi harga di peringkat kilang akibat kos proses. Kos proses ini diambil daripada pekebun kecil dan juga penoreh getah. Jadi kalau harga getah di pasaran itu tinggi, dia akan kurang, kurang, kurang termasuk lagi dengan manipulasi-manipulasi harga yang lain. Jadi menyebabkan harga getah hanya akan tinggal sampai ke pengeluarannya RM2.30 satu kilo. Jadi saya katakan bahawa paling tidaknya *win-win situation* tanggunglah seorang setengah. Pengeluar tanggung dan juga pengilang. Ini tidak. Jadi, sebab itu saya katakan bahawa perlu dilakukan. Saya hendak dapatkan penjelasan iaitu dia ada satu *board* di bawah kerajaan itu dalam hendak menentukan harga getah.

■1510

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini akhir sudah. *Board* ini telah pun dianggotai oleh banyak pihak tetapi yang dominasi dalam *board* itu saya lihat senarai-senarai itu ialah kilang-kilang besar Lee Rubber, SymTyre. Ini institusi-institusi besar,

industri getah yang besar. Mereka yang membuat penetapan cadangan pada pihak kerajaan untuk menetapkan harga getah. Jadi, saya hendak minta di manakah peranan agensi-agensi yang berkaitan dengan getah ini banyak. Agensi berkaitan RISDA, Lembaga Getah Malaysia (LGM), kemudian MARDEC. MARDEC sudah jual kepada Syed Mokhtar, jual lagi.

MARDEC juga dekat Syed Mokhtar. Dia hendak tutup universiti. Kita dok ingat boleh bantulah anak-anak orang menoreh getah. Tidak, dia hendak tutup universiti. Kemudian, ada lagi FELCRA, FELDA yang berkaitan dengan getah tetapi penoreh tidak dapat apa-apa. Maknanya penoreh menghadapi kesengsaraan kehidupannya yang amat sangat. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan supaya memperjelaskan perkara ini dan dapat mengatasi bagi memberi keselesaan kepada kehidupan masyarakat dan rakyat dalam negara kita khususnya kepada penoreh getah.

Sebab itu kita tuntutan. Saya bersetuju dengan tuntutan yang dibuat oleh penoreh getah ini dan juga pekebun kecil. Paling tidaknya harga lantai itu mesti diletakkan sekurang-kurangnya mesti RM4. Dia mesti harga tidak boleh kurang daripada RM4 sekilogram. Kalau tidak bermakna bahawa mereka akan menghadapi kesengsaraan yang amat sangat. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong. Juga 15 minit ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hai Yang Berhormat Lenggong bagi lima minit sahaja. Bukan ada apa.

### 3.11 ptg.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Timbalan Presiden PAS yang tidak faham tentang GST ini sebab waktu dia ceramah di Lenggong dia kata, "*Tengok tuan-tuan, sekarang kita sudah kena kesan GST*". GST belum laksana lagi. Rupanya Naib Presiden pun sama Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

**Seorang Ahli:** Ketua Penerangan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oh, Ketua Penerangan. Dia kalah hari itu tidak? Lupa. Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengambil kesempatan untuk berbahas dalam sesi perbelanjaan tambahan ini. Pertama saya hendak sentuh berkaitan dengan Kementerian Luar. Saya fikir bahawa apabila berlakunya tragedi MH370 yang nampak memberi kesan besar kepada kita ialah imej negara ini. Apatah lagi ia juga berpunca daripada sebahagian daripada, bukan ramai tetapi ada di kalangan rakyat negara kita yang tidak punyai semangat patriotik ini mengambil kesempatan dengan menimbulkan, menambahkan lagi suasana yang tidak baik dan akhirnya diambil kesempatan oleh pihak luar terutamanya media luar untuk memburuk-burukkan nama negara kita.

Sebab itu saya lihat bahawa tanggungjawab besar selepas ini antara yang perlu dimainkan ialah oleh Kementerian Luar. Sebab itu saya kalau lihat dari segi perbelanjaan yang ada untuk menambahkan pegawai, saya ingat kerajaan mesti merangka sesuatu untuk memulihkan kembali imej yang begitu tercalar ini. Bukan senang kita hendak membina imej baik negara kita. Bertahun-tahun, berpuluh-puluh tahun kita letakkan negara kita pada satu tahap yang dilihat oleh ramai, banyak negara luar, pemimpin negara luar begitu baik sekali.

Akan tetapi apabila ada semangat yang tidak patriotik ini menyebabkan tanggungjawab lebih berat perlu dilakukan oleh Kementerian Luar. Sebab itu saya berharap dan tentu juga ingin mendapat penjelasan dan juga komen apakah langkah-langkah yang agaknya akan dilakukan oleh Wisma Putra dalam usaha untuk melihat semua situasi ini dan kita tidak boleh menunggu lama kerana kita perlu lakukan sekarang kerana ia sebenarnya beri kesan besar kepada negara dalam banyak aspek.

Satu lagi yang saya lihat ialah berkaitan dengan tadi Yang Berhormat Kinabatangan sebut soal kebebasan media dalam negara kita. Memang, saya amat bersetuju bahawa perlu ada kebebasan. Kebebasan bercakap, kebebasan bersuara dalam pelbagai media. Malah kerajaan mempunyai komitmen yang tinggi apabila waktu mahu melaksanakan. Dahulu kita adakan Akta Komunikasi dan Multimedia, sekarang jaminan MSC Malaysia yang sebenarnya begitu memberi kebebasan kepada rakyat. Akan tetapi,

malangnya ada sebahagian daripada rakyat negara kita menyalahgunakan kebebasan ini. Ini sebenarnya memang cukup bahaya kepada negara kita.

Saya sedar bahawa kita perlu beri kebebasan. Akan tetapi apa maknanya kebebasan kalau ia merosakkan masa depan negara kita. Sebab itu dalam Dewan yang mulia ini saya minta kerajaan untuk kaji semula, lihat kembali tentang akta ini atau kita mesti memberikan penekanan dan SKMM mesti memainkan peranan besar untuk melihat perkara ini. Tengoklah Singapura, tengoklah China sendiri pun dia tidak memberi kebebasan sepenuhnya kepada rakyat dalam soal media sosial ini. Ini sebenarnya untuk menjaga negara. Ini untuk menjaga masa depan rakyat. Sebab itu kalau kebebasan yang seluas-luasnya diberi dan rakyat menggunakannya untuk merosakkan negaranya sendiri, saya fikir ini tidak baik kepada kita.

Sebab itu saya harap supaya kerajaan mengambil tindakan segera kerana saya percaya bahawa MH370 memberi iktibar banyak kepada kita. Selain daripada soal keselamatan negara, soal-soal lain perkara ini juga sebenarnya memberi pengajaran besar kepada kita. Kita harus melihatkannya kerana yang penting ialah rakyat dan negara ini perlu diberi perhatian dan diberi penekanan. Saya percaya kerajaan mempunyai pengetahuan dan juga mempunyai perancangan untuk perkara ini. Akan tetapi saya harap kita beri perhatian serius kerana ia melibatkan masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat bahawa dari sektor pelancongan misalnya. Kebetulan tahun ini ialah Tahun Melawat Malaysia. Pelbagai usaha telah pun dilakukan oleh kerajaan untuk lakukan promosi. Bukan baru dibuat, telah dilaksanakan sejak dua, tiga tahun dahulu lagi untuk menarik pelancong datang dari pelbagai negara. Tentu juga negara yang diberikan tumpuan ialah daripada negara China. Akan tetapi bila isu ini berlaku, maka ia tentu memberi kesan walaupun tidak banyak, sedikit, ia akan beri kesan. Sebab itu saya juga ingin mendapatkan maklumat apakah strategi seterusnya. Apakah kalau kita laksanakan pelan 'A' ada gangguan? Bagaimana juga pelan lain yang hendak kita buat. Ini kerana saya difahamkan promosi-promosi pelancongan ketika ini ditangguhkan dan saya harap supaya langkah-langkah yang tersusun dapat diteruskan kerana kita tentu baru meningkatkan lagi.

Kalau sebelum ini kita lihat bahawa negara kita diiktiraf sebagai destinasi keempat terbaik di dunia yang diiktiraf oleh *CNN Travel* pada tahun 2012 sebagai antara negara yang begitu berminat dikunjungi oleh ramai pelancong luar negara untuk membeli belah misalnya. Tentu kita bukan hanya hendak mengekalkan kita pada tahap keempat tetapi kita hendak tingkatlah lagi supaya menjadi antara pilihan pertama atau kedua. Sudah tentu apa yang terjadi kepada kita ini akan menjejaskan perkara ini.

Begitu juga misalnya inap desa. Kita diiktiraf sebagai yang saya difahamkan kalau tidak silap ialah yang pertama oleh Pertubuhan Pelancongan Sedunia. Kita pernah diiktiraf sebagai negara yang menawarkan inap desa yang terbaik. Ini semua pencapaian-pencapaian yang begitu baik dicapai oleh negara, hasil daripada kedudukan negara yang begitu baik, aman dan selamat. Sebab itu saya juga mahu mendapatkan penjelasan kementerian berkaitan dengan perkara ini.

Yang lain saya juga hendak menyambung apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Kebimbangan hari ini ialah apabila kita lihat ada usaha-usaha tertentu, pihak-pihak tertentu yang seolah-olah mahu melabelkan negara kita ialah sebagai satu negara yang melatih atau pun sarang pengganas, ini juga satu keadaan yang cukup bahaya. Kerana kalau kita lihat sejarah negara-negara tertentu yang saya tidak mahu sebut dalam Dewan ini. Asalnya dilabelkan sebagai negara pengganas, kilang pengganas dan sebagainya. Akhirnya alasan itu digunakan oleh kuasa-kuasa besar untuk masuk, melakukan pelbagai tekanan, membuat sekatan ekonomi dan sebagainya. Ia akhirnya menjejaskan negara berkenaan dalam pelbagai bidang.

Malah, ada negara yang terus dijajah dengan cara tersendiri oleh kuasa-kuasa besar atas alasan awalnya meletakkan negara itu dan melabelkan negara berkenaan sebagai sarang pengganas. Ini saya bimbang berlaku kepada kita. Saya harap perkara ini juga diberikan perhatian khusus walaupun saya yakin memang dalam perancangan kerajaan tetapi saya harap ianya diberi perhatian supaya ia tidak memberi kesan besar kepada negara kita.

#### ■1520

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap soal generasi muda tentang harapan mereka. Saya mendengar bahawa kerajaan sedang merangka dasar baru

berkaitan dengan belia dalam negara ini. Saya yakin bahawa yang dirancang itu tentu mengambil kira tentang situasi dan kedudukan generasi muda pada hari ini. Tentu antara perkara yang perlu kita bincang dan beri perhatian pada hari ini ialah berkaitan dengan kehendak aspirasi orang muda. Hari ini kita tahu bahawa mereka mewakili lebih daripada 46% daripada rakyat negara ini.

Oleh sebab itu masalah biasa yang dihadapi oleh mereka perlulah diberi perhatian misalnya soal perumahan, isu pemilikan rumah. Ia penting dan saya ucapkan syabas kepada kerajaan kerana memberikan tumpuan atas perkara ini malah komitmen kerajaan untuk membina sejuta rumah yang disasarkan dalam tempoh penggal ini untuk dilaksanakan adalah satu komitmen yang cukup besar. Cuma saya mahu mendapat penjelasan daripada kerajaan bagaimana prestasinya dan untuk itu juga saya dalam Dewan ini untuk minta supaya kerajaan mengkaji program *MyHome* ini. Program *MyHome* ini kita lihat memang mendapat sokongan dan juga perhatian serta begitu diminati oleh generasi muda.

Akan tetapi ada juga permintaan daripada generasi muda misalnya di kawasan luar bandar. Kalau hari ini kita hanya berikan insentif kepada sektor swasta di mana kerajaan memberikan subsidi RM30,000 kepada individu yang membeli rumah daripada sektor swasta, apa salahnya kerajaan mengkaji supaya mana-mana rakyat yang sendiri melaksanakan projek perumahan di atas tanah sendiri, dia juga diberi insentif sebanyak RM30,000 supaya ini menggalakkan generasi muda dan rakyat sendiri membina rumah dan dengan sendirinya saya percaya ia juga boleh membantu untuk menambah dan mengurangkan isu pemilikan rumah di kalangan generasi muda.

Selain daripada itu dalam perkara ini juga saya minta supaya kerajaan mempunyai dan melakukan usaha bersungguh-sungguh. Misalnya isu hari ini ialah isu penempatan guru misalnya. Memang menjadi masalah apabila ada di kalangan guru-guru yang suaminya bekerja di Sabah dan Sarawak, isterinya di Perlis atau pun keadaan yang terbalik. Ini sebenarnya tentu menambahkan bebanan hidup mereka. Saya faham tentang kekangan-kekangan yang dihadapi oleh kerajaan dan Kementerian Pelajaran khususnya mengenai perkara ini tetapi saya harap kita mesti ada mekanisme, perhatian dan juga penyelesaian yang khusus. Ini kerana kalau kita dapat selesaikan isu ini, bayangkan Tuan Yang di-Pertua, isteri mengajar jauh di pedalaman di Sabah dan Sarawak, suami di Semenanjung tentu menambahkan bebanan keluarga dan banyak kesulitan di kalangan mereka. Akan tetapi kalau kita dapat selesaikan isu ini ianya lebih memberikan keselesaan dan tentunya akan mengurangkan kos bebanan hidup kepada mereka.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oleh sebab itu saya harap perkara-perkara ini diberikan perhatian khusus oleh Kementerian Pelajaran. Okey, Yang Berhormat Mersing.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Lenggong, sewaktu saya kecil dahulu bersekolah biasanya guru-guru yang mengajar saya semuanya di kalangan rakyat tempatan. Mereka berkelayakan. Dahulu saya ingat *Daily Training College* (DTC) kelulusan mereka. Kebanyakan mereka mengajar di tempat mereka lahir, maka wujudlah semangat untuk membantu anak-anak daripada kampung sendiri. Kalau mereka kahwin pun kahwin dengan guru yang dalam sekitar kampung atau daerah. Adakah dasar kementerian, adakah Yang Berhormat Lenggong bersetuju bahawa dasar ini perlu dikekalkan?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Saya fikir itu juga perkara yang boleh difikirkan oleh kementerian dan kerajaan khususnya berkaitan dengan penempatan guru.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gerik bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya bukan bercakap penempatan guru sahaja. Saya juga bercakap dalam jabatan-jabatan lain. Apa yang saya hendak sebut di sini ialah bebanan kos sara hidup yang begitu tinggi. Memang ini sebenarnya membebankan Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu saya harap supaya kerajaan memberi perhatian tentang perkara ini. Penempatan pada yang duduk berjauhan. Isu-isu misalnya apa salahnya kita memperbanyakkan pusat-pusat asuhan di jabatan-

jabatan kerajaan. Ini tindakan kerajaan yang boleh mengurangkan bebanan kehidupannya, di samping kita beri BR1M, Kedai Rakyat 1Malaysia tetapi kalau kerajaan mempunyai satu pendekatan khusus, program khusus untuk menyelesaikan isu ini, saya cukup yakin ia akan mengurangkan banyak bebanan dan kos sara hidup mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik. Selepas Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Lenggong sila gulung.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Yang kita kasihan dan mempertikaikan ialah penempatan guru pertama kali pada tahun ini di mana suami di Semenanjung dan isteri dihantar ke Sabah dan Sarawak. Sebenarnya saya nampak kesilapan di pihak Kementerian Pelajaran. Sepatutnya data kata sudah kahwin, mereka ini kena tunggu sampai tiga atau empat tahun, perlu difikirkan.

Soal Yang Berhormat Lenggong sebut yang lain-lain itu kita tidak boleh mempertikaikan. Ini kalau penempatan pertama kali kepada guru yang sudah berkahwin, tahu suaminya duduk di Semenanjung, isterinya hantar ke Sabah atau Sarawak. Sudah dapat anak. Nampaknya kita menzalimi guru-guru tersebut. Macam mana pandangan Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Inilah isu yang berlaku hari ini yang menjadi sebutan, perbincangan di kalangan kaki tangan awam di kalangan guru-guru. Maknanya isu yang mereka hadapi. Mereka sokong kita dalam banyak perkara tetapi isu-isu yang bersangkutan dengan diri mereka sendiri diharap kerajaan memberi perhatian untuk diselesaikan.

Saya sokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Mersing tadi. Maknanya kalau ini diberikan perhatian oleh kerajaan tentang isu penempatan atau isu-isu yang walaupun kita nampak kecil sebenarnya tetapi ia memberi kesan yang besar. Jadi perkara-perkara ini mesti ada mekanisme yang terbaik dan harap kerajaan beri perhatian. Sesungguhnya saya percaya apabila kita letakkan mereka bekerja di kawasan yang dekat, maka suasana kerja mereka jadi baik, maka dia seronok mengajar anak-anak. Kadang-kadang kita takut dia cubit anak murid bukan kerana marah kepada anak murid tetapi kerana dia sudah seminggu tidak dapat berjumpa dengan isterinya. Betul atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun tahu. Jadi bukan kerana dia marah sangat. Ya, dia buat benda lain bukan. Tidak dapat apa itu nanti Yang Berhormat Masjid Tanah cerita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini isunya. Jadi saya harap di samping kita buat program-program lain, saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, kerajaan beri perhatian sangat-sangat soal ini. Soal-soal kecil yang dihadapi oleh rakyat tentang perkara ini. Itu sahaja Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Kluang.

### 3.28 ptg.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya hendak berucap tentang isu ekonomi. Ada kemungkinan ekonomi kita akan merosot dalam tahun ini. Beberapa faktor yang penting. Satu ialah dasar kerajaan telah mengakibatkan kemerosotan *disposable income*. Beberapa dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan telah merosotkan *disposable income*. Akibatnya ialah permintaan domestik menjadi kurang dan akhirnya kalau permintaan luar negeri tidak meningkat, maka kita akan menghadapi masalah kemelesetan ekonomi secara am di Malaysia.

Saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri atau sesiapa dari pihak kerajaan memberitahu Dewan ini apa cara atau cadangan kerajaan akan menyelesaikan masalah kemungkinan kemelesetan ekonomi ini. Saya rasa kerajaan tidak menyentuh tentang isu *quantitative easing* secara mendalam. Isu *quantitative easing* saya pernah berpeluang berjumpa dengan Menteri Kewangan Indonesia, Chatib Basri sebanyak dua kali, tahun lepas dan tahun ini.

## ■1530

Dari hujah beliau, nampaknya agak jelas bahawa *quantitative easing* yang akan dikurangkan oleh *federal reserve* akan mengakibatkan kadar bunga dinaikkan secara serentak bukan sahaja di Malaysia, tetapi di *emerging market* dan juga di Amerika Syarikat. Apa respons kita kalau kadar bunga dinaikkan? Adakah kadar bunga dinaikkan secara apa jangkaan kerajaan dan kalau kadar bunga naik, apa akibatnya atau kesannya? Apa kesannya terhadap *property market*? *Will there be a property burst or a property bubble*? Adakah sektor *property* akan mengalami masalah dan apa respons ataupun persediaan yang akan diambil oleh kerajaan?

Saya rasa sudah tiba masanya kita ada seorang Menteri Kewangan *full time*, Menteri Kewangan secara sepenuh masa. Kita sejak tahun 2001 selepas Tun Daim melepaskan jawatan Menteri Kewangan, Perdana Menteri telah mengambil alih dan menjawat juga jawatan Menteri Kewangan sejak tahun 2001 kecuali satu penggal selama enam bulan, 17 September 2008 di mana Yang Amat Berhormat Pekan menjadi Menteri Kewangan bagi enam bulan dalam kerajaan Tun Abdullah.

Sekarang ini walaupun kita ada pelbagai ahli kerajaan yang mengendalikan isu ekonomi, Timbalan Perdana Menteri sekarang ini Pengerusi untuk Jawatankuasa Kos Sara Hidup. Kita ada Menteri Kewangan II, ada Menteri Dalam JPM, Senator Dato' Sri Idris Jala, ada Dato' Sri Abdul Wahid Omar, ada MITI, ada *National Economic Council*, ada Jawatankuasa Dasar Fiskal tetapi nampaknya tidak ada seorang Menteri Kewangan sepenuh masa untuk menjaga dan mewakili pandangan kerajaan dengan secara koheren dan memberikan keyakinan kepada semua untuk menghadapi masalah-masalah yang dialami atau didepani oleh kita.

Isu kedua adalah isu luar negeri. Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Barisan Nasional nampaknya tidak ingin mengambil pendirian yang jelas terhadap isu-isu yang menghadapi kita. Contohnya isu Mesir. Sejak Julai tahun lepas apabila Kerajaan Morsi ditumbangkan, Kerajaan Malaysia tidak ingin mengambil pendirian yang jelas dan beberapa hari yang lalu, 529 aktivis Muslim *Brotherhood* atau Ikhwan Muslimin dijatuhkan hukuman mati tetapi tidak ada suara dari Kerajaan Malaysia walaupun dulu di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir, Malaysia nampaknya pemimpin, *leader of the Muslim's world*, pemimpin di *third world leader*, dunia ketiga, tetapi Kementerian Luar Negeri ataupun kita tidak nampak Menteri Luar Negeri kita. Nampaknya Menteri Luar Negeri berkhemah di Kota Kinabalu dan tidak ada di Kuala Lumpur untuk bertemu dengan duta-duta di Kuala Lumpur.

Apa pendirian kita terhadap isu Ukraine, terhadap isu Mesir, tidak ada. Walaupun kita ada Menteri Luar Negeri, kita ada duta-duta, kita ada Wisma Putra, tetapi kita juga ada pelbagai duta-duta khas. Kita ada empat duta khas iaitu Duta Khas ke Amerika Syarikat, Duta Khas ke India dan Asia Selatan, Duta Khas ke Asia Timur, Jepun, Korea Selatan dan Taiwan, juga Duta Khas ke negara China. Baru-baru ini, semalam saya baca bahawa bekas Ahli Parlimen dan Naib Presiden MCA, Chew Mei Fun telah dilantik sebagai Duta Khas untuk MH370 [Ketawa]

Saya minta kerajaan memberikan penjelasan tentang pelantikan beliau. Adakah pelantikan ini untuk satu tempoh masa yang terhad ataupun ini untuk seumur hidup macam seperti Duta Khas ke India dan Asia Selatan? Nampaknya jawatan Duta Khas ke Asia Selatan ini jawatan untuk seumur hidup. So saya minta kerajaan memberikan penjelasan terhadap pelantikan Yang Berbahagia Chew Mei Fun. Kenapa kita sudah ada Duta Khas ke China, kita ada Wisma Putra, kenapa perlunya seorang lagi Duta Khas untuk kes MH370?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** [Bangun]

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Saya juga minta kerajaan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Buntar.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Kluang kepada tajuk yang telah disentuh atau telah disinggung iaitu tentang Mesir. Kita sudah bawa dalam Parlimen tetapi usul ditolak. Saya boleh menganggap Menteri akan menjawab, kita tidak campur tangan. Akan tetapi apa yang kita cuba lahirkan di sini bukan isu campur tangan. Bersetujukah Yang Berhormat Kluang bahawa isunya adalah pertama sikap Malaysia terhadap rampasan tentera itu sendiri merupakan satu prinsip yang bercanggah dengan demokrasi.

Kedua adalah dari segi sistem penghakiman. Kita telah menghapuskan ISA kerana kita menganggap ISA ini satu hukuman terhadap tidak mempunyai motif jenayah tetapi politik. Tiba-tiba ada satu negara, mereka menghukum gantung atas motif yang betul-betul politik dan tidak yang lain daripada itu. Sepatutnya kita ada *stand*. Sekurang-kurangnya memberikan signal kepada Republik Arab Mesir yang sekarang in di bawah rampasan tentera supaya kita hantar mesej. Kita ada pelajar beribu-ribu di sana, belajar di Al-Azhar. Kita ada mungkin hubungan *culture* dan juga hubungan *tourism* dan sebagainya. Ada mungkin tidak kita minta, walaupun tidak mahu campur tangan tetapi tunjuk signal bahawa kita tidak setuju dengan tindakan ini seperti contohnya kita ada *student* di Al-Azhar.

Mungkin kita minta mereka jangan hantar lagi, contohnya. *Next session* kita mula mengalih ke tempat lain yang juga menyediakan program yang sama dan mengetatkan kunjungan orang dari Mesir contohnya ke Malaysia supaya kita bagi signal kita tidak boleh terima, walaupun kita tidak hendak campur urusan dalam ini. Apa pandangan Yang Berhormat Kluang dalam hal ini?

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Saudara Parit Buntar. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Parit Buntar dan juga minta ucapan dia dimasukkan dalam ucapan saya.

Saya juga hendak ulas bahawa ini sikap kita. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Parit Buntar bahawa sikap kita. Sikap kita, adakah Malaysia ini satu negara pengikut Amerika Syarikat ataupun Malaysia ini satu *middle power*. *How do we see yourself?* Apa persepsi kita sendiri terhadap peranan Malaysia di dunia? Adakah Malaysia hanya mengikut cara ataupun pendekatan atau pendirian Amerika Syarikat ataupun sekurang-kurangnya kita ada pendirian kita. Walaupun kita tidak akan campur tangan secara menghantar tentera atau apa sahaja, tetapi pendirian itu penting.

Saya hendak ingatkan kerajaan bahawa Kerajaan Malaysia pada tahun 1957, selepas Malaysia mendapat kemerdekaan, selepas Malaysia dimasukkan ke *United Nations*, keputusan pertama atau pendirian pertama atau salah satu pendirian pertama oleh Malaysia, oleh wakil Malaysia di *United Nations* ialah Malaysia membantah *South Africa*, Afrika Selatan. Membantah apartheid di Afrika Selatan. Kita ada pendirian sejak mula. Akan tetapi nampaknya kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan tidak bersedia untuk mengambil pendekatan yang lebih *independent*, pendirian yang berbeza daripada pihak Amerika Syarikat.

#### ■1540

Saya hendak sentuh tentang isu *climate change*. *Climate change* walaupun tidak disebut dalam Dewan ini, tidak banyak disebut dalam Dewan ini atau tidak banyak disebut dalam negara kita tetapi kita telah rasa, kita terasa kesan *climate change*. Musim yang baru-baru ini kita mengalami, kita tidak ada air, kita ada isu suhu panas, perlu dikaji secara mendalam.

Saya harap kerajaan boleh adakan satu dasar *climate change*, pertukaran musim ataupun sekurang-kurangnya kerajaan memberitahu rakyat bahawa apa pendirian kerajaan terhadap isu *climate change* dan membuat persediaan. Kita tidak pernah mengkaji kesan *climate change* bagaimana *climate change* akan membawa kesan-kesan buruk terhadap mungkin pesawah, mungkin getah, mungkin pelbagai aktiviti pertanian.

Kita perlu ada dasar. Saya hendak minta kerajaan keluarkan dasar *climate change* dan juga mengkaji infrastruktur yang sedia ada. Adakah infrastruktur yang sedia ada dapat menangani isu *climate change* apabila ia kita mengalami masalah. Saya minta kerajaan kalau boleh untuk Kluang, Kluang adalah kawasan yang mengalami masalah ketidakcukupan air yang paling teruk di Johor dan juga yang paling awal mengadakan catuan air di seluruh negara.

Sebabnya kerana Empangan Sembrong adalah empangan *flood mitigation* yang dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan bukan satu empangan di bawah bekalan air. Saya minta dan saya diberitahu, dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Johor juga meminta Kerajaan Pusat supaya memindah kuasa daripada JPS kepada autoriti ataupun pihak berkuasa bekalan air. Saya sokong cadangan ini, saya minta kerajaan mengambil kira dan memberi pertimbangan. Saya juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh gulung, boleh gulung.



**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Saya juga minta Kementerian Alam Sekitar supaya mengadakan Stesen Pengawasan Kualiti Air di Kluang dan bandar-bandar di Johor. Di Johor hanya empat bandar ada mempunyai Stesen Pengawasan Kualiti Udara, Kluang dikecualikan, tidak ada stesen sedemikian. Saya minta kerajaan mengadakan Stesen Pengawasan Kualiti Udara di Kluang dan bandar-bandar yang lain.

Akhirnya, saya minta Kementerian Kerja Raya supaya mengadakan pemisah jalan atau *road divider* di Jalan Batu Pahat iaitu di kawasan Kluang dan kawasan Ayer Hitam. Ini saya telah minta kementerian untuk memberikan ulasan sejak tahun lepas tetapi belum dapat jawapan lagi. Kawasan atau Jalan Batu Pahat adalah salah satu jalan yang agak bahaya dan saya minta kerajaan memberikan perhatian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

### 3.44 ptg.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk terlibat dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan strategi kerajaan untuk melaksanakan GST yang sememangnya satu strategi yang berkesan untuk menyusun semula sistem percukaian di Malaysia untuk menjadikannya lebih komprehensif, efisien dan telus.

Dalam usaha untuk menambah baik sistem percukaian negara, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya fokus khusus diberikan kepada golongan generasi muda, terutama sekali belia dalam isu yang melibatkan percukaian secara umum. Pihak kerajaan yang amat prihatin menggariskan pelbagai pakej bantuan kepada pengguna untuk memastikan implementasi GST dilakukan secara berkesan dan tidak membeban rakyat.

Sehubungan dengan itu saya ingin memberikan cadangan supaya kerajaan memberikan pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat yang baru ditubuhkan oleh golongan belia yang baru menceburi bidang perniagaan. Dalam erti kata yang lain, cadangan saya adalah untuk meringankan beban yang dihadapi oleh golongan ini pada peringkat awal menjalankan perniagaan. Pengecualian cukai ini juga akan dapat mendorong mereka untuk terlibat dalam perniagaan.

Ini dapat dilaksanakan untuk jangka masa dua hingga tiga tahun dari masa mereka menubuhkan syarikat dan memulakan perniagaan mereka. Supaya mereka mempunyai pendapatan boleh guna yang lebih banyak dan boleh digunakan untuk membiayai kos-kos lain yang wujud pada peringkat awal. Justeru itu, jangka masa dua hingga tiga tahun akan memberikan satu jangka masa supaya mereka lebih stabil dari aspek pengurusan kewangan terutamanya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengucapkan tahniah atas langkah kerajaan yang akan menyediakan 223,000 rumah dalam Ucapan Bajet 2014 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerusi Jabatan Perumahan Negara, SPNB, PR1MA, syarikat swasta dan juga *MyHome*. Langkah ini sememangnya selaras dengan hasrat Perdana Menteri untuk menyediakan 1 juta rumah mampu milik sebelum 2018. Saya amat yakin pihak kerajaan akan dapat mencapai sasaran tersebut di mana lebih banyak rakyat Malaysia yang akan memiliki rumah dalam tempoh masa 4 tahun yang akan datang.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan dua inisiatif yang dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan, terutamanya dalam membantu golongan belia dan generasi muda dalam isu berkaitan dengan perumahan. Realiti pada hari ini ialah kebanyakan belia termasuk graduan yang baru memasuki pasaran kerja tidak mampu untuk membeli rumah kerana menghadapi kekangan mendapatkan pinjaman perumahan dan sebagainya.

Lantas kebanyakan golongan belia menyewa rumah sekurang-kurangnya lima tahun sehingga pendapatan mereka menjadi lebih stabil atau sehingga mereka layak diberikan pinjaman perumahan. Hal ini agak mendukacitakan kerana sekiranya mempunyai akses kepada pinjaman perumahan pada peringkat awal, mereka dapat membayar sejumlah wang yang digunakan untuk membayar sewa, untuk membayar balik pinjaman perumahan. Di mana dalam jangka masa panjang mereka akan memiliki rumah tersebut yang juga akan menjadi satu aset pada mereka.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menilai kriteria yang ditetapkan untuk pemberian pinjaman perumahan oleh pihak bank termasuk gaji minimum atau pembayaran 10% dan sebagainya yang sering kali menjadi kekangan kepada golongan belia untuk membeli rumah. Saya juga ingin mencadangkan supaya sejumlah rumah dapat disediakan khas kepada golongan muda. Contohnya, mungkin Rancangan Perumahan Belia 1 Malaysia atau BR1MA yang membina sejumlah rumah mampu milik yang hanya dibuka kepada golongan generasi muda sahaja.

Ini adalah penting untuk memastikan golongan belia mampu memiliki sebuah rumah pada usia yang masih muda lagi. Cadangan saya ini bolehlah dipelopori bersama dengan Majlis Perumahan Negara, *National Housing Council* yang telah ditubuhkan untuk merangka strategi dan pelan tindakan secara menyeluruh, menyelaraskan aspek perundangan dan mekanisme harga tanah serta memastikan penyediaan rumah dengan lebih cekap dan lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks memperkasakan golongan belia yang bersifat jangka panjang yang dapat dilakukan melalui penglibatan belia- *youth engagement* yang berkesan. Penglibatan belia adalah menjadi prioriti kerajaan melalui pelbagai program dan aktiviti. Penglibatan belia bermakna memperkasakan golongan belia dengan menjadikan mereka sebagai...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, boleh mencelah?

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat Kuala Selangor sebut tentang belia dengan perumahan ya [*Ketawa*] Kenapa Yang Berhormat Kuala Selangor tidak sebut tentang wanita? Terutamanya ibu tunggal ataupun wanita yang ditinggalkan, ya. Komen Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang. Tentang isu ibu tunggal itu nanti saya fikir Yang Berhormat Pengerang yang akan memasukkan dalam ucapan perbahasan beliau [*Ketawa*] Ini kerana beliau lebih arif daripada saya, Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1550

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyambung iaitu dalam konteks belia ini, saya lihat kerajaan telah banyak memperkenalkan pelbagai tabung perniagaan sama ada Agrobank, sama ada SUPERB dan sebagainya. Saya lihat juga maklumat tentang tabung-tabung ini mungkin sukar untuk difahami oleh belia di akar umbi.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya diwujudkan satu *one-stop centre* supaya seluruh atau semua tabung ini dapat diletakkan di bawah satu bumbung yang mana ianya akan menjadi satu titik mula kepada generasi muda sama ada di peringkat bandar atau luar bandar untuk mereka yang ingin baru menceburi bidang perniagaan ini dengan mendapatkan dana dengan lebih mudah dan memahami tentang aspirasi yang diutarakan oleh pihak kerajaan. Ini sangat penting kerana ada kalanya belia masih tidak pasti di mana titik mulanya, *where to start*, dengan izin, untuk mereka dan mereka kuarir dan kurang yakin jika mereka tidak mampu untuk membuat sebarang perubahan dalam erti kata yang lain, *ability to make a different*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi iaitu cadangan *one-stop centre* ataupun *One-Stop Youth Centre* ataupun OSYC untuk menggalakkan penglibatan dalam aspek penglibatan tabung-tabung belia ini di peringkat tertinggi dengan lebih berkesan supaya ianya akan menjadi satu pusat sehenti untuk membolehkan golongan belia jadikan sebagai titik rujuk ataupun *point of reference* untuk mendapatkan akses kepada pelbagai maklumat dan perkhidmatan perniagaan bagi golongan belia secara khususnya.

Satu masalah utama belia adalah berkaitan dengan pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, pengangguran dalam kalangan belia termasuk graduan menjadi satu perkara yang menjadi kebimbangan kerajaan. Selain daripada itu, terdapat juga masalah belia yang tidak mendapat pekerjaan bersesuaian dengan minat mereka mahupun kelayakan mereka. Hal ini boleh dinyatakan sebagai ketidaksepadanan kerja atau dalam bahasa lain, *job miss match*, dengan izin. Justeru itu, tambahan dengan langkah kerajaan yang disenaraikan

untuk mengatasi masalah pengangguran, cadangan saya ialah agar semua belia yang aktif mencari pekerjaan termasuk graduan-graduan yang berdaftar dengan *one-stop centre* itu akan membantu dalam penempatan kerja berdasarkan kepada kelayakan mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kuala Selangor, Parlimen saya, *alhamdulillah*, saya amat menghargai dan berterima kasih dengan rakyat Kuala Selangor yang menyokong saya dan Barisan Nasional. Tuan Yang di-Pertua, Parlimen Kuala Selangor merupakan kawasan Parlimen yang sangat luas, merangkumi masyarakat bandar, pinggir bandar serta luar bandar serta mempunyai kepadatan penduduk yang semakin meningkat saban hari dan ini diakui dengan tahap kesuburan rakyat Kuala Selangor yang semakin meningkat setiap hari. Di sini saya mohon untuk mengangkat suara dan rakyat Kuala Selangor agar dapat dibantu serta dipertimbangkan oleh kerajaan melalui kementerian-kementerian yang berkaitan.

Pertamanya saya mohon agar kerajaan dapat mencepatkan serta memaklumkan perkembangan terkini pembinaan Hospital Perubatan UiTM Puncak Alam serta adakah pihak kerajaan juga mempunyai perancangan untuk membina Hospital Kuala Selangor?

Keduaanya saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat yang pantas menyelesaikan permasalahan bas awam Bestari Jaya ke Kuala Selangor dalam tempoh kurang 100 hari. Sehubungan dengan itu, saya juga memohon kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat agar dapat menyediakan perkhidmatan bas dan teksi awam di kawasan Saujana Utama dan juga Puncak Alam kerana ramai mahasiswa dan juga golongan kelas pertengahan dan termasuk juga golongan ibu tunggal yang mendiami di kawasan tersebut mengadu kesukaran mendapatkan perkhidmatan awam. Ya, Yang Berhormat Pengerang boleh dengar ya.

Seterusnya saya mohon juga kepada pihak kerajaan agar dapat menyegerakan program pembinaan rumah mampu milik PR1MA dan juga SPNB untuk membantu pemilikan rumah dalam Parlimen Kuala Selangor. Ini kerana saya lihat banyak permintaan terutama sekali bagi anak-anak muda yang mendiami dalam Parlimen Kuala Selangor, mereka merintih memandangkan sehingga hari ini tidak ada langsung perumahan mampu milik terutama sekali yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui PKNS dalam Parlimen Kuala Selangor.

Keempat, bagi mengimbangi tahap akademik anak-anak muda di Parlimen Kuala Selangor yang tidak dapat memasuki IPTA dan ingin menggerakkan konsep pembelajaran sepanjang hayat, saya amat berharap kerajaan dapat mewujudkan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan di dalam Parlimen Kuala Selangor. Bagi golongan pendidik pula, mereka telah meminta saya bertanyakan bilakah bermulanya Kompleks Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan pembinaan sekolah baru iaitu Sekolah Menengah Saujana Utama semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkunjung ke Kuala Selangor.

Mengenai rintihan guru, mereka juga meminta agar infrastruktur sekolah-sekolah dalam Parlimen Kuala Selangor seperti Sekolah Kebangsaan Tambak Jawa, Sekolah Menengah Kebangsaan Jeram dan lain-lain sekolah luar bandar yang terdapat dalam Parlimen Kuala Selangor dapat dibaikpulihan kerana banyak sekolah atapnya bocor serta keadaan tandas yang sangat daif serta padang seakan padang sawah bila hujan turun dengan lebatnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kes-kes kemalangan maut terutama sekali yang semakin meningkat dalam Parlimen Kuala Selangor yang melibatkan ramai penunggang motosikal, disebabkan aliran trafik yang semakin meningkat saban hari.

Sehubungan dengan itu, adalah amat diharapkan kerajaan dapat mempertimbangkan agar dapat mewujudkan pembahagi jalan sepanjang Jalan Kapar-Bandar Kuala Selangor serta pelebaran jalan kepada dua lorong bermula Pekan Ijok hingga Assam Jawa serta memohon lampu jalan di Bukit Hijau, Bukit Kloh, Kampung Kuantan yang telah dipohon sejak sepuluh tahun yang lalu. Bagi penduduk Saujana Utama pula, mereka amat memerlukan lampu jalan di persimpangan masuk ke Saujana Utama.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah Selangor bermula di Bukit Melawati, Kuala Selangor yang mana di Bukit Melawati, makam ketiga-tiga Sultan Selangor yang awal dimakamkan di sana. Kuala Selangor juga mempunyai sungai yang kelip-kelipnya menjadi tarikan pelancong dan pengkaji serta taman alamnya merupakan kawasan hutan asli yang sangat memerlukan perhatian dan promosi seperti papan tanda pelancongan. Adalah amat diharapkan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, kerajaan dapat memasukkan nama

Kuala Selangor dalam kalendar serta promosi kelip-kelip serta memohon agar penaiktarafan di samping permohonan agar *homestay* dapat diwujudkan di kawasan ini terutamanya di Kampung Kuantan dan Kampung Asahan serta digazetkan dan dijadikan pusat pelancongan bertaraf dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh gulung.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusannya, hasil tinjauan mesra saya setelah saya dipilih oleh rakyat Kuala Selangor, saya mendapati tahap sosioekonomi rakyat terutamanya kawasan bandar dan luar bandar perlu dipertingkatkan dalam Parlimen Kuala Selangor. Sebagai contoh, taraf penghidupan kawasan nelayan, petani yang daif, belia dan juga orang miskin. Bagi mengurangkan masalah pengangguran, saya berharap agar kerajaan dapat menjadikan Ijok sebagai kawasan hab perindustrian dan zon perdagangan bebas.

Keduanya membantu wanita, ibu tunggal dan belia. Adalah amat diharapkan program usahawan wanita dan usahawan belia serta mewujudkan inkubator untuk golongan ini dapat diberikan perhatian khusus dari semasa ke semasa dan kerajaan dapat mempertimbangkan mewujudkan *Rural Transformation Centre* ataupun RTC dalam Parlimen Kuala Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jihad memerangi orang tengah, amatlah diharapkan agar peluasan pasar tani serta beberapa perancangan Kementerian Pertanian dalam mewujudkan pusat pengumpulan serta peredaran makanan dapat kita pertingkatkan dan saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan mewujudkan pusat simpanan bekalan makanan basah negara bagi memastikan barangan basah seperti ikan, sayuran sentiasa mencukupi terutama sekali dalam musim-musim kekurangan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pandan.

**3.58 ptg.**

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia.

Pembentangan belanjawan tambahan kali ini meneruskan rekod Yang Berhormat Pekan iaitu tidak pernah gagal untuk membentangkan belanjawan tambahan dalam setiap sidang sejak menjadi Menteri Kewangan. Perkara ini dibuat dalam keadaan ekonomi yang malap, yang mempunyai kesan yang berganda kepada rakyat terbanyak di bawah. Kegagalan yang paling ketara apabila kita berbincang soal ekonomi di Malaysia ini adalah kegagalan kerajaan yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pekan untuk mengawal kenaikan harga barang.

Oleh sebab itu kalau kita tengok dalam bulan pertama dari Januari 2014 ke Februari 2014, indeks kenaikan harga untuk barang makanan dan minuman bukan alkohol telah mencecah 3.8% Ada yang akan kata itu rendah. Akan tetapi kadar 3.8% itu perlu dilihat dalam konteks angka inflasi kita selalunya adalah di antara 2% hingga 3%, sudah mencecah hampir dua kali ganda daripada angka inflasi biasa kita.

■1600

Oleh sebab itu, Yang Berhormat Pekan tidak boleh marah kalau kenyataannya mengenai kangkung ataupun ayam harga RM1 menjadi bahan lawak rakyat terbanyak kerana tuntutan pertama, nombor satu yang paling penting yang rakyat minta daripada kerajaan yang dipimpin beliau ialah untuk mengawal harga barang yang telah pun beliau gagal setakat ini.

Oleh sebab itu saya hendak mula Tuan Yang di-Pertua, dengan merujuk kepada rancangan yang mengenakan cukai baru GST yang bakal dibentangkan dalam sidang ini kerana sudah tentu kenaikan harga barang yang berlaku setakat ini banyak kena-mengena dengan dasar-dasar yang kerajaan laksanakan terutamanya yang bakal dilaksanakan iaitu GST.

Saya rujuk kepada satu kaji selidik yang dibuat dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia* iaitu salah satu daripada badan industri yang paling besar di Malaysia. Kaji selidik itu dibuat bagi tahun 2013, ditanya kepada peniaga dan industri mengenai kesan GST kepada ekonomi. Ini

dapatannya. Seramai 85% daripada ahli ACCCIM yang terlibat mengatakan bahawa GST akan menaikkan harga barang. Oleh sebab itu saya minta supaya Menteri, cukuplah membazirkan wang rakyat, membelanjakan kepada iklan-iklan yang cuba mengatakan bahawa GST ini tidak akan menaikkan harga barang kerana tidak ada orang yang percaya bahawa GST tidak akan menaikkan harga barang.

Dapatan kedua yang cukup penting juga untuk makluman Dewan ialah 60% daripada peniaga industri yang terlibat di dalam kaji selidik itu menyatakan akibat kenaikan kos dan kenaikan harga barang itu, 60% akan menyalurkan kenaikan harga barang itu kepada pengguna.

Oleh sebab itu Dewan yang mulia, baik yang sebelah sana ataupun di sini, kita bakal membahaskan Rang Undang-undang GST dalam tempoh yang terdekat. Saya hendak tarik perhatian Ahli Dewan yang mulia kepada muka surat 172 dan 173 akta dalam bahasa Melayu, kerana ada dua perkara yang akan mempunyai kesan yang cukup besar kepada kos perniagaan yang seterusnya akan menaikkan harga barang. Pertama ialah mengenai utiliti, Perkara 4, pembekalan dalam apa-apa bentuk kuasa termasuk elektrik dan bekalan gas, air, penyejukan, penyaman udara atau pengalihan udara ialah suatu pembekalan barang dan atas sebab itu akan dikenakan GST. Air, elektrik, gas, *aircond* semua kena GST selepas ini.

Akan tetapi yang cukup penting juga terutamanya kepada pengundi-pengundi dan rakyat terutama daripada kawasan luar bandar yang mungkin Yang Berhormat Kuala Selangor contohnya yang mungkin mereka tidak sedar perkara ini ialah dalam Bab II, Jadual Pertama, seksyen 4 mengenai tanah. Dewan perlu ambil tahu bahawa tanah selepas ini, apa-apa urusan niaga yang melibatkan tanah, baik pemindahan, pajakan, penyewaan ataupun lesen, semuanya akan menarik cukai GST dan akan dikenakan cukai GST. Apabila GST dikenakan kepada tanah, sudah tentu ini akan menaikkan lagi kos terutamanya kos perumahan. Kalau di kawasan-kawasan seperti Lembah Klang, Pulau Pinang, Johor Bahru yang mana kos utama untuk perumahan adalah kos tanah, apabila dikenakan cukai GST kepada pembelian atau transaksi melibatkan tanah, sudah tentu harga kediaman akan meningkat. Ditambah pula dengan kos pembinaan yang sememangnya sudah meningkat sekarang pun akibat inflasi.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia, saya ingin ingatkan balik barisan kerajaan bahawa sasaran yang ditetapkan oleh barisan kerajaan sendiri sebenarnya tersasar. Baik tersasar dari segi kemiskinan seperti yang dilaporkan oleh kajian Profesor Fatimah Kari dari Universiti Malaya yang menyebut bahawa akibat dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pekan dengan menarik subsidi-subsidi terhadap bahan api contohnya, telah menyebabkan dari segi pendapatan relatif kaum bumiputera sekarang ini kembali ke tahun 1970 sebelum DEB dilaksanakan. Itu kita semua tahu bahawa kegagalan mengawal kenaikan harga barang itu ...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Pandan, boleh saya mencelah?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tidak, biar saya habiskan dahulu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Selepas ini boleh mencelah?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Boleh mencelah selepas ini, ya. Oleh sebab itu, soal kegagalan mengawal harga barang ini yang ada kesan kepada pendapatan telah diketahui umum. Cuma hari ini saya hendak tarik juga perhatian Dewan dan Tuan Yang di-Pertua ialah soal tersasarnya dasar ekonomi yang dibawa oleh kerajaan pimpinan Yang Berhormat Pekan dalam soal bagaimana kita membangunkan profesional Melayu Bumiputera sehingga menjadi tokoh niagawan atau *industry player* yang dihormati.

Masalah utama profesional Melayu. Di negara ini masalah yang dialami oleh profesional Melayu bukan soal tidak cukup profesional Melayu. Yang Berhormat Setiawangsa pun tahu. Soalnya ialah soal kerana profesional Melayu yang berada di dalam bidang pengurusan di syarikat-syarikat tidak mempunyai modal untuk menterjemahkan kemahiran dan kepakaran yang mereka ada itu supaya boleh ada peluang untuk turut sama dalam bidang perniagaan.

Oleh sebab itu, Pakatan Rakyat daripada awal telah memohon menyarankan dan mendesak supaya kerajaan pimpinan Yang Berhormat Pekan mempertimbangkan agar pemilikan GLC, syarikat berkaitan kerajaan itu tidak dibolot oleh kerajaan ataupun oleh tokoh-tokoh tertentu sahaja. Sebaliknya, peluang perlu diambil supaya syarikat-syarikat GLC ini yang rata-rata pimpinan pengurusan dan kepakarannya adalah Melayu Bumiputera

supaya melalui kaedah *management buyout* iaitu memberi ruang kepada kepimpinan dan pengurusan syarikat itu melalui modal, melalui pinjaman mudah alih dan sebagainya untuk mengambil alih daripada kerajaan ataupun tokoh-tokoh tertentu. Akan tetapi apabila peluang sebegini timbul, ia tidak digunakan pula oleh kerajaan.

Oleh sebab itu saya beri contoh hari ini iaitu mengenai penjualan sebuah syarikat yang sepatutnya menjadi kebanggaan profesional Melayu bumiputera iaitu CTRM. CTRM ialah sebuah syarikat berteknologi tinggi yang terlibat membekalkan komponen-komponen terutamanya sayap kepada Boeing. Antara syarikat yang terbesar dengan mempunyai buku *order* sehingga RM8 bilion.

Tahun lepas saya telah menimbulkan perkara ini di luar Dewan. Saya telah nyatakan kepada kerajaan, kalau tidak mahu untuk membuat tender terbuka supaya kerajaan mendapat nilai terbaik daripada syarikat CTRM ini, maka buka peluang tawarkan syarikat ini untuk dibeli oleh pengurusan CTRM kerana mereka telah membangunkan syarikat ini sehingga menjadi satu syarikat antara yang terbesar di rantau ini. Akan tetapi kerajaan pimpinan Yang Berhormat Pekan buat endah tidak endah, seterusnya syarikat itu dijual kepada anak syarikat milik Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari pada harga sebanyak RM298 juta. Syarikat itu tahun lepas dijual pada harga RM298 juta. Walaupun kita kritik, walaupun kita bawa isu itu tetapi tidak diambil tahu.

Menariknya Tuan Yang di-Pertua, bulan ini sebuah lagi syarikat yang lebih kecil daripada CTRM tetapi syarikat swasta seratus peratus tetapi terlibat di dalam industri yang sama. Ia juga membekalkan komponen komposit untuk aeronautik. Syarikat ini lebih kecil, syarikatnya bernama UPECA Technologies. Syarikat ini lebih kecil dan saya akan buktikan dengan angka-angka. Ia telah dibeli oleh sebuah syarikat dari UK, Senior Plc pada harga RM415 juta, hampir dua kali ganda lebih mahal daripada CTRM sedangkan semua angka kewangan menunjukkan CTRM itu dua kali ganda lebih besar daripada UPECA ini.

#### ■1610

Contoh, ambil dari segi perolehan CTRM syarikat yang diuruskan oleh profesional Melayu, RM352 juta perolehan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Bagi Syarikat UPECA bagi tempoh yang sama perolehan hanya RM139 juta. Dari segi keuntungan sebelum cukai 31 Disember 2012 RM17 juta, UPECA hanya RM8 juta. Akan tetapi oleh kerana penjualan CTRM dibuat tanpa tender terbuka dan dirundingkan di belakang akhirnya syarikat yang besar dan sangat penting ini yang sepatutnya jadi kebanggaan dijual pada harga yang murah kepada Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary sedangkan syarikat swasta lain yang jauh lebih kecil dibayar dua kali ganda daripada pelabur asing.

Jadi, saya hendak ingatkan yang begini, bukannya kalaulah 'kerajaan Pekan' yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pekan ambil peka tentang perkara ini. Bukankah kalau dijual kepada pengurusan bumiputera yang menjaga CTRM, apabila mereka bangunkan, mereka bahagikan saham sesama mereka apabila nilai itu dapat dijual kepada orang lain yang kaya adalah profesional Melayu bumiputera. Mereka mendapat modal untuk melibatkan diri pula di dalam *business* yang lain. Oleh sebab itu, lepas ini Yang Berhormat Pengerang ya. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita boleh sahaja bincang fasal keperluan ini dan sebagainya tetapi kembali persoalan asas.

Persoalannya ialah pertimbangan dan keputusan yang dibuat setakat ini oleh kerajaan pimpinan Yang Berhormat Pekan tidak menunjukkan pun dia peka kepada rakyat. Baik yang paling bawah sekali yang miskin ini akan kena GST dan harga barang mahal. Baik golongan profesional pertengahan harga rumah pun mahal, bila ada peluang untuk melibatkan diri dalam syarikat yang dia sendiri urus pun tidak dapat peluang. Oleh sebab itu kalau kita tidak ubah cara dan juga pendekatan dan meletakkan dulu kepentingan rakyat di depan berkali-kalilah dalam sidang ini kita akan terus membahaskan soal belanjawan tambahan. Akan tetapi kesannya kepada rakyat akan terus teruk sampai sekarang. Yang Berhormat Pengerang tadi hendak mencelah? Hilang sudah. Ada yang lain hendak mencelah? Tidak apa kita tunggu Yang Berhormat Pengerang [*Disampuk*] Yang Berhormat Pengerang orang Johor, orang Terengganu kata "*Pengerang*".

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih ya sahabat. Jadi soalan saya ini saya hendak tanya bila kita cakap tentang subsidi ya, yang sekarang ini keadaan yang begitu bergelora dalam ekonomi dunia. Apakah cadangan yang boleh kita buat? Contohnya apa pandangan bila subsidi juga didapati oleh orang asing, pekerja asing dan sebagainya? Terima kasih.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ambil soal pekerja asing mendapat subsidi. Soal itu bermula apabila Kerajaan Barisan Nasional mengutamakan pekerja asing untuk masuk ke Malaysia. Soal lambakan pekerja asing itu soalnya bermula daripada dasar ekonomi Barisan Nasional dahulu pun. Kalau perkara itu dikawal dan kita mempunyai dasar buruh yang mementingkan gaji, nilai dan juga kepentingan pekerja tempatan. Tidak timbul pun soal pekerja asing mendapatkan manfaat daripada subsidi. Jadi, itu satu perkara. Janganlah kerana kelemahan Barisan Nasional yang menyebabkan lambakan pekerja asing ini kemudian yang hendak dihukumnya adalah keseluruhan rakyat yang lain. Baiki masalah pekerja asing itu dan pada masa yang sama dengan wang yang ada janganlah kita bebankan rakyat yang banyak dalam keadaan yang sudah cukup pun menyusahkan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Pandan. Saya setuju tetapi sekarang ini kata orang subsidi yang diberi ini dia orang pun dapat. Jadi, saya hendak tanya pada Yang Berhormat Pandan, apa cadangan yang kita buat sekarang ini yang PATI sudah masuk, ada yang boleh masuk dengan izin, tanpa izin? Apa cadangan Yang Berhormat Pandan boleh buat kepada kerajaan supaya subsidi ini didapati kah atau tidak didapati oleh mereka? Terima kasih.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pertimbangan mengenai sama ada memberi subsidi ataupun tidak sepatutnya pertimbangan menyeluruh yang bukan hanya diwarnai oleh sentimen kita terhadap pekerja asing. Pertimbangan itu ialah sama ada ia merendahkan kuasa beli rakyat, sama ada dia mengurangkan pendapatan boleh belanja rakyat, sama ada berapa peratusan daripada isi rumah kita yang tiba-tiba jatuh menjadi miskin atau miskin tegar. Ini pertimbangan-pertimbangan yang lebih besar selain daripada pertimbangan melibatkan pekerja asing mendapat manfaat subsidi.

Oleh sebab itu pada pendapat saya, pada sekarang ini selagi kerajaan tidak menutup ruang-ruang rasuah. Selagi pembaziran itu berterusan, selagi kita tidak membaiki sistem perolehan kita, selagi kita tidak melonjakkan kemampuan dan kemahiran ekonomi rakyat kita. Kalau kita menarik balik subsidi kesannya yang paling besar ialah kepada rakyat kebanyakan. Ini telah dibuktikan oleh kajian subsidi yang dibuat oleh Profesor Fatimah Kari.

Oleh sebab itu ada beberapa khusus yang perlu dibuat dahulu sebelum kita boleh berbicara tentang sama ada hendak tarik ataupun tidak subsidi. Buat masa sekarang pendapat saya yang saya pasti sebelah sini juga bersetuju, utamakan kepentingan rakyat terbanyak sebab itu subsidi mesti dikekalkan. Potong perbelanjaan-perbelanjaan membazir dan projek lain dahulu sebelum kita tarik subsidi kepada rakyat ini. Tuan Yang di-Pertua, saya sedar masa saya habis pukul 4.16 petang. Jadi, kalau perkara-perkara ini dapat dijawab oleh pihak Menteri saya ucapkan terima kasih atas peluang ini. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Kalau semua wakil rakyat macam Yang Berhormat Pandan tidaklah sakit kepala untuk pendekkan masa. Sila Yang Berhormat Pengerang. Contohi macam teman, Yang Berhormat Pandan tadi.

**4.17 ptg.**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Bab masa ya Tuan Yang di-Pertua? Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidakkan masuk bab PERKara. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada Anggaran Perbelanjaan Mengurus *[Disampuk]* Ha! Lupa ya calon Naib Presiden, tahniah ya. *Insya-Allah* menang boleh duduk dekat depan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada anggaran perbelanjaan, saya pun tidak hendak cakap banyak tetapi saya hendak respons kepada Yang Berhormat Kuala Selangor tadi. Yang Berhormat Kuala Selangor cakap fasal belia, saya tahu dia adalah wakil rakyat yang agak muda. Akan tetapi saya yakinlah dalam kawasan Kuala Selangor ada juga pengundi yang ibu tunggal. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat Kuala Selangor jangan lupa ibu tunggal dan juga ibu yang ditinggalkan sebab mereka pengundi kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Silakan Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua saya hendak *response* apa yang disebut tentang perjuangan saya di Kuala Selangor. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua bukan hanya belia bahkan ibu-ibu tunggal dan ibu yang ditinggalkan pun saya tetap menyokong dan membantu mereka. Bahkan Persatuan Ibu Tunggal di Parlimen saya, saya penaungnya untuk membantu perjuangan ibu tunggal. Terima kasih Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Ini sebab dia muda, takut dia lupa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada Kementerian Luar Negeri dalam bekalan tambahan. Saya hendak tanyalah kepada Menteri yang bertanggungjawab, saya ucap tahniah kepada kementerian dan juga kepada Menteri yang bertungkus-lumus menjalankan tugas. Akan tetapi dalam aspek ini bila berlakunya kehilangan kapal terbang MH370. Saya agak keliru sebab yang bercakap di peringkat antarabangsa ialah Menteri Pengangkutan ataupun pemangku Menteri Pengangkutan yang juga merangkap Menteri Pertahanan. Kalau kita tengok rata-rata dunia, sepatutnya yang bercakap ialah suara negara yang mana bagi saya mungkin kalau kita tengok di Amerika Syarikat mungkin disebut sebagai *spokesman* sebagai contoh.

Bagi saya tanggapan saya kemungkinan Menteri Penerangan dan Komunikasi. Kalau kita lihat di sini ada pula negara mungkin Menteri Luar yang bercakap sebab ini adalah isu antarabangsa. Akan tetapi macam mana sekalipun saya tengok, saya ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein. Dia telah membanggakan kita di peringkat antarabangsa dengan jawapan yang begitu tepat, yang mana bagi saya inilah imej yang kita hendak, yang boleh cakap orang putih. Ini sebab mula-mula Tuan Yang di-Pertua masa benda ini tengah berlaku kelam kabut, yang mewakili isu negara ini yang bagi saya kadang-kadang menampakkan seolah-olah kita tidak mempunyai kemampuan.

#### ■1620

Akan tetapi dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri, kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara langsung dan tidak langsung dapat membantu menerangkan isu-isu tetapi saya hendak komenlah untuk media antarabangsa CNN. Saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua tapi saya hendak tegur kalau boleh kerajaan, kita kena buat tindakan. Tidak akan mereka boleh tuduh kita secara langsung dan tidak langsung seolah-olah kita ini negara yang kononnya ala-ala *terrorism* dan sebagainya dan kita tidak menjawab. Kita hendak jawab dekat TV1, TV2, TV3 buat apa.

Kita mesti jawab di peringkat antarabangsa sebab ini imej negara. Pelancong datang ke Malaysia kita hendak supaya *Malaysia Airlines System* masih mempunyai pelanggan dan sebagainya. Jadi satu tindakan yang secara tidak langsung memfitnah negara ini seolah-olah negara kita ini yang penuh dengan mereka yang begitu ganas dan sebagainya. Saya cukup kasihan kepada keluarga pilot dengan *co-pilot* itu Tuan Yang di-Pertua sebab *a person is innocent until proven guilty*, dengan izin tetapi dunia ini seolah-olah sebab hendakkan ramai orang tengok dia punya siaran buat seolah-olah tindakan keluarga ini adanya unsur-unsur yang subversif dan sebagainya.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Masjid Tanah hendak tanya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Kejap, biarlah saya habis cakap. Yang Berhormat Pandan cakap saya diam. Saya cakap semua tidak boleh diam.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Sekejap sahaja.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Sekejap, sekejap. Biar saya habis. Jadi dalam isu ini saya minta Tuan Yang di-Pertua tolonglah kepada kerajaan yang mana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini mungkin hendak jawab tapi minta kerajaan bertindak tegas terhadap media-media antarabangsa ini yang mana saya tidak tahu agenda mereka sebab secara tidak langsung menjahanamkan imej negara seolah-olah kita ini dalam kedudukan begitu subversif dengan izin.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Pengerang, lepas ini saya ya Yang Berhormat Pengerang.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Sekejaplah. Saya hendak tanya yang tadi menyentuh tentang media antarabangsa ada di kaca TV juga dan ada saya dapat mesej yang menyatakan CNN tidak tahu pun di mana Kuala Lumpur katanya di Indonesia. So, macam mana itu. Kalau fakta yang begitu penting pun boleh dimanipulasikan bagaimana pula benda-benda lain. Saya minta Yang Berhormat Pengerang untuk komen.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Pengerang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pengerang, saya cuma



minta Yang Berhormat beri komen. Setuju tidak Yang Berhormat Pengerang apabila negara-negara luar ini yang dikatakan Yang Berhormat Pengerang tadi memfitnah pemimpin-pemimpin negara kita tentang isu MH370 ini kita seharusnya mengambil satu tindakan. Sebagai contoh semalam saya- dua hari yang lepas saya ada di Bangkok baca di *Bangkok Post* satu artikel yang menulis tentang isu ini di mana antara lain dia mengatakan Menteri Pengangkutan ini kita patut menjauhkan dia daripada mikrofon. Maknanya sampai peringkat itu mereka mengkritik. Jadi setuju tidak Yang Berhormat Pengerang bahawa sepatutnya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ini mengambil tindakan saman fitnah dan sebagainya supaya hendak jaga nama baik Menteri kita. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang dengan...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Pengerang boleh? Sedikit sahaja.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Oh, Laksamana. Okey.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengerang. Bagi membantu kita melindungi nama baik kedua-dua juruterbang itu setujukah Yang Berhormat Pengerang kalau kita katakan kehilangan kapal terbang tersebut disebabkan oleh kerosakan besar berlaku kepada *power system* ataupun *system generator* di pesawat tersebut. Apabila berlaku kerosakan tersebut kapal terbang tersebut tidak boleh dikawal. Oleh kerana tidak boleh dikawal menyebabkan ia terjunam di Laut China Selatan bukan di Lautan Hindi. Apa pandangan Yang Berhormat Pengerang? Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Sepang dan juga Yang Berhormat Lumut. Saya hendak jawab pada Yang Berhormat Masjid Tanah. Betul sebab mula-mula bila kita tengok CNN sebagai contoh sebutan nama Yang Berhormat Menteri pun salah, sebagai contoh.

Keduanya saya yakin kajian yang tetap tidak dibuat dan mereka hanya kata orang begitu agresif dalam membuat laporan kerana mahukan ramai dengan izin, *viewers* melihat siaran dan sebagainya. Jadi perkara ini Tuan Yang di-Pertua saya pohon sangat Menteri yang bertanggungjawab dalam arena antarabangsa iaitu Menteri Luar Negeri bertindak membuat kenyataan dan menunjukkan kepada dunia bahawa ini adalah negara Malaysia yang tidak ada elemen subversif seperti yang tersirat dan tersurat oleh media antarabangsa. Sebab CNN ini media antarabangsa berjuta-juta orang melihat siaran mereka. Tiap-tiap kali keluar saya dapat telefon di Pengerang pun tanya betulkah tidak pilot ini, betulkah tidak *co-pilot* ini dan sebagainya. Tidak adil kepada keluarga mereka.

Jadi dalam hal ini saya minta Yang Berhormat Menteri Luar, Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia mereka mesti bertindak kerana Menteri Pengangkutan merangkap Menteri pertahanan bercakap tentang kapal terbang tetapi imej negara, maruah negara ini telah tercalar. Sejak kebelakangan ini bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah kata kemungkinan tenggelam dan sebagainya respons negatif. Yang saya sangat marah ini ialah minta maaf negara China. Dalam kapal terbang itu ramai, hendak dikatakan 80% datang daripada negara China. Apakah Perdana Menteri China bercakap, apakah Presiden China bercakap? Tidak pula. Ya, dia menghantar rombongan dan sebagainya tetapi elemen-elemen ini satu, dua atau sepuluh orang sekali pun menggambarkan seolah-olah negara ini tidak menyokong, negara tidak membantu, negara tidak peka, negara kita tidak kasihan. Bagi saya ini mesti menjadi satu tindakan. Ya, SAR iaitu *search and rescue* itu penting. Imej negara kita.

Jadi saya mintalah Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang ada pada hari ini tolonglah Menteri Luar, Menteri Komunikasi dan Multimedia tolonglah bantu negara kita supaya imej kita tidak tercalar. Jawab pada Yang Berhormat Lumut saya tidak tahu. Saya tidak pernah jadi askarkah, *navy* dan sebagainya. Hendak kata kapal terbang itu jatuh kat mana saya pun tidak tahu sebab saya ini tidak pakai bomoh. Tidak tahu betulkah tidak jatuh dan sebagainya. Tidak pakai bomoh tapi yang saya tahu kerajaan Australia, Perdana Menteri Australia berkata serpihan telah dijumpai. Kemungkinan *wallahualam* tetapi isunya ialah kemungkinan benda itu jatuh, kemungkinan benda itu pecah tetapi sebagai bekas peguam tidak ada bukti saya tidak boleh cakap. Macam mana hendak cakap tidak ada bukti. Kemungkinan kalau kita ada bomoh mungkin ada bukti, *wallahualam*. Saya rasa Australia tidak pakai bomoh. Itu sebabnya.

Jawab kepada Yang Berhormat Sepang saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sepang. Dalam perkara ini Yang Berhormat Sepang memang betul. Saya berharap

pembangking dengan kerajaan *frontbench*, *backbench* dengan pembangkang bersatu dalam isu MH370. Kita perlu bersatu bukan sahaja kerana penumpang dan keluarga penumpang tetapi bersatu kerana ini adalah negara Malaysia. Tidak suka kita di politik tetapi imej kita. Kita mesti bersatu kerana orang menuduh seolah-olah adanya perkara-perkara yang tidak elok. Jadi saya kasihan kepada keluarga pilot dan *co-pilot*. Saya tidak yakin pilot dan *co-pilot* ini boleh bersubversif. Saya tidak yakin. Orang kita tidak macam itu Tuan Yang di-Pertua. Orang Malaysia tidak macam itu tapi kemungkinan enjinkah *wallahualam* tapi isunya ialah kita mesti bersama membela *innocent until proven guilty*. Itu sebenarnya yang saya hendak cakap Tuan Yang di-Pertua dalam bab ini.

Keduanya saya hendak bercakap tentang kawasan saya. Saya tidak hendak cakap banyak sebab Tuan Yang di-Pertua suruh saya ikut kepada Yang Berhormat Pandan. Saya hendak cakap tentang Pengerang. Dalam bab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua orang-orang nelayan beritahu saya banyak janji telah diberi hendak bagi bantuan dan sebagainya tapi dalam isu ini di mana nelayan-nelayan dalam kawasan Pengerang perlu berpindah disebabkan oleh projek Rapid saya pohon sangatlah kita tidak boleh fikir belanjawan daripada kementerian hendak membina satu kawasan baru untuk nelayan-nelayan ini makan masa. Kalau setahunkah, dua tahunkah nelayan ini hendak makan apa? Mereka ini kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Jadi, saya mintalah dalam perkara ini kerajaan khasnya kementerian memberikan keutamaan dalam pembinaan semula, keutamaan dalam penetapan semula, keutamaan supaya nelayan-nelayan ini boleh mencari rezeki. Ya, kita hendak sokong projek minyak dengan gas. Berjuta-juta kita hendak banyak duit tapi tidak akanlah kita menyisihkan rakyat nelayan dan saya harap kalau kementerian kemungkinan dari segi anggaran belanjawan tidak cukup untuk tahun ini saya minta Petronas. Sudahlah menang F1 semalam boleh bayar Lewis Hamilton tidak akanlah tidak boleh bayar nelayan. Tidak akanlah boleh buat jeti untuk nelayan. Berjuta-juta ringgit. Tidak akanlah orang putih- saya tidak menghinalah. Saya dahulu Menteri Belia dan Sukan tapi kereta pusing, pusing, pusing pasal hendak jual enjin, minyak dengan gas baguslah tapi duit yang berjuta-juta itu yang mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mungkin boleh jawab apakah CSR Petronas.

Tidak akan CSR setakat bagi kebajikan sahaja? Prioriti projek Rapid mesti bagi bantuan kepada nelayan. Tentukan nelayan ada rumah, tentukan nelayan ada rezeki yang lain, beri bot yang besar dan sebagainya. Tidak akanlah bagi bantuan pembayaran semula kepada kerajaan negeri hendakkan kerajaan negeri selesai. Saya tidak setuju Tuan Yang di-Pertua dan saya juga hendak tegur syarikat Dialog. Syarikat yang sama besar lebih kurang besar dengan Petronas. Saya memang hormat kepada Petronas dan Dialog tetapi jangan menyisihkan nelayan yang tidak berdosa. Tidak akan hendak buat jeti semula hendak tunggu dua tahun. Dia hendak makan apa?

Saya pun bila hendak sebut pasal ini saya cakap banyak kali dalam Parlimen hendak bagi kerja, bagi kerja kepada orang luar. Kononnya orang tempatan tidak boleh kerja. Memanglah orang tempatan tidak boleh kerja dengan *oil and gas* tapi kita kena buat dasar untuk membantu. Kita mesti wujudkan proses bekalan, proses bantuan untuk menetapkan mereka sebagai penerima kepada keuntungan dan kebajikan. Ini yang kita kena buat. Setakat cakap semua boleh bercakap tapi berapa banyak yang boleh dilaksanakan tetapi saya tidak setujulah Tuan Yang di-Pertua kerana projek Rapid saya tidak hendak nelayan dan orang tempatan jadi mangsa.

#### ■1630

Kami di Pengerang menyokong projek kerajaan. Memang kita sokong. Akan tetapi janganlah kerana kita sokong, rakyat tidak disokong dan tidak dinilai. Saya rasa tidak patut, Tuan Yang di-Pertua. Itu sebabnya saya minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu lebih agresif dalam isu untuk membantu nelayan-nelayan dalam projek Rapid di mana projek ini akan naik dalam tahun 2016–2018 dan menentukan bahawa nelayan-nelayan dan keluarga nelayan diberikan bukan sahaja bantuan tetapi ditentukan supaya mereka boleh meneruskan kehidupan untuk mencari rezeki.

Ketiga, saya memohon kepada Tuan Yang di-Pertua isu berkenaan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya tidak mahu cakap apa. Setakat cakap kosong sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok dalam hal ini, saya minta sangat bantuan. Ini kerana kita sebagai sebuah negara yang mana kita perlu memberi perhatian kepada alam sekitar. Kita tahu dalam mana kerajaan, kita tahu sensitiviti dalam aspek pembinaan dan sebagainya tetapi bagi saya kita tidak boleh lari daripada sayang kepada alam sekitar. Kita di Malaysia ini kita untung, Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok kita

mempunyai lautan yang biru, pokok yang begitu hijau, kita ada Banjaran Titiwangsa, kita ada Gunung Kinabalu. Banyak yang kita ada. Jadi saya hendak minta kerajaan supaya lebih peka dalam aspek kehijauan.

Memberikan anggaran perbelanjaan yang begitu banyak supaya industri-industri yang berhubung dalam isu-isu industri hijau diberikan bantuan. Kemungkinan diberikan subsidi dan pembayaran cukai yang lebih kurang supaya menggalakkan kebanyakan libat dalam industri ini.

Yang Berhormat Kuala Selangor sebut tentang belia. Saya memang hormat Yang Berhormat Kuala Selangor. Cakap berkenaan rumah, bantuan, pinjaman, semua saya sokong. Akan tetapi saya duduk sebelah dia saya terfikir. Kita mahukah belia membayar cukai yang sama yang dibayar oleh orang yang biasa? Kalau belia itu dia hendak berniaga. Betullah kata Yang Berhormat Kuala Selangor. Duit dia tidak cukup. Bila dia sudah dapat rezeki hendak buat, dia hendak membayar cukai itu, saya pun yakin dia tidak cukup duit hendak membayar cukai. Itu sebab dalam perkara ini kita mesti melihat secara kondusif aspek kita. Mungkin tidak hanya kepada belia tetapi juga kepada ibu tunggal, mungkin kepada generasi muda.

Kerajaan mesti lebih peka yang mana selain daripada memberi subsidi tetapi bantuan. Bukan sahaja pinjaman, pembayaran cukai, perumahan, deposit dan banyak yang perlu dibuat supaya kita mempunyai kepekaan. Ini kerana saya takut dan saya gusar jikalau kita tidak meletakkan fokus kepada mereka ini, kita akan berhadapan dengan kata orang pengaliran di mana mereka ini lebih suka keluar negara untuk bekerja dan tidak dalam negara kita. Jadi kita kena peka. Saya berharap sangat kalau kerajaan hendak bercakap tentang dasar. Hendak membantu. Ya, kita belanja duit untuk keselamatan, kita belanja duit untuk polis, kita belanja duit untuk kesihatan, kita belanja duit untuk banyak aspek pembangunan. Akan tetapi kita tidak boleh lupa bahawa generasi muda sama ada wanita ataupun lelaki adalah sebenarnya aset yang paling penting kepada masa depan negara. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, Pengerang menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memanggil pembahas seterusnya, saya suka ingin membuat satu pengumuman yang ringkas. Ahli-ahli Yang Berhormat, bersama kita di dalam Dewan pada ketika ini ialah Mr. Alexander Feldmen. Presiden *US-ASEAN Business Council* yang membuat rangka lawatan ke Malaysia. *[Tepuk]* Jadi Mr. Alexander Feldmen *on behalf of the Dewan Rakyat, Malaysia welcome you. Thank you.*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, duduk, Yang Berhormat Kepong. Dalam *list* yang saya dapati daripada ketua-ketua *Whip* parti, senarai nama-nama. Jadi bukan semua dapat berbahas, Yang Berhormat oleh kerana kesuntukan masa. Jadi saya mohon supaya menteri yang berkenaan, selepas saya panggil Yang Berhormat Temerloh untuk berbahas supaya dapat dijawab. Mana-mana Ahli Yang Berhormat yang tidak berkesempatan untuk berhujah, nanti dalam peringkat Jawatankuasa kita beri keutamaan. Sila, Yang Berhormat Temerloh.

**4.34 ptg.**

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk berkongsi sedikit pandangan dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013.

Tuan Yang di-Pertua, pada sesi penggal yang pertama, mesyuarat kedua, sekitar pada bulan September 2013, Dewan Rakyat ini telah merakamkan permohonan kerajaan untuk menggunakan sejumlah wang sebanyak RM15.014 bilion seperti mana yang termaktub dalam Akta Perbekalan Tambahan Pertama. Penggal yang kedua ini, kita sekali lagi diminta untuk meluluskan RM2.392 bilion bagi menampung keperluan tambahan kerajaan. Ini bermakna, dalam tempoh enam bulan, kerajaan telah minta belanja tambahan sebanyak RM17.4 bilion. Dengan dua peruntukan belanja tambahan ini, saya menjangkakan defisit fiskal negara kita tidak akan berjaya dikurangkan kepada paras yang dikehendaki iaitu 3.5%. Malah mungkin dia akan melonjak pada paras 4% ataupun 4.5%.

Kita tidak dapat menolak kiranya pada tahun depan, mungkin kita akan dapat menyaksikan kedudukan hutang kerajaan akan melebihi apa yang disebut sebagai paras berhema iaitu pada kadar 55% daripada KDNK. Ini juga akan menjejaskan banyak lagi

perbelanjaan program yang lebih produktif khususnya daripada perkhidmatan sosial sekiranya hutang menjangkau ke paras 15% daripada jumlah hasil kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan perbelanjaan mengurus yang begitu tinggi dan juga hutang negara yang telah melebihi 50% daripada KDNK ini selama tiga tahun berturut-turut. Ini akan menatijahkan ekonomi negara berada pada paras yang lebih buruk daripada sekarang. Malah Tuan Yang di-Pertua, tidak mustahil jangkaan yang pernah dibuat ataupun diutarakan oleh PEMANDU pada tahun 2010 yang lalu bahawa negara selepas ini mungkin akan terjebak dalam krisis kebankrapan yang mungkin boleh berlaku.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada realiti inilah saya lihat kerajaan terlalu bersungguh-sungguh memindahkan bebanan kewangan negara kepada bahu rakyat ataupun kepada pundak rakyat melalui proses sebagai contoh pengurangan subsidi kepada tahap yang paling minimum dan seterusnya ini melemahkan rakyat dengan kos sara hidup yang begitu tinggi yang telah banyak dibahaskan oleh rakan-rakan saya sebentar tadi.

Jadi konklusinya ialah rakyat terpaksa menanggung beban hutang yang telah dibuat oleh kerajaan dan tentu sahaja ini akan bercanggah dengan konsep negara berkeadilan yang diiktiraf oleh Islam bahkan juga saya kira bercanggah dengan moto yang dikemukakan oleh kerajaan sendiri iaitu *Rakyat Diutamakan*. Ini kerana apa yang kita lihat sekarang ini rakyat tertekan dan terkesan dengan kos sara hidup, kenaikan harga barang dan juga dengan percukaian yang dikenakan ke atas mereka.

Walaupun saya tidak menafikan bahawa kerajaan dalam satu-satu keadaan sering memberi wang *one-off* kepada rakyat tetapi *one-off* yang sebahagiannya diberi melalui ketua parti di peringkat bahagian-bahagian dan akhirnya agihannya juga tidak secara menyeluruh tetapi hanya terpilih kepada pihak-pihak tertentu. Maka yang dapat akan tersenyum lebar dan yang tidak dapat nanti akan merungut tidak berkesudahan. Sebenarnya ini tidak dapat mengangkat ataupun menyelesaikan masalah sebenar rakyat dalam negara kita. Dia tidak boleh membangun jiwa mandiri ataupun jiwa berdikari rakyat dalam negara kita. Jadi inilah yang saya perlu berikan pandangan kepada kerajaan supaya mengambil satu langkah yang bukan hanya menjadikan rakyat sentiasa dibelai dalam demikian keadaannya tetapi mestilah dibangunkan supaya mereka mampu untuk berdikari dan hidup dengan berdiri di atas kaki mereka sendiri.

Sabda Rasulullah SAW... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Ini satu penekanan Rasulullah SAW kepada kita. Berilah makan kepada orang yang lapar dan bebaskan mereka daripada penderitaan. Bukan sekadar kita beri mereka makan sewaktu mereka lapar tetapi pelan dan rancang bagaimana untuk bebaskan mereka daripada penderitaan supaya mereka boleh menghadapi hari-hari muka mereka dengan baik dan lagi dikepong dengan kekangan ekonomi yang dihadapi semasa.

#### ■1640

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah menyorot sejarah yang pendek tahun 2000 sehingga tahun 2012, kerajaan memperoleh hasil pada tahun 2000 iaitu RM61.8 bilion kepada 2012 iaitu RM207.9 bilion. Trend ini yang saya dapati sejak daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan mengambil alih pentadbiran bermula tahun 2010, yang mana fokus yang diberikan ialah lebih kepada perbelanjaan mengurus. Tahun 2010, perbelanjaan mengurus RM151.6 bilion, tahun 2012 RM205.5 bilion berbanding dengan perbelanjaan membangun. Perbelanjaan membangun 2010 hanya RM51.2 bilion dan tahun 2012 RM44.3 bilion yang ternyata telah memberi impak yang tinggi kepada ekonomi.

Jadi dalam hal ini, saya sangat berharap selain daripada tindakan kerajaan untuk mengurangkan subsidi sebagaimana yang telah dilakukan secara berperingkat sekarang ini, kerajaan sendiri juga mestilah harus berjimat cermat dalam perolehan bekalan dan juga perkhidmatan yang mana saya lihat 11 langkah penjimatan yang dilakukan oleh kerajaan, yang telah diumumkan oleh kerajaan masih belum cukup untuk mendisiplinkan perbelanjaan mengikut keperluan dan keutamaan bagi mengelak sebarang pemborosan, pembaziran dalam negara kita.

Begitu juga saya sangat mengharapkan agar Jabatan Perdana Menteri khususnya, memikirkan bagaimana satu mekanisme yang terbaik untuk mengecilkan struktur pentadbiran termasuklah untuk mengoptimumkan penggabungan sekiranya perlu. Sebagai contoh saya ambil ialah cadangan untuk menyerapkan Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri yang saya kira juga bakal mengakibatkan peningkatan dalam kos perbelanjaan mengurus dan juga membangun. Walhal dalam masa yang sama, Perdana

Menteri kita sudah mempunyai ramai penasihat di kalangan tokoh-tokoh akademik, pakar-pakar akademik dan seumpamanya. Jadi untuk apa lagi MPN ini dibawa ke JPM yang akan meningkatkan kos mengurus dan juga mentadbir.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah kalau dilihat daripada perbelanjaan membangun sejak dari tahun 2010, kerajaan telah mengecilkan peruntukan untuk perkhidmatan sosial. Tahun 2010- RM20.7 bilion, tahun 2011 jadi RM12.3 bilion yang merangkumi pendidikan, kesihatan, perumahan dan seumpamanya. Jadi, trend ini bercanggah dengan polisi Menteri Kewangan sebelum ini walaupun pada masa yang sama kerajaan banyak mengharapkan sektor swasta untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara. Jadi ini jelas menunjukkan kerajaan tidak memberi tumpuan yang serius dan tinggi kepada peningkatan mutu pembangunan sosial dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat dalam negara kita sebenarnya berhak untuk mengecap kehidupan yang baik, kehidupan yang senang dan kehidupan yang selesa. Dalam prinsip ekonomi, Islam sememangnya memerintah supaya manusia gigih berusaha dan menganggap bahawa usaha mencari rezeki dan juga nafkah itu adalah merupakan satu ibadah dan juga jihad. Cuma dalam satu sisi yang lain, bukan hanya kepada individu masyarakat rakyat tetapi kerajaan juga. Kerajaan juga mestilah mengambil satu langkah menunaikan tanggungjawab ini dengan penuh amanah dengan menyediakan satu iklim persekitaran politik dan juga ekonomi, malah sosial yang sihat dan dimanfaatkan oleh semua rakyat. Ini selaras dengan apa yang diajar oleh Allah SWT kepada kita.

Antara yang disebut dalam Surah Hud sebagai contoh... *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Dialah Allah, Tuhan yang telah mencipta kamu daripada tanah, kemudian menjadikan kamu sebagai orang yang bertanggungjawab untuk mengimarahkan bumi itu".* Jadi kesimpulannya menegaskan bahawa pertumbuhan ekonomi yang baik dalam negara kita, ini juga adalah merupakan salah satu daripada objektif Islam itu sendiri supaya kita bangun dan kita bina dengan baik. Namun, ia bukanlah merupakan matlamat yang terakhir. Apa yang penting di situ ialah satu lagi iaitu sistem ekonomi yang seimbang, ini yang kita mahukan.

Kita wujudkan satu sistem ekonomi yang seimbang, yang bukan hanya membina kemajuan kita di dunia semata-mata tetapi lihatlah juga unsur-unsur dosa pahalanya, syurga nerakanya, semoga kita bahagia di akhirat kelak. Di dalam mengurus ekonomi inilah, saya memberikan teguran ini supaya langkah yang paling penting sekali ialah elakkan pembaziran dan lakukanlah penjimatan supaya kita tidak terus menerus menambah bajet ataupun menggunakan wang yang begitu banyak dalam perkara-perkara yang saya kira tidak memberi kepentingan kepada umum masyarakat. Mungkin hanya diperolehi oleh sebahagian daripada pihak tertentu.

Jadi saya akhiri perbahasan saya di peringkat dasar ini Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi dengan mengajak semua rakan-rakan Ahli Parlimen untuk merenungi satu daripada firman Allah SWT daripada Surah Thoha di mana Allah SWT berfirman... *[Membaca sepotong ayat al-Quran] Maksudnya, "Maka jika datang kepada kamu petunjuk daripada-Ku, barang siapa yang mengikuti petunjuk ini maka dia tidak akan sesat dan tidak akan celaka dan sesiapa yang berpaling daripada peringatan-Ku maka sesungguhnya kehidupannya di dunia dan di akhirat akan terus dicengkam dengan kesempitan dan penderitaan".*

Jadi mudah-mudahan sewaktu kita diberi amanah oleh rakyat untuk menjaga negara ini dari segi sosialnya, politiknya, ekonominya, pastikan ia tidak akan menjadi beban kepada rakyat dalam negara kita yang mana saya kira mutakhir ini perkara yang paling besar diberikan fokus oleh rakyat dalam negara kita ialah soal bagaimana mereka hendak hadapi hari-hari muka mereka dengan tekanan-tekanan ekonomi yang begitu dahsyat, dengan kos sara hidup mereka, dengan hutang isi rumah dan juga bagaimana mereka hendak berdepan dengan harga barang yang begitu tinggi terutama harga-harga keperluan, minyak, gula, gas dan seumpamanya. Jadi, perlulah kerajaan fikir sama.

Saya tidak menafikan, mungkin aspek yang tertentu kerajaan memikirkan untuk perolehan dan juga pendapatan negara. Akan tetapi kalau sekiranya penjimatan itu dapat dilaksanakan dengan baik dan bertanggungjawab, telus, saya percaya dan saya yakin kita dapat mengatasi perkara ini dan rakyat tidak perlu dibebankan. Sebagai contoh, ramai rakan-rakan timbul soal subsidi. Apabila timbul soal subsidi, kerajaan perlu beri subsidi kepada rakyat dan kerajaan sekarang ini secara berperingkat telah memaklumkan akan tarik balik ataupun mengurangkan kadar subsidi. Saya rasa ada satu perkara yang perlu diberikan perhatian sebagai pandangan semula terhadap langkah kita, pemahaman kita terhadap subsidi ini.

Negara kita negara yang dikurniakan Allah pelbagai sumber dengan bahan mentah, kekayaan dan seumpamanya, minyak, getah, sawit dan seumpamanya. Maka kekayaan yang Allah berikan itu bukan untuk kerajaan, tetapi untuk seluruh penghuni negara ini. Kerajaan yang memerintah, mentadbir hanyalah menyelia kekayaan itu ataupun mengurus kekayaan itu. Maka ia tidak boleh sewenang-wenangnya untuk sekat. Beri subsidi kepada rakyat itu bukan bermakna menjadikan rakyat menagih ataupun rakyat dibelai, tidak. Itu hak mereka yang sememangnya perlu diberi. Itu memang menjadi hak mereka. Jadi apabila kita hendak sekat, seolah-olah macam kita menafikan hak mereka untuk mendapat hasil kekayaan negara yang telah dikurniakan oleh Allah SWT.

Jadi urus dan tadbirlah, selialah dengan baik, mudah-mudahan kita dapat keberkatan daripada Allah di dunia ini dan juga di akhirat kita tidak dipertanggungjawabkan sehingga menderita dengan azab yang telah dijanjikan oleh Allah di atas segala salah guna dan juga penyelewengan yang dilakukan. *Wallahualam*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

■1650

4.50 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua (2013) 2014 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2013 di Dewan yang mulia ini.

Kita sangat menghargai segala cadangan, pandangan dan teguran. Terdapat pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan telah dibangkitkan. Saya akan menjawab, memberi penjelasan terhadap persoalan yang telah dibangkitkan menyentuh perbekalan tambahan yang dibentangkan bagi su-isu khusus sebab sebahagiannya saya akan jawab dan sebahagiannya bolehlah dijawab oleh rakan-rakan yang lain semasa perbincangan di peringkat jawatankuasa kelak.

Antara Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini ialah Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Kinabatangan, ketiga Yang Berhormat Gombak, keempat Yang Berhormat Jasin, kelima Yang Berhormat Pokok Sena, keenam Yang Berhormat Lenggong, ketujuh Yang Berhormat Kluang, kelapan Yang Berhormat Kuala Selangor, kesembilan Yang Berhormat Pandan, kesepuluh Yang Berhormat Pengerang dan kesebelas Yang Berhormat Temerloh.

Mengenai rasionalisasi subsidi, pada tahun 2013 jumlah subsidi yang kita belanjakan untuk menurunkan RON95 dan juga menurunkan diesel ialah RM24.8 bilion ataupun RM2 bilion sebulan. Dulu subsidi ini ialah RM2 bilion setahun tetapi apabila kenaikan harga minyak, maka pada tahun ini kita membelanjakan RM22.43 bilion untuk tahun ini. Juga lebih kurang RM2 bilion sebulan.

Harga RON-95 ini kurang 73 sen daripada harga pasaran. Jika kita bayar RM2.10 untuk satu liter RON95, 73 sen adalah tambahan iaitu bayaran yang dibuat oleh kerajaan melalui subsidi. Untuk diesel, 83 sen seliter. Setiap kali kita membayar RM2 untuk satu liter diesel, kerajaan membayar kepada syarikat-syarikat minyak 83 sen untuk setiap satu liter. Dengan lain perkataan, RON95 adalah 73 sen lebih murah daripada harga sebenar pasaran kerana subsidi dan diesel 83 sen lebih murah daripada harga pasaran kerana subsidi.

Nilai 73 sen dan 83 sen ini dicampurkan setahun pada tahun lepas RM24.8 bilion, pada tahun ini RM22.43 bilion atau RM2 bilion sebulan. Tanggungan RM2 bilion seringgit sebulan ini amat besar untuk kerajaan. Ia juga tidak adil Yang Berhormat Temerloh. Mengapa saya kata tidak adil? Jika kita kira sebelum ini 65 sen RON95 seliter, sekarang ini sudah 73 sen. Ketika 65 sen, sebuah kereta kancil yang bergerak 50 kilometer sehari, setahun mendapat jumlah subsidi RON95 ialah RM900 sebuah kereta kancil. Namun, sebuah kereta Mercedes yang bergerak 50 kilometer sehari mendapat RM2,400 subsidi daripada subsidi RON95. Dengan lain perkataan, subsidi diesel dan RON95 ini tersasar.

Ini adalah sebabnya kita kurangkan 20 sen daripada subsidi itu, kesannya naik minyak 20 sen, tetapi daripada 20 penjimatan itu pada tahun sudah kita dapat RM1.1 bilion,

pada tahun ini kita dapat RM3.3 bilion, RM4.4 bilion. RM4.4 bilion itu tambah lagi RM100 juta, kita bagi dalam bentuk BR1M. Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya faham Menteri menyebut tentang jumlah subsidi yang meningkat. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri tidak menyebut tentang jumlah pendapatan negara yang meningkat apabila harga minyak mentah itu naik. Dulu semasa Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa jumlah subsidi ini hanya RM2 bilion ke RM3 bilion, pendapatan Kerajaan Persekutuan daripada hasil minyak dan Petronas tidak sampai RM5 bilion setahun.

Sekarang pada ketika Yang Berhormat Menteri hanya menyebut jumlah subsidi RM20 bilion setahun, jumlah pendapatan daripada industri minyak baik Petronas, baik syarikat minyak yang lain, baik cukai, baik dividen mencecah RM80 bilion setahun. Jadi perkara ini perlu dilihat secara menyeluruh, bukan hanya menyebut tentang kos subsidi tetapi apa yang jadi kepada puluh-puluh bilion daripada hasil minyak negara tiap-tiap tahun.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Segala subsidi itu sebagaimana yang kita sedia maklum dimasukkan dalam wang- segala pendapatan daripada minyak itu dimasukkan dalam wang yang disatukan. Daripada wang yang disatukan itu, kita buat bajet tahunan. Kita tidak mengira satu persatu sama ada pendapatan itu khusus daripada cukai pendapatan ataupun daripada hasil minyak atau daripada cukai tidak langsung yang lain. Kita satukan segala-galanya itu, kita jadikan bajet tahunan yang dibentangkan oleh kerajaan pada setiap tahun yang dibentangkan pada 25 Oktober 2013 untuk bajet tahun ini.

Jadi segala pendapatan itu, RM30 bilion merupakan dividen daripada Petronas itu dimasukkan dalam wang yang disatukan dan kita bajet dan segala apa yang kita belanjakan itu boleh diketahui oleh semua.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi sebab itu saya harap Yang Berhormat Menteri faham, oleh kerana rakyat tahu sumber minyak itu disatukan semua menjadi wang negara. Oleh sebab itu apabila dilihat kepada Arab Saudi, kepada negara lain, dilihat negara yang hasil minyaknya itu lumayan ada kesannya kepada harga minyak.

Perkara yang sama ditanya oleh rakyat negara ini tetapi kenapa Malaysia ini pula apabila hasil minyak negara kita lumayan, seolah-olah dosa kepada rakyat bila tanya fasal subsidi kena marah. Bukankah sebaiknya kalau kita tahu jumlah hasil daripada hasil minyak kita itu sudah RM80 bilion, disatukan dalam Perbendaharaan Negara, kawallah perbelanjaan-perbelanjaan lain. Oleh sebab itu kita suruh potong pampasan tol, kita suruh potong semua perbelanjaan-perbelanjaan yang dilaporkan di dalam laporan Ketua Audit Negara, kenapa? Apabila berbicara tentang menjimatkan perbelanjaan negara yang disasarkan terlebih dahulu adalah subsidi minyak rakyat, sedangkan itu adalah kesan yang besar kepada rakyat di bawah.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, daripada RM100 belanja minyak dalam negara ini, RM70 dibelanjakan oleh mereka yang berpendapatan tinggi dan sederhana tinggi, hanya RM30 dibelanjakan oleh mereka yang berpendapatan sederhana rendah dan rendah. Dengan lain perkataan, subsidi minyak ini menguntungkan lebih kepada mereka yang berpendapatan tinggi dan sederhana tinggi dan tidak menguntungkan sangat kepada mereka yang berpendapatan sederhana rendah dan rendah.

Subsidi patutnya diberi kepada mereka yang susah, bukan bagi subsidi kepada mereka yang senang. Sebuah kereta kancil dapat RM900 setahun, sedangkan sebuah kereta Mercedes mendapat RM2,400 setahun. Perkara itu tidak adil. Sepatutnya kereta kancil itu yang dapat RM2,400 dan kereta Mercedes itu dapat RM900. Ini yang kerajaan hendak betulkan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Last sekali, fasal minyak Yang Berhormat Menteri boleh ya. Jadi oleh itu Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan- ini cadangan, saya cadangkan ada dua cara untuk kita mengimbangi pemberian subsidi Yang Berhormat Menteri kata tidak adil itu. Pertama, sama ada kekalkan subsidi kepada semua tetapi bezakan daripada segi cukai yang dikenakan kepada rakyat.

Berapa kali sudah kita mencadangkan supaya orang yang kaya, pendapatan beratus-ratus ribu setahun itu, perlulah dicukaikan pada kadar yang lebih tinggi berbanding dengan guru ataupun pekerja eksekutif biasa. Jadi itu satu caranya subsidi sama, tetapi cukai itu mengikut- Kenapa kita perlu bayar cukai pada kadar yang sama dengan Vincent Tan? Contohnya, itu yang pertama ataupun cara yang kedua yang sepatutnya kerajaan

sudah mempertimbangkan lama, gunakan sistem di petrol pam supaya setiap keluarga ataupun setiap seorang pemandu itu mempunyai kuota minyak bersubsidi sebulan. Sebanyak 30 liter atau 50 liter, sesiapa yang menggunakan selepas itu kalau sistem pam itu telah diprogramkan dengan baik, secara automatik dia terpaksa membayar pada harga yang tidak ada subsidi.

Dengan cara ini barulah orang boleh mengawal, dia hendak pakai sikit, *you* pakai sikit dalam harga subsidi. *You* pakai Mercedes besar macam Yang Berhormat Menteri daripada Yang Berhormat Pasir Salak, *you* bayarlah harga yang lain pada harga yang biasa. Bukankah itu lebih baik daripada kita memotong yang memukul rata semua?

Oleh sebabnya Yang Berhormat Menteri, orang kaya tidak terasa apabila dinaikkan 20 sen, 10 sen. Pihak yang terasa ialah orang miskin di pedalaman di Sabah, di Sarawak, di Terengganu. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan dua perkara yang saya bawak itu supaya perbincangan mengenai subsidi ini tidak berkisar tentang bebanan kerajaan sahaja. Kalau tidak adil, cari jalan supaya lebih adil.

■1700

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, Lumut. Saya lihat Yang Berhormat Menteri macam mengelirukan kita. Sebenarnya yang mendapat manfaat, rakyat. Orang kaya sedikit, orang miskin ini lebih ramai. Kalau Mercedes tiga orang dapat manfaat, yang miskin ini, Kancil ini dapat dalam 200 biji. Jadi, maknanya subsidi itu diperoleh oleh orang yang berpendapatan rendah. Tidak sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, orang kaya dapat lebih. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan dan Yang Berhormat Lumut. Saya ingin mengulang, bahawa daripada RM100 perbelanjaan minyak, RM30 sahaja dibelanjakan oleh mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah, RM70 dibelanjakan oleh mereka yang berpendapatan tinggi dan sederhana tinggi.

Jadi, dengan lain-lain perkataan, subsidi yang berjumlah RM22.43 bilion itu dengan lain-lain perkataan, 70% daripadanya mendapat faedah kepada golongan yang berpendapatan tinggi dan sederhana tinggi. Itu maksud saya. Cadangan daripada Yang Berhormat Pandan itu tadi, sebenarnya ada banyak lagi cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain termasuk daripada kerajaan. Kita sedang teliti tentang pemberian kaedah subsidi yang lebih cekap dan lebih adil kepada semua rakyat. Mengenai cukai, di Malaysia ini mereka yang berpendapatan RM4,000 dan ke bawah dan mempunyai keluarga, tidak perlu membayar cukai. Oleh itu, jumlah mereka yang membayar cukai di Malaysia ini cuma 1.5 juta lebih kurang daripada 14 juta yang bekerja.

Jadi, mereka yang membayar cukai itu terlalu rendah. Kita juga memberikan pelepasan-pelepasan cukai yang tinggi. Misalnya, untuk pendapatan tahun 2013, dipotong RM2,000 jika pendapatannya tidak melebihi RM8,000 sebulan. Hasil daripada potongan RM2,000 itu mereka yang akan membayar cukai ini dipotong lebih kurang RM480, mereka tidak perlu membayar cukai. Dengan lain-lain perkataan, sehingga RM8,000 pun mereka mendapat bantuan daripada kerajaan. Saya ingin meneruskan banyak isu-isu yang ditimbulkan, ada tebal di sini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Sepang, bukan saya tidak mahu.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja, sedikit.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, sedikit. Yang ini kurang-kurang sejam lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apa, tidak apa. Saja hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri setuju tidak dengan saya? Apabila kita sebelum adanya GST ini, dari segi pembayaran cukai ini kita boleh katakan tidak semua rakyat yang kena bayar. Jadi, apabila kita memperkenalkan GST ini, secara prinsipnya semua orang yang dahulu tidak bayar cukai, terpaksa bayar cukai.



Kita bagi contohlah. Seorang anak Menteri yang pergi membeli belah dengan seorang rakyat membeli belah, tidak sama. Akan tetapi dahulu rakyat biasa kalau beli-belah, tidak perlu hendak bayar cukai. Akan tetapi seorang anak Menteri, anak orang kaya-kaya ini, mereka beli satu barang, mereka bayar cukai juga. Jadi, itu menunjukkan bahawa di sini GST ini sedikit sebanyak, dia *extend* pembayar cukai ini termasuk kepada orang-orang yang tidak mampu. Kalau dahulu mereka berhak untuk dikecualikan daripada pembayar cukai, dengan GST mereka tidak dapat elak. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Mereka yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah, 68% daripada pendapatan mereka itu tidak dikenakan GST. Barangan yang mereka beli, 68% daripada pendapatan RM3,000 itu, barang-barang yang mereka selalu gunakan adalah barang-barang yang dikecualikan daripada GST ataupun yang dipanggil sebagai *exempted supply* dan juga *zero rated*, dengan izin. Dengan lain-lain perkataan, mereka yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah, 68% daripada belanjanya tidak ada GST. Jadi, pada ketika yang sama, kita juga membantu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, maknanya kalau anak Menteri pun beli barang-barang itu pun, tidak payah bayar cukai juga. Maknanya, *the question is*, orang yang sama, dua individu sama, mereka juga dapat manfaat daripada barang-barang *exempted* cukai itu. Sedangkan orang-orang ini ada mungkin barangan yang mereka beli yang *above* dari barang-barang tersebut. Isunya ialah dua...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Orang individu yang mempunyai kekuatan tidak sama tetapi seorang mendapat manfaat, seorang lagi tidak mendapat manfaat. Itu isunya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Secara *detailnya* kita akan ceritakan apabila GST dibentang pada minggu hadapan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan menimbulkan tentang *Programme for International Students Assessment (PISA)*. Bagaimana kita hendak menangani masalah skor PISA yang rendah. Kita banyak mengadakan inisiatif tentang PISA ini. Seramai 5,250 orang murid berumur 15 tahun ke atas di seluruh Malaysia menduduki ujian PISA pada tahun 2012. Ujian yang seterusnya ialah pada tahun 2015. Pemilihan sampel murid ini diuruskan oleh OECD di mana 150 buah sekolah dipilih secara rawak daripada 10,000 sekolah di Malaysia.

35 orang murid berumur 15 tahun dan ke atas dipilih secara rawak. Oleh sebab pemilihan sekolah dan murid di setiap negara adalah secara rawak, maka keputusan yang diperolehi setiap negara tidak semestinya memberi gambaran pencapaian sebenar murid di negara itu. Dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara yang mengambil bahagian, Malaysia berada di belakang Singapura, Vietnam dan Thailand tetapi mendahului Indonesia dalam ketiga-tiga domain Matematik, Sains dan bacaan.

Pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia diperuntukkan Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM50.57 bilion iaitu 23% daripada Bajet 2014. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan operasi mengurus pendidikan rendah dan menengah RM28.78 bilion (56.91%). Untuk peperiksaan pada tahun 2015, penerapan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum memberi kursus KBAT kepada guru-guru, peningkatan peratus kandungan KBAT iaitu Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam soal peperiksaan awam seperti SPM dan mengubah format soalan menjurus kepada soalan dalam PISA.

Memperkenalkan program i-Think kepada guru untuk melatih murid menggunakan peta minda, menambah baik pada kurikulum sedia ada agar dapat merangkumi kesemua topik yang ada dalam kajian PISA dan ujian *mock test* kepada semua murid yang terlibat dengan kajian PISA 2015. Kemudian Yang Berhormat Bagan, menyebut tentang kadar faedah rendah ke atas pembelian rumah mampu milik. Dalam penentuan kadar faedah pinjaman perumahan, institusi perbankan akan merujuk kepada faktor-faktor seperti kos dana mereka, tempoh pinjaman risiko kredit, margin keuntungan dan keadaan prasarana semasa.

Peminjam boleh membuat perbandingan kadar faedah yang dikenakan oleh institusi perbankan dan memilih produk pinjaman perumahan yang paling sesuai untuk keperluan mereka dengan melayari web [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my). Antara perkara-perkara yang kita lakukan untuk membantu rakyat. Skim Rumah Pertamaku telah dilancar pada 8 Mac 2011 bagi membantu para peminjam yang berpendapatan sederhana. Skim ini bertujuan untuk membantu golongan muda yang juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat

Kuala Selangor, yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM5,000 sebulan atau pasangan suami isteri yang berpendapatan tidak lebih daripada RM10,000 untuk memiliki rumah pertama mereka.

Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada institusi perbankan untuk pembelian rumah pertama mereka yang bernilai RM220,000 ke bawah. Bagi permohonan secara individu atau RM400,000 ke bawah bagi permohonan suami dan isteri. Selain daripada itu, di bawah Kementerian Kewangan, kita ada Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP). Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 2008. SJKP menyediakan jaminan kemudahan kewangan untuk pinjaman yang diberi oleh institusi perbankan bagi tujuan pembelian rumah kos rendah dan sederhana rendah yang bernilai RM100,000 ke bawah. Ini kepada mereka yang tidak mempunyai penyata gaji untuk mendapat kemudahan kewangan bagi pembelian rumah kediaman mereka.

Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Temerloh, apakah impak peruntukan 2013 ini ke atas defisit fiskal? Peruntukan tambahan 2013 ini tidak menjejaskan sasaran defisit fiskal 4.0% yang ditetapkan pada tahun 2013. Malahan melalui kecekapan pengurusan kewangan, kerajaan telah mencapai defisit fiskal 3.9% pada tahun 2013. Lebih baik dari sasaran 4.0%. Yang Berhormat Jasin, mengenai pakej rangsangan ekonomi, cadangan pelaksanaan projek menaik taraf jalan Tangkak–Jasin, Pakej 2, Pakej 3 telah dikemukakan dalam permohonan projek *rolling plan* keempat tahun 2015 berdasarkan senarai keutamaan negeri Melaka. Kelulusan pelaksanaan projek akan diketahui selewat-lewatnya pada Julai 2014.

Yang Berhormat Jasin, jumlah peruntukan nelayan daripada segi subsidi dan peruntukan insentif tangkapan pada tahun 2013, RM92.4 juta. Tahun 2014 akan dibayar dalam tahun 2014 ini, jangkaan RM91.2 juta. Dari segi subsidi bahan api petrol dan diesel untuk nelayan pesisir pantai iaitu petrol, tahun 2013, RM172.8 juta. Nelayan laut dalam iaitu diesel, RM1.430 bilion untuk kita bagi subsidi pada nelayan dari segi diesel.

#### ■1710

Kemudian isu BERNAS, Yang Berhormat Kinabatangan. Stok penimbal beras negara telah ditetapkan pada 292,000 tan metrik dan boleh bertahan selama 45 hari. Namun begitu, jika mengambil kira pegangan semua stok beras yang melibatkan pegangan stok penimbal, BERNAS, pemborong dan pengilang-pengilang dalam satu-satu masa, jumlah beras dalam negara dianggarkan melebihi 700,000 tan metrik. Jumlah ini mampu menampung keperluan beras dalam negara untuk tempoh tiga hingga empat bulan.

Mengenai cadangan penubuhan semula Lembaga Padi dan Beras Negara, kementerian mengambil maklum dan sedang mengkaji perkara tersebut.

Yang Berhormat Bagan mengenai isu pelaksanaan gaji minimum, mencadangkan RM1,100 sebulan. Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 [Akta 732] menghendaki Majlis Perundangan Gaji Negara (MPGN) mengkaji semula perintah gaji minimum sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun. Perintah gaji minimum sedia ada dibuat pada tahun 2012 dan dengan itu perintah ini akan dikaji pada tahun ini bagi menilai keberkesannya dan implikasi gaji minimum ke atas pembangunan sosial dan ekonomi negara.

Yang Berhormat Bagan membangkitkan isu majikan-majikan IKS tidak dibenarkan menggajikan pekerja asing. Untuk makluman Ahli Dewan, majikan-majikan dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing setelah mengiklankan kekosongan jawatan untuk ditawarkan kepada pencari kerja tempatan. Majikan hanya akan diberi sokongan untuk mengambil pekerja asing apabila gagal untuk mendapatkan calon pencari kerja tempatan dan memenuhi syarat-syarat serta prosedur pengambilan pekerja asing.

Seterusnya, Yang Berhormat Gombak mengenai kegiatan ah long. Antara yang diambil tindakan oleh PDRM ialah:

- (i) mengumpul risikan berkaitan dengan sindiket ini sama ada secara perseorangan atau berkumpulan melalui tindakan di bawah *Anti Money Laundering Act Malaysia (AMLA)* dan *Anti Money Laundering and Anti Terrorism Financing Act 2001 (AMLATFA)*; dan
- (ii) memberikan bantuan keselamatan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam operasi menurunkan segala poster dan iklan ah long dan PDRM bekerjasama dan berganding bahu

dengan KPKT dalam elemen penguatkuasaan pencegahan dan kempen-kempen memerangi kegiatan along.

Yang Berhormat Pokok Sena membangkitkan isu berkenaan kedudukan jawatan kedua-dua pasangan Malaysia di Sweden setelah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sweden, mohon dikecualikan daripada tindakan buang kerja. Mengenai kedudukan dua orang penjawat awam yang telah dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Sweden, perkara ini akan diteliti secara mendalam terutamanya dari sudut perundangan kerana ia julung-julung kali berlaku ke atas penjawat awam Malaysia.

Yang Berhormat Pokok Sena juga membangkitkan mengenai Kementerian Pendidikan mengenai mengosongkan *Albukhary International University* selaras dengan Akta 555. Kementerian Pendidikan Malaysia telah dimaklum keputusan *Albukhary International University* untuk menghentikan operasi sementara waktu. Pelajar sedia ada akan dipindahkan ke beberapa buah IPT yang dikenal pasti. Universiti ini memberikan 700 pelajar percuma segala-galanya dari segi yuran, makan minum dan penginapan selama empat tahun didapati sukar untuk diteruskan. Oleh itu, apa yang berlaku ialah mereka menutup sementara universiti itu dan menghantar pelajar-pelajar 700 orang itu ke institusi lain. Namun, Yayasan Albukhary akan terus membantu pelajar-pelajar yang berkaitan.

Yang Berhormat Pokok Sena bertanya apakah kriteria kerajaan dalam membolehkan kewujudan pembinaan sesebuah universiti. Penubuhan sesebuah IPTA mahupun cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ini dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosioekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Yang Berhormat Pokok Sena juga bertanya mengapa Kolej Darul Ulum yang bertempat di Pokok Sena, Kedah tidak diberi kelulusan untuk menubuhkan universiti oleh kerajaan. Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia, Kolej Darul Ulum yang bertempat di Pokok Sena, Kedah tidak pernah memohon sebarang kelulusan untuk ditubuhkan sebagai sebuah universiti. Sekiranya kolej berkenaan memohon dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan, kementerian akan meneliti perkara tersebut.

Yang Berhormat Lenggong minta kerajaan mengkaji Program MyHome supaya sekiranya terdapat rakyat yang ingin membina rumah di atas tanah sendiri turut diberi insentif sebagaimana Program MyHome. Kerajaan setakat ini tidak bercadang untuk memberikan insentif untuk Skim MyHome sebanyak RM30,000 kepada rakyat yang membina rumah secara persendirian. Ini kerana bantuan seperti itu telah dilaksanakan oleh program-program kerajaan yang lain. Di bawah KPKT, Jabatan Perumahan Negara ada menawarkan skim pinjaman perumahan sebanyak RM45,000 kepada rakyat yang ingin membina rumah di atas tanah sendiri. Kadar caj perkhidmatan bagi SPP ini juga adalah rendah pada kadar dua peratus sahaja jika dibandingkan dengan pinjaman perumahan yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim MyHome ini memberikan insentif RM30,000 kepada pembeli yang layak untuk membeli rumah kos sederhana rendah dan kos sederhana. Insentif RM30,000 tersebut adalah termasuk duit pendahuluan sebanyak 10% daripada harga rumah yang perlu dibayar. Ini secara tidak langsung dapat membantu pembeli membeli rumah MyHome kerana mereka tidak perlu mengeluarkan duit pendahuluan tersebut.

Mengenai sistem perumahan yang diguna pakai di Pulau Pinang iaitu Shared Owning Scheme dengan izin di mana 30% ditampung oleh kerajaan dan 30% rakyat membuat pinjaman daripada bank, Kerajaan Persekutuan tiada halangan sekiranya pihak kerajaan negeri berminat untuk turut serta dalam menyediakan insentif bagi menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat. Ini termasuk pada semua kerajaan negeri yang lain. Kerajaan Persekutuan sentiasa komited dalam memastikan setiap rakyat di negara ini memiliki rumah yang disediakan dengan keperluan asas pada harga yang munasabah. Pada tahun 2014, Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi pembinaan 10,000 unit mampu milik di seluruh negara di bawah Skim MyHome.

Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan mengenai mengurangkan beban hidup rakyat, berapa ribu rumah mampu milik disediakan di negeri-negeri? Kerajaan Persekutuan telah merancang untuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik melalui Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di bawah Perbadanan PR1MA, Jabatan Perdana Menteri, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) melalui Kementerian Wilayah Persekutuan KPKT, Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah KPKT bagi tahun

2014 sahaja kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM578 juta bagi memulakan pelaksanaan 47 projek PPR yang melibatkan pembinaan 16,473 unit PPR seluruh negara.

Yang Berhormat Gombak mohon penjelasan mengenai pindahan hasil dan butiran terperinci. Memindahkan lebih hasil daripada Kumpulan Wang Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan bertujuan untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan. Ia merupakan satu prosedur kewangan selaras dengan Perkara 100 Perlembagaan Persekutuan iaitu segala pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan termasuk hasil selain daripada perbelanjaan tanggungan hendaklah diluluskan melalui satu Rang Undang-undang Perbekalan yang kita sedang bahaskan sekarang.

Yang Berhormat Kluang, menjelaskan pelantikan Chew Mei Fun sebagai duta khas MH370. Pelantikan Yang Berbahagia Datin Paduka Chew Mei Fun dibuat oleh kerajaan bagi membantu pihak Malaysia Airlines dalam memberi sokongan emosi dan *engagement* kepada ahli-ahli keluarga dan waris penumpang MH370 yang terdiri daripada kalangan rakyat Republik Rakyat China (RRC).

Yang Berhormat Pengerang, mengambil tindakan terhadap media luar seperti CNN. Dalam usaha untuk menangkis berita palsu dan fitnah yang disebar oleh media luar negara dan media baru, Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah melaksanakan strategi tangkis, tahan dan serang dalam semua aktiviti *rebuttal* terhadap berita palsu, khabar angin, fitnah, tuduhan dan penghinaan ke atas individu dan pihak kerajaan.

Selain itu, kementerian juga membantu menyebarkan dan menjelaskan kepada masyarakat umum perkembangan terkini isu kehilangan MH370 ini melalui saluran media sosial dan termasuk aktiviti-aktiviti bersemuka di peringkat lapangan. Walau bagaimanapun, penulisan dan laporan pemberitaan bergantung kepada agenda sesebuah agensi media dan kerap kali dipengaruhi oleh faktor persaingan dalam kalangan agensi-agensi media. Perkara ini adalah di luar kawalan dan bidang kuasa kementerian.

Yang Berhormat Kuala Selangor, pembinaan pengadang jalan, pelebaran jalan Kapar-Bandar Kuala Selangor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan pelaksanaan projek menaik taraf jalan persekutuan dari Bandar Kuala Selangor ke Pekan Assam Jawa telah dipohon dalam *rolling plan* keempat tahun 2015. Mengikut keutamaan negeri Selangor, kelulusan pelaksanaan projek akan diketahui selewat-lewatnya pada Julai 2014.

Mengenai hutang isi rumah yang disebut sebagai *time bomb* oleh Yang Berhormat Bagan. Saya ingin maklumkan di sini bahawa sebahagian besar hutang isi rumah adalah untuk pemilikan aset iaitu 58.2%. Ini terdiri daripada pembelian rumah kediaman, 44.2%; pembelian harta bukan kediaman, 7.6%; dan pembelian saham sekuriti, 6.4%, yang kesemuanya adalah bertujuan untuk memiliki aset, dan 16% adalah untuk membeli kereta. Kereta ini dianggap sama ada sebagai aset atau tidak, kita keluarkan, jika kita campur dengan pembelian kereta, 75% daripada hutang isi rumah itu adalah untuk pemilikan aset.

#### ■1720

Kadar pinjaman terjejas ataupun NPL sektor isi rumah pada tahun 2012, 1.5% dan pada tahun 2013 bertambah baik, 1.3%. Semakin bertambah baik mencerminkan keupayaan isi rumah membayar balik hutang. Daripada 100 orang peminjam, kurang daripada dua orang yang tidak boleh membayar. Peningkatan hutang isi rumah disokong oleh suasana pasaran pekerjaan yang stabil, pertumbuhan pendapatan sejajar dengan perkembangan ekonomi negara, perkembangan hutang isi rumah sentiasa dipantau dengan rapi agar sektor ini terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kestabilan sosioekonomi negara.

Pada tahun 2013, aset kewangan isi rumah meningkat sebanyak 11.2%. Kita kata tentang hutang isi rumah 86% daripada KDNK, namun, aset kewangan isi rumah meningkat sebanyak 11.2% kepada RM1.9 trilion atau 193.5% daripada KDNK. Ini satu berita yang saya ingin kongsi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau kita bercerita tentang hutang isi rumah, kita juga kena bercerita tentang aset kewangan isi rumah. Ini menunjukkan aset kewangan yang kukuh melebihi 2.2 kali ganda hutang isi rumah. Sebagai contoh, jika hutang sebuah rumah ialah RM100,000, nilai rumah sebagai aset sekarang ini ialah RM220,000 atau 2.2 kali.

Yang Berhormat Gombak membangkitkan isu garis panduan bagi pinjaman peribadi tempoh dari 25 tahun hingga 10 tahun dianggap sebagai membebaskan. Penetapan tempoh had pinjaman peribadi pada 10 tahun adalah untuk memastikan

peminjam membuat pinjaman dengan berhemah, ukur baju di badan sendiri. Tempoh pinjaman 25 tahun walaupun nampak bagus dari segi bayaran bulanan tetapi ia memberikan gambaran yang salah kepada peminjam kerana risiko ketidakupayaan membayar hutang bagi tempoh tersebut lebih tinggi. Jumlah hutang pokok campur faedah bagi 25 tahun lebih tinggi berbanding 10 tahun.

Perkembangan ini adalah tidak wajar lebih-lebih lagi sekiranya ditawarkan kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana serta mempunyai tanggungan yang ramai. Ini adalah kerana menggalakkan budaya berbelanja secara berlebihan meningkatkan tahap keberhutangan sektor isi rumah, mengurangkan keupayaan kewangan individu dalam menghadapi tekanan kewangan atau peristiwa buruk dan mengakibatkan implikasi negatif pada kestabilan sosioekonomi negara.

Yang Berhormat Pokok Sena membangkitkan tentang harga getah. Harga getah adalah berdasarkan daripada pasaran terbuka dunia yang diasaskan daripada permintaan dan juga bekalan. Harga yang tersebut boleh berubah dan harga getah Malaysia pada setiap hari dipantau dua kali oleh Lembaga Getah Malaysia berdasarkan getah yang berbagai gred. Misalnya SMR 20, harga kandungan getah kering 100% pada 12.00 tengah hari dan 6.00 petang hari ini ialah RM6.17 sekilo ditolak kos *processing* RM1.30, jumlahnya RM4.87 sekilo. Kemudian kalau getah sekerap yang mengandungi kandungan getah kering 50%, harga adalah dibahagi dua, RM4.87 bahagi dua iaitu RM2.43 sekilo getah sekerap.

Oleh kerana itu, kita ingin menyeru supaya eloklah kita memproses getah kering iaitu yang pertama, dan kedua, elok buat sendiri, jangan diupah pada orang lain, sebab kadang-kadang kadar upah itulah 50-50, 50% kepada penoreh dan 50% kepada pemilik. Ini adalah satu kaedah yang tidak baik. Koperasi juga akan dilibatkan jadi pembeli, bukan orang tengah untuk memastikan harga yang stabil dan Lembaga Getah Malaysia yang pengurusinya ialah Yang Berhormat Jasin sedang mencari mekanisme untuk memastikan ada *floor price* ataupun harga lantai supaya tidak jatuh pada paras kemiskinan.

Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Lenggong membangkitkan mengenai tindakan kerajaan menjawab segala tohmahan *Red Bean Army* dan lain-lain. Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Suruhanjaya Komunikasi (SKMM) sentiasa bekerjasama dengan agensi yang lain dan kita ingin memaklumkan bagi mengawal penyebaran maklumat berbentuk spekulatif terutamanya dalam isu kehilangan MH370, SKMM telah pun mengeluarkan notis berbentuk amaran. Pihak SKMM tidak perlu aduan sebelum menjalankan apa-apa siasatan. Di bawah seksyen 68B AKM 1998, SKMM boleh menjalankan siasatan terhadap mana-mana kesalahan di bawah AKM 1998 walaupun tiada aduan yang dibuat mengenainya.

SKMM telah pun mengeluarkan notis berbentuk amaran dalam talian kepada orang ramai mengenai kehilangan MH370 supaya tidak menyebarkan, memuat naik atau berkongsi sebarang maklumat tanpa berpandukan fakta daripada sumber-sumber yang sah dan penyebaran maklumat palsu boleh disiasat di bawah seksyen 211/233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Sehingga 18 Mac 2014, sebanyak 18 aduan penyalahgunaan media sosial dalam isu kehilangan MH370. Tindakan-tindakan yang digunakan bagi menangani masalah ini adalah dengan mengenal pasti jenis kesalahan siber yang telah dilakukan, mengenal pasti suspek untuk dibuat siasatan dan seterusnya pendakwaan.

Di samping itu, peruntukan di bawah akta ini juga mengehendaki pemegang lesen untuk membantu dalam mencegah kelakuan atau cubaan perlakuan sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis negara, juga bagi mengekang blog-blog yang berbau fitnah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucapkan tahniahlah atas tindakan-tindakan yang dibuat oleh SKMM tetapi nampaknya masih belum mencukupi kerana kita tidak cukup sedar kita bagi amaran sahaja, kena ada tindakan yang tegas. Kalau kita tidak buat, saya fikir makin berleluasa, malah kita lihat hari ini semakin hari semakin banyak putar belit dan sebagainya. Kita hendak tengok apa tindakan sebetulnya. Kalau setakat amaran sahaja ini... *[Disampuk]* Tidak hairan Yang Berhormat Seputeh kata.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya menyokong Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Seputeh bahawa tindakan yang tegas perlu diambil, bukan hanya amaran.

Kedudukan ekonomi. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang kedudukan ekonomi. Contohnya Yang Berhormat Kluang. Kita sebenarnya ada Menteri Kewangan yang sepenuh masa iaitu Menteri Kewangan II. Beliau adalah sepenuh masa, saya membantu. Walaupun Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Pekan sibuk dengan tugas-tugas lain tetapi kita memang ada Menteri Kewangan sepenuh masa iaitu Menteri Kewangan II, Yang Berhormat dari Tambun.

Kewangan Kerajaan Persekutuan lebih baik daripada yang dijangka. Defisit 3.9% untuk tahun 2013. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat menyebut tentang hutang. Hutang Kerajaan Persekutuan masih terkawal, 53.3% nisbah hutang daripada KDNK pada tahun 2012. Dari segi jumlah sebenar, hutang Kerajaan Persekutuan 2013, RM539.9 bilion. Negara jiran kita yang terdekat: Singapura, RM1.02 trilion; China, RM7.21 trilion; Jepun, RM38.51 trilion.

GST sebagaimana kita maklum akan dibentangkan pada minggu hadapan pada kadar 6% dan segala persoalan-persoalan tentang GST bolehlah kita tanyakan pada ketika itu. Akan tetapi satu perkara yang ingin dimaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut daripada graf yang kita dapati daripada pelbagai negara yang telah melaksanakan GST, grafnya menunjukkan bahawa pada permulaan sahaja berlaku kenaikan harga barang. Di Malaysia ini kenaikan harga barang apabila kita melaksanakan GST ialah 1.8%.

Kalau kita melihat graf yang ada di tangan saya ini, misalnya Kanada, apabila memulakan GST pada tahun 1991 memang ada kenaikan, selepas itu turun harga barang. Kemudian Australia pada Julai 2000, mula-mula memang ada kenaikan apabila dilaksanakan GST, selepas itu turun harga barang. Kemudian pada New Zealand, memang mula-mula ada kenaikan harga barang, selepas itu harga barang turun. Kemudian Singapura, mula-mula ada kenaikan harga barang kemudian harga barang turun.

Ini yang kita lihat daripada model negara-negara yang telah melaksanakan GST dan ada 160 negara telah melaksanakan GST. Memanglah kita tahu bahawa ia ada impak ke atas API iaitu 1.8% tetapi ada beberapa perkara yang kita akan buat iaitu Jawatankuasa Pemantauan dan Pelaksanaan GST oleh Menteri Kewangan II akan sentiasa memantau.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Boleh Yang Berhormat Menteri pasal GST?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pelaksanaan GST di dalam negara-negara yang Yang Berhormat Menteri sebut itu naik, kemudian turun, oleh kerana ada satu ekonomi yang betul-betul terbuka, yang bebas daripada monopoli.

#### ■1730

Maknanya kalau sebelum itu ada cukai yang perlu dibayar dan dimasukkan di dalam kos dengan pengenalan GST apabila ada kredit cukai, itu secara terbuka menurunkan harga barang selepas beberapa tahun. Akan tetapi ekonomi keempat-empat negara yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah ekonomi yang terbuka, yang pasarannya kompetitif, berdaya saing, tidak macam Malaysia yang mana harga barangan asas pun adalah dikawal dan banyaknya itu juga terdedah kepada monopoli konglomerat-konglomerat yang sedia ada.

Jadi sebab itu, kita tidak yakin tidak boleh dibandingkan pengalaman di Australia dan Kanada contohnya dengan Malaysia. Ini kerana di Kanada dan Australia tidak ada syarikat-syarikat besar yang memonopoli utiliti dan juga perkara-perkara yang menjadi asas kepada kos perniagaan yang ditanggung oleh rakyat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita melaksanakan GST ini antara sebab-sebabnya ialah pertama sistem yang ada sekarang ini SST, cukai jualan dan cukai perkhidmatan ini berlaku pindahan harga, cukai atas cukai berlaku. Katalah satu barangan itu harganya RM100 termasuk pakaian yang kita pakai sekarang ini semuanya kita telah bayar cukai. Akan tetapi pembayaran cukai itu diambil oleh Kastam di peringkat kilang, 10%. Harga barang yang RM100 itu menjadi RM110. Kemudian ada cukai atas cukai ataupun *cascading effect*, dengan izin.

Dalam kaedah cukai jualan sekarang ini yang diambil juga oleh pemborong atas peratusan yang tertentu dan diambil juga oleh peruncit atas peratusan yang tertentu, akhirnya tiba kepada kita semua sebagai pengguna termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Barangan daripada RM100 yang sudah kena cukai jualan 10% jadi RM110 itu apabila tiba di tangan kita sebagai pengguna ia menjadi RM115, RM116, RM117, RM118 dan RM120 bergantung kepada di mana kita membeli satu-satu barangan itu.

Namun jika dilaksanakan GST tidak ada *cascading effect* ataupun *tax on tax*, cukai atas cukai ini. Barangan yang RM100 itu bukan lagi RM117, RM120 atau RM118 tetapi barangan itu menjadi RM106 sahaja. Apa yang berlaku ialah selepas ini mulai 1 April 2015, 6% itu akan dimasukkan dalam bil. Pengguna melihat ada 6% maka mereka akan marah, kenapa dahulu tidak ada 6% sekarang ada 6%? "Kenapa saya perlu bayar RM106?" Walhal dia lupa bahawa sejak tahun 1972 cukai jualan ini telah dilaksanakan. Dia telah membayar barangan yang RM100 itu RM115, RM116, RM117 dan RM120.

Jadi, itu kelemahan cukai jualan yang ada sekarang ini. GST ini juga lebih efektif, dia ada *self-policing*, kurang kerenah birokrasi, tingkatkan pematuhan cukai dan boleh mengurangkan *underground economy* supaya mereka yang kurang cukai, yang tidak bayar cukai membayar cukai. Hasil negara ini sebagaimana kita maklum banyak bergantung pada hasil petroleum iaitu 32% pada tahun 2012. Bergantung kepada cukai pendapatan, sama ada pendapatan individu dan juga cukai pendapatan syarikat, 56% tahun 2012.

Oleh sebab itu, kita tidak mahu hanya bergantung kepada hasil petroleum. Bukan hanya bergantung pada hasil cukai pendapatan, kita ingin supaya cukai GST ini, *Good and Services Tax* (GST) ini juga merupakan hasil kepada negara yang kita pulangkan kembali kepada rakyat, itu yang penting. Pulangkan kembali kepada rakyat.

Seterusnya, banyak yang menimbulkan tentang GST membebaskan peniaga dan sebagainya, itu nanti akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai soalan Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Kuala Selangor, rumah untuk belia. Kita ada Program Perumahan Rakyat, 72,076 unit rumah kos rendah. Ini janji Kerajaan Barisan Nasional. Dalam masa lima tahun kita ingin membina satu juta rumah mampu milik. Satu juta buah rumah mampu milik.

Saya menyemak kembali sebelum saya menjawab ini. Berapakah jumlah kerajaan pembangkang dalam manifesto mereka jika dibandingkan dengan manifesto Kerajaan Barisan Nasional? Manifesto pembangkang dengan Barisan Nasional dari segi menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh semak pembangkang dalam manifesto mereka menjanjikan hanya 150,000 buah rumah dalam masa lima tahun dan kita menjanjikan satu juta rumah mampu milik untuk rakyat dalam masa lima tahun.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Itulah Yang Berhormat dari Kerajaan Pusat, cukai pendapatan kita semua bayar kepada Pusat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kerajaan negeri, kita hanya dapat cukai tanah sahaja, mana cukup untuk buat begitu banyak rumah mampu milik? *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Minta pun tidak ada, tiba-tiba cakap ini Yang Berhormat Seputeh.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Seputeh, saya ingin mengulang apa yang saya sebut. Dalam *Buku Jingga* Yang Berhormat Seputeh dan rakan-rakan Yang Berhormat Seputeh. Dalam *Buku Jingga*, dalam masa lima tahun Yang Berhormat Seputeh dan rakan-rakannya hanya hendak menyediakan 150,000 rumah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita hendak menyediakan satu juta buah rumah, jadi kita lebih baik daripada mereka. Itu sebab kita menang dalam pilihan raya yang lepas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam *Buku Jingga* kita bukan setakat menawarkan rumah murah, kita juga menawarkan hapuskan tol. Kita juga menawarkan petrol dihapuskan. Kenapa tidak sebut benda itu? *[Disampuk]* Kita juga menawarkan pendidikan percuma. Bermakna walaupun kita tidak menyediakan rumah mungkin sebanyak yang diperlukan akan tetapi kita telah membahagiakan rakyat ini. Kita akan bagikan, dapat mengurangkan kos sara hidup

mereka. Pendidikan yang asas percuma daripada peringkat rendah sampai peringkat universiti. Tol tidak ada lagi. Jadi, janganlah kita hanya fikir dan tengok satu sudut sahaja. Baca keseluruhan *Buku Jingga* itu baru boleh faham!

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya baca keseluruhan Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ha! Akan tetapi tidak faham juga, Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana ini?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, saya baca keseluruhan *Buku Jingga* itu. Kalau Yang Berhormat Sepang ingin menurunkan harga minyak, berapa banyak lagi harga minyak Yang Berhormat Sepang hendak turunkan? Alang sekarang ini pun...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bagi kita perintah dululah, kita tahulah macam mana hendak buat. *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Minyak gamat, minyak...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dulu sebelum...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** *[Ketawa]* Alang sekarang ini pun perbelanjaan kita sudah RM22 bilion setahun...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebelum Selangor diperintah oleh Pakatan Rakyat, orang mungkin terfikir macam mana hendak bagi air percuma 20 meter padu. Kita perintah, kita boleh bagi! *[Dewan riuh]* Ini menunjukkan kalau bagi peluang, kita boleh buat! Bagi peluang dululah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini peluang tidak hendak bagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ha! Macam mana?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Sepang, ada pemimpin-pemimpin daripada pembangkang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk dulu Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu yang lain-lain. Duduk dahulu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Bila UNISEL hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua betul tetapi saya lebih betul kerana melanggar peraturan mesyuarat. *[Ketawa]* Sila teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau tidak semua hendak tidur Tuan Yang di-Pertua. Bagilah sedikit, kita ada *promotion* sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Pembangkang kata mereka akan turunkan harga minyak kalau mereka memerintah. Akan tetapi kenapa mereka tidak turunkan harga minyak di Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya Allah Menteri, apalah Menteri ini punya soalan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Itu soalan Menteri tidak boleh bagilah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri tidak boleh beza antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri. Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *Unbecoming of a Minister to say that. [Dewan riuh]*



**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, KPDKK telah memaklumkan kepada saya bahawa kerajaan-kerajaan negeri itu boleh untuk menurunkan harga minyak. Akan tetapi mereka kena bayar subsidi tambahan kepada semua rakyat yang menggunakan minyak di kawasan mereka. Ini bukan masalah senarai persekutuan, masalah senarai negeri. Ini adalah merupakan pembohongan oleh mereka. Kata berkokok ayam turun harga minyak, berjuta-juta ekor ayam berkokok di tiga negeri itu, kenapa harga minyak tidak diturunkan sampai sekarang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita akan turun minyak kalau kita perintah peringkat Pusat. Kita tidak perintah peringkat Pusat, peringkat negeri kita tak boleh hendak turunkan. Apa punya Menteri ini? Tidak faham benda asas. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, teruskan.

**Seorang Ahli:** Pembangkang pun bodoh ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Hendakkan berjuta-juta kokok ayam, berapalah ayam jantan di Malaysia ini? Sila teruskan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat tadi Yang Berhormat Sepang ada sebut Yang Berhormat patut membaca *Buku Jingga* sepenuhnya. Saya ingat dalam isu ini bukan setakat Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah baca tetapi rakyat Malaysia pun sudah baca, sebab itulah mereka ditolak. Jadi tidak adalah isu lagi, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih. Mengenai kos harga barang. Kita tidak menafikan bahawa harga barangan sekarang ini 3.4% CPI ataupun kadar inflasi, kerajaan akan terus berusaha untuk mengekang kadar inflasi ini.

#### ■1740

Namun kalau kita lihat negara-negara jiran yang lain, kita 3.4% pada bulan Januari 2014. Vietnam - 5.5%, Filipina - 4.2%, India - 5.1%, Hong Kong - 4.6% dan Indonesia - 8.2%.

Bererti bukan kita sahaja yang mengalami kenaikan harga barang tetapi negara-negara yang saya sebutkan itu pun kita akan terus membantu rakyat menangani peningkatan kos sara hidup ini. Sebagaimana kita sedia maklum, kita memberikan BR1M, kita akan memperbanyakkan kedai Agro Bazar Kedai Rakyat, Menu Rakyat 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, ini bagi menjawab Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Pokok Sena, bantuan persekolahan RM100, kemudian yuran persekolahan yang tidak ada lagi, yuran kerajaan untuk peperiksaan telah dimansuhkan. Apa yang ada hanya yuran persatuan iaitu bukan yuran kerajaan, PIBG, bantuan RM100 setiap pelajar untuk makanan Rancangan Makanan Tambahan, buku teks secara percuma kesemuanya, insurans bas sekolah, yuran taska RM250 sebulan pemberian untuk taska, baucar buku RM250 pelajar institusi pengajian tinggi, bantuan kos penghantaran dan pengagihan untuk penyeragaman harga di Sabah dan Sarawak, meneruskan subsidi insentif bantuan lain sebanyak RM46.7 bilion pada tahun 2013, menyediakan pelbagai bantuan secara tidak langsung dalam bentuk perkhidmatan sosial dengan bayaran yang minimum atau percuma, membina rumah mampu milik, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta dan juga pelepasan cukai sebagaimana saya sebut tadi sehingga pendapatan RM8,000 potong RM2,000, untung RM480 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, daripada RM2.392 bilion bajet tambahan ini, saya ingin memaklumkan bahawa RM2.099 bilion adalah merupakan lebihan hasil di hujung tahun 2013. Ini kerana pegawai-pegawai kita, lembaga hasil dan juga kastam mengutip hasil dengan baik, maka di hujung tahun 2013, kita dapat RM2.099 bilion lebihan hasil. Lebihan hasil ini dimasukkan dalam Wang Yang Disatukan. Apabila Wang Disatukan telah masuk dalam Wang Disatukan untuk kita keluarkan untuk masuk dalam tabung atau pun wang pembangunan, maka kita memerlukan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pada hari ini.

Jadi kalau kita banding dengan Ketua Pembangkang dulu, Yang Berhormat Gombak mengatakan bahawa semua yang bekalan tambahan sewaktu Ketua Pembangkang Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan adalah untuk suntikan rangsangan ekonomi. Akan tetapi sebenarnya perkara itu tidak benar hanya sekali sahaja rangsangan ekonomi. Saya ingin mengulang untuk makluman Ahli Yang Berhormat ketika Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan tahun 1991 empat kali

bekalan tambahan, tahun 1992 empat kali, tahun 1993 empat kali, tahun 1994 empat kali, tahun 1995 empat kali, tahun 1996 tiga kali, tahun 1997 empat kali, tahun 1998 dua kali.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita daripada tahun 2009 hingga tahun 2013 hanya dua kali setahun. Terima kasih, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ‘Tidak kasi *chance*’. Saya jawab dalam kenyataan akhbar ya.

**Beberapa Ahli:** Jawablah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Diputuskan,*

*Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:*

*“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak enam ratus empat puluh sembilan juta tiga ratus tujuh puluh lima ribu lapan ratus lima puluh ringgit (RM649,375,850) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2013 bagi maksud dan butiran projek seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2013 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2014 dan yang disenaraikan di sebelah maksud dan butiran projek dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut”.*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**5.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM2,392,077,572 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan kedua tahun 2013 bagi maksud-maksud bekalan B.6, B.7, B.12, B.13, B.21, B.23, B.27, B.29, B.30, B.43, B.47, B.62 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM649,375,850 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan tahun 2013 bagi maksud-maksud pembangunan P.6, P.10, P.12, P.22, P.23, P.24, P.25, P.27, P.28, P.29, P.30, P.31, P.41, P.42, P.43, P.46, P.47, P.48 dan P.62 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1, tahun 2014 dan Kertas Perintah 2, tahun 2014 masing-masing dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua tahun 2013, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama tahun 2013 telah pun dibentangkan terdahulu. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran peruntukan tambahan ini adalah juga diberi dalam *Memorandum Perbendaharaan* yang dibentangkan

sebagai Kertas Perintah 1A tahun 2014 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2013 dan Kertas Perintah 2A tahun 2014 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2013. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Majlis bersidang semula sebagai majlis mesyuarat.

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa 1 April 2014. Terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.47 petang]***